



Tin-mining; removing surface soil (Cheras, Selangor).



Kampung Bahru telah dibentuk oleh kuasa kolonial Ingeris sebagai sebuah petempatan pertanian Melayu pada tahun 1900. Tujuannya ialah untuk membekalkan bahan makanan kepada penduduk Kuala Lumpur lainnya yang terdiri daripada migran Cina yang bergiat dalam bidang perlombongan bijih timah dan perniagaan. Orang Melayu Kampung Bahru sendiri dilarang terlibat dalam kedua-dua kegiatan ekonomi ini.



Kini, ketika kita bersedia memasuki abad ke-21 dan alaf baru.
Kampung Bahru masih tercicir dalam arus pembangunan Kuala Lumpur yang begitu pesat.

Sejarah Kampung Bahru
Di Sini Awal Segalanya Bermula

Jalil Sg.

Alma A. Sg.

5/9/99

SEJARAH
KAMPUNG BAHRU
DI SINI AWAL SEGALANYA BERMULA

Dato' Dr. Suleiman Mohamed
Lokman Haji Mohd. Zen

Diterbitkan oleh
Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi,
1999.

Cetakan Pertama, 1999

Hak cipta Suleiman Mohamed & Lokman Haji Mohd. Zen, 1999

Hak cipta terpelihara.

Tiada Bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang alat juga pun, sama ada dengan cara elektronik, gambar serta rakaman dan sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada penulis dan penerbitnya terlebih dahulu.

Diterbitkan di Malaysia oleh Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA),
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Dicetak di Malaysia oleh
Pusat Teknologi Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi,
Selangor Darul Ehsan.

Perpustakaan Negara Malaysia
Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Suleiman Mohamed & Lokman Haji Mohd. Zen
Sejarah Kampung Bahru / Di Sini Awal Segalanya Bermula.

1. Sejarah Kampung Bahru
 2. Sejarah Kuala Lumpur
 3. Melayu -- Malaysia
1. Judul

APB 01053423

ISBN 983-09897-
NASKAH PEMBELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

18 MAR 2002

M
959-5116
SUL

KANDUNGAN

	Kata Pengantar	7
1	Pengenalan	11
2	Sejarah Awal Kuala Lumpur	13
3	Sejarah Kampung Bahru	54
	Agama	63
	Pendidikan	65
	Perumahan	68
	Ekonomi dan Pertanian	69
	Kelab Sultan Sulaiman	73
	Persatuan dan Pertubuhan	78
4	Lawatan Sultan Abdul Samad ke Kuala Lumpur	84
5	Petempatan Awal Melayu di Kuala Lumpur	87
6	Peranan Penghulu-Penghulu di Kuala Lumpur	91
7	Penentangan Terhadap Malayan Union	99
8	Kampung Bahru dan Masa Depan	102
9	Pola Kependudukan Masyarakat Kampung Bahru	110
10	Salasilah Sultan-Sultan Selangor	122
11	Warta Kerajaan Selangor 1951	126
	Rujukan	133

*Diterbitkan Bersempena Lawatan Kerja
Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong Ke-11,
Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj
Ibni Al-Marhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Alhaj dan
Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tengku Siti Aishah
Ke Kampung Bahru Pada Ahad, 5 September 1999*

Kata pengantar

Dalam sejarah peradaban manusia, bandar adalah pusat di mana segalanya bermula. Kedudukan istimewa bandar sebagai nadi penggerak peradaban masih kekal hingga kini sebagai satu fenomena sosial biarpun kita sudah didakap globalisasi.

Apabila sistem bandar mula terbina kira-kira 3,000 tahun lalu di sepanjang Sungai Nil di Mesir, di kawasan Tigris-Euphrates (kini Iraq) dan di Indus (kini Pakistan), setiapnya dikepung oleh dinding-dinding yang diperbuat dari lumpur tanah liat dan dikotak-kotakkan kepada bahagian-bahagian kecil yang masing-masing didindingi oleh bahan tanah liat yang sama. Persis bandar ketika itu merupakan kawasan terkepung yang dipecahkan kepada beberapa bahagian dalam, yang setiapnya pula didiami oleh manusia yang datangnya daripada kawasan yang berlainan masyarakat dan budayanya.

Kota Melaka, yang wujud 4,500 tahun kemudian, seperti yang diuraikan oleh Tom Pires, pun begitu juga sifatnya, yakni mengandungi kotak-kotak dalam biarpun lebih besar dan terbuka dari segi saiz serta sifat aturannya. Maka wujud perkampungan orang Jawa, orang Cina, orang Keling dan beberapa yang lain, namun interaksi antara penghuni yang berbeza ini tetap dinamik.

Hampir 600 tahun selepas Melaka, kota Kuala Lumpur pula telah terbina, pun tidak berbeza dari segi pola aturannya, tetap terkotak-kotak tetapi tanpa dinding tanah liat yang memisah-misahkan

penduduknya secara fizikal. 'Dinding' yang memisahkan serta membedakan kotak-kotak ini tetap wujud tetapi tidak kelihatan kerana ianya adalah bersifat sosial, ekonomi dan budaya, seperti jenis kegiatan ekonomi, kelas sosial dan adat resam serta adat istiadat para penghuninya. Interaksi akrab hanya di ruang ekonomi akibat dorongan pasaran.

Kampung Bahru adalah salah satu bahagian, atau kotak sosial yang dimaksudkan, dalam kota Kuala Lumpur yang sedang tumbuh mekar ketika itu. Ianya menjadi simbol kewujudan kaum Melayu pribumi di tengah-tengah kaum imigran yang terus meneroka dan membuka atas dorongan kepentingan ekonomi semata-mata.

Ironisnya, kegiatan awal ekonomi orang Melayu di Kampung Bahru ini tidak berbeda dengan kegiatan kaum imigran Cina yang mendominasi kota Kuala Lumpur ketika itu, iaitu masing-masing adalah pendulang bijih. Namun kegiatan orang Melayu terus kekal sebagai pendulang secara kecil-kecilan sedangkan kegiatan pendulang bijih Cina bertukar menjadi penggali bijih secara besar-besaran kerana mereka punyai modal yang lebih besar justru mampu meningkat dan memanfaatkan teknologi sehingga boleh menjadi penggali serta pelombong bijih secara besar-besaran. Ringkasnya, pendulang bijih Melayu menjadi terpinggir kerana fungsi modal.

Apabila Kuala Lumpur tidak lagi menjadi pusat bijih tetapi berubah wajah menjadi pusat komersial dengan kehadiran pemerintah kolonial British, pastinya yang bermodal besarlah yang dapat mengambil kesempatan ini. Penduduk Melayu di Kampung Bahru pun turut terlibat dalam kegiatan komersial tetapi sekadar di pinggir kerana tidak bermodal. Jurang ekonomi ini kemudiannya menjelma menjadi jurang sosial, yang bukan hanya dapat diukur dari segi maju mundurnya pencapaian ekonomi tetapi juga dari segi kelas sosial, khususnya dari segi kaya-dhaifnya cara hidup, dan pola kekerapan interaksi antara kaum.

Implikasi politik daripada kewujudan jurang ekonomi dan sosial ini tidak tidak dirasakan sangat sehingga selepas Merdeka kerana penghuni di Kampung Bahru, biarpun bersifat 'minoriti' dalam bandar Kuala Lumpur, namun mereka tetap menjadi 'bangsa pentakrif' dalam konteks politik negara. Malah parti UMNO itu sendiri mekar dan segar bugar bertelapakkan Kampung Bahru.

Tahun 1969 menjadi *watershed* dalam kesedaran politik Melayu

tentang betapa luas dan dalamnya perbezaan serta jurang ekonomi-sosial yang wujud antara mereka dan kaum bukan Melayu. Kesedaran ini terjelma setelah berlakunya peristiwa trajik berdarah, iaitu 'Peristiwa 13 Mei 1969.' Pentas di mana peristiwa hitam tetapi bersejarah ini terjadi, yang kemudiannya menjadi *catalyst* kesedaran politik Melayu seluruh Malaysia, adalah di Kampung Baru.

Ringkasnya, Kuala Lumpur dan realiti dalamannya, khususnya kedudukan terpinggir Kampung Bahru, adalah bersifat *microcosm* kepada suatu realiti geografis-sosio-ekonomi yang jauh lebih besar, yakni mencerminkan keadaan sebenar di seluruh 'Persekutuan tanah Melayu' ketika itu, di mana kaum Melayu terpinggir dari segi ekonomi dan sosial, malah menjadi semacam minoriti dalam konteks ini, biarpun merekanya dari segi demografik adalah yang terbesar dan dari segi politik yang berkuasa.

Oleh yang demikian, terbitnya buku ini, *Sejarah Kampung Bahru: Di Sini Awal Segalanya Bermula*, adalah bertujuan untuk merakamkan ironis ini berdasarkan sejarah dan pengalaman Kampung Bahru, biarpun satu pengalaman mikro namun mempunyai implikasi makro di Malaysia. Usaha gandingan penulis buku ini, Dato' Dr. Suleiman Mohamed dan sdr. Lokman Mohd. Zen, mestilah kita lihat sebagai satu sumbangan yang bertujuan untuk menyingkap satu lagi sudut analisis, atau membuka satu lagi jendela perspektif, darimana kita boleh melihat Kampung Bahru dan pengalamannya seabad yang lalu sebelum sang suria terbit di ufuk timur melambai kedatangan abad baru ke 21.

Kepada kedua penulis kita ucapkan tahniah sekali gus terima kasih kerana kejayaan mereka menerbitkan buku ini. Semoga manfaatnya dapat dirasakan oleh jenerasi abad 21 nanti.

Selamat membaca.

Profesor Dr. Shamsul Amri Baharuddin

Pengarah

Institut Alam dan Tamaddun Melayu

Universiti Kebangsaan Malaysia.



1

Pengenalan

Kawasan Kampung Bahru terletak di bahagian Utara pusat bandar Kuala Lumpur, dilingkungi oleh Jalan Raja Muda di sebelah Utara dan Jalan Tunku Abdul Rahman di sebelah Barat. Batas bahagian Selatan adalah Jalan Dang Wangi dan Sungai Kelang di sebelah Timur. Keluasan daerah ini adalah 220 ekar dengan jumlah penduduk seramai 36,650 orang (Bancian 1985).

Salah satu projek besar yang dijalankan pada tahun 1900 ialah penubuhan penempatan Melayu di tanah rizab kerajaan seluas 220 ekar di pinggir Kuala Lumpur. Tanah yang diperuntukkan itu keadaannya sebahagian tanah yang rata, sebahagian lagi tanah tinggi dan sebahagiannya lagi berpaya terletak di sempadan bandar Kuala Lumpur.

Sebelum terbentuknya *The Malay Agricultural Settlement*, kawasan Kampung Bahru cuma merupakan suatu kawasan semak belukar dan tiada orang yang berminat untuk mendiami kawasan tersebut. Namun terdapat juga segelintir orang Melayu yang menggunakan kawasan tersebut untuk mencari hasil hutan yang boleh dijual di pasar. Tetapi setelah Baginda Sultan Suleiman menganugerahkan kawasan tersebut dan mengisytiharkannya sebagai kawasan simpanan orang Melayu, barulah ada di kalangan masyarakat Melayu tempatan yang mula mendiami kawasan pinggiran ini. Mereka mula mengerjakan tanah-tanah di sekitar

kawasan tersebut untuk bercucuk tanam secara kecil-kecilan dan lama kelamaan semakin ramai berhijrah mendiami kawasan ini (Ghazali, 1983:11).

Catatan sejarah mengatakan bahawa kawasan Kampung Bahru terdiri daripada tujuh buah perkampungan kecil yang telah dirizabkan sebagai *Malay Agricultural Settlement (MAS)* pada tahun 1900. Penrizapan ini telah diwartakan pada 12 Januari 1900 oleh Residen Selangor, pada masa itu di bawah kebenaran Seksyen 6 Enakmen Tanah 1887.

Peraturan-peraturan ini bertujuan untuk mengkhaskan petempatan itu kepada orang Melayu sahaja dan untuk menggalakkan pertanian, kesenian, dan pertukangan tangan. Di antara tujuan lain adalah untuk menyediakan bagi orang Melayu yang bekerja berhampiran dengan bandar dan kerja-kerja harian mereka pada kos yang rendah.

Kemudian tempat ini diambil oleh *peon* dan orang suruhan yang bekerja di pejabat-pejabat kerajaan yang menyedari bahawa hal ini merupakan satu kemudahan yang disediakan untuk kebaikan mereka. Penempatan ini kemudian diambil oleh pemandu-pemandu kereta lembu pula terutamanya mereka yang datang dari Melaka dan kemudian diikuti oleh orang Sumatera dan Jawa untuk tinggal di sini.

Dapat dikatakan tidak ada orang Melayu yang datang dari Selangor di penempatan itu selain Raja Mahmud berstatus sebagai seorang Penghulu. Raja Mahmud putera Sultan Muhammad (1828-1857) lebih disukai oleh rakyat untuk menaiki takhta pada tahun 1857. Oleh kerana beliau masih kecil maka hak beliau diketepikan. Beliau yang disifatkan berkebolehan baik dari segi pencapaian intelektual maupun idea yang progresif.

Pandangan dari kacamata orang Eropah Raja Mahmud dan Sultan Alauddin Suleiman Shah adalah orang yang boleh berbincang mengenai kemajuan masyarakat Melayu bandar.

Kehidupan di petempatan ini dikatakan sangat sehat. Ciri-ciri kehidupan di sini diatur rapi mengikut tradisi kehidupan kampung Melayu. Setiap penduduk memiliki tanah setengah ekar yang disempadani di kedua-dua belah oleh pemilik yang serupa. Infrastruktur seperti jalan rumput yang lebar dan berparit serta lapangan permainan yang cukup luas untuk kanak-kanak disediakan.

Menjelang awal tahun 1904 terdapat 196 pemilik tanah.

Sebuah Lembaga Pengurusan telah dilantik untuk mengurus dan menyelenggarakan petempatan ini. Mesyuarat lembaga ini telah berlangsung pada 11 Mac 1900. Mereka yang menghadiri mesyuarat ini adalah Raja Muda (Raja Laut), D. C. Campbell, J.H. Robson, dan A. Hale, tetapi Tamby Abdullah tidak hadir. Petempatan ini juga telah diasaskan untuk memberikan pendidikan Melayu-Inggeris kepada orang Melayu dan di samping mengajar satu kemahiran kepada mereka.

Menjelang akhir tahun 1900 guru teknik bagi ukiran kayu, pertukangan perak dan pertukangan besi telah diambil bertugas. Keputusan juga telah diambil untuk membina sebuah Sekolah Perempuan. Pelajaran teknik bagaimana pun tidak begitu berjaya menjelang akhir 1903.

Hanya terdapat dua orang pandai perak, seorang pandai besi, seorang pandai rotan, dan seorang penganyam tikar. Mereka ini sebenarnya telah mengajar di Sekolah Perempuan itu yang hanya memiliki seorang tukang tenun. Bilangan murid di Sekolah Perempuan itu menjelang akhir tahun 1903 ialah 25 orang. Pada masa yang sama Jabatan Pelajaran telah menubuhkan sebuah Sekolah Lelaki yang mempunyai 40 orang murid di petempatan ini.

Rancangan kolonial Inggeris adalah agar bidang pertanian dimajukan di petempatan ini. Justeru itu petempatan tersebut telah dinamakan petempatan pertanian Melayu. Beberapa usaha telah dijalankan untuk menanam padi di kawasan paya, tetapi sambutan terhadap rancangan ini tidak digalakkan. Sebabnya ialah penduduk di situ boleh mendapatkan kerja yang lebih baik dan menguntungkan di bandar daripada bekerja menanam padi. Pada tahap ini Kuala Lumpur dikatakan telah menjadi sebuah bandar yang amat pesat membangun. Pembangunan fizikal dan perdagangannya berkembang selaras dengan pembangunan sosial.

Konsep awal penjajah pada waktu itu ada memperuntukkan satu kawasan tanah di Kuala Lumpur sebagai satu kawasan perkampungan orang-orang Melayu. Kampung Bahru sebagai tanah kurniaan Sultan Selangor kelima waktu itu, Sultan Alauddin Suleiman Shah, anak kepada Raja Musa tidak pernah diperbesarkan oleh pihak penjajah.

Kawasan rizab ini dikenali sebagai *Malay Agricultural Settle-*

ment Board of Management, dengan itu sekatan dibenarkan sebagai syarat *settlement* bahawa orang-orang bukan Melayu tidak boleh menduduki mana-mana bahagian penrizapan kecuali dengan kebenaran bertulis daripada Lembaga Pengurus.

Namun begitu *settlement* tidaklah memberi hak milik kepada *settlers* tetapi hanyalah memberi hak untuk menduduki (*right of occupancy*) sahaja. Di bawah pemerintahan British, peraturan-peraturan *The Malay Agricultural Settlement* (Kuala Lumpur Rules 1951 dan pindaan 1954 di bawah peruntukan Land Codes 1926), ahli-ahli Lembaga Pentadbiran Kampung Bahru adalah dilantik oleh Menteri Besar yang mempunyai kuasa-kuasa pentadbiran seperti:

a. mengeluarkan tanah (*allotment*) dalam kawasan itu pada orang-orang Melayu dan menyimpan buku daftar tanah-tanah yang dikeluarkan.

b. Mengawasi serta meluluskan pelan-pelan pembinaan bangunan-bangunan di kawasan itu.

c. Menyelesaikan soal pembahagian harta pesaka yang melibatkan tanah-tanah di kawasan itu.

d. Membuat undang-undang kecil bagi mentadbir dan mengawal tanah kawasan itu dengan lebih berkesan.

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi Lembaga Pentadbiran Kampung Bahru telah mengeluarkan (*allotment*) tanah-tanah di kawasan itu mengikut cara yang ditetapkan oleh peraturan yang berkuatkuasa dari masa kesemasa sejak tahun 1900.

Sejarah Awal Kuala Lumpur

Sejarah Kuala Lumpur bermula dengan sejarah Negeri Selangor yang diasaskan oleh orang-orang Bugis yang menetap di Sungai Selangor sejak sekurang-kurangnya pada lewat abad ke-17. Kedatangan Daeng Lima Bersaudara sebanyak sedikit mencorak kesultanan Melayu yang sedia ada di tanah Melayu.

Menurut Maxwell darah keturunan Bugis dalam keluarga Di Raja Kesultanan Melaka bermula pada awal abad ke-18. Sejarah masyarakat tempatan menyinggung bahawa Opu Tanriburung Daeng Relaka, seorang Raja Bugis dari Pulau Sulawesi (putera ketiga dari Raja Bugis yang pertama sekali mengikut faham Muhammadiyah) mempunyai lima orang putera iaitu:

1. Daeng Parani,
2. Daeng Menambun,
3. Daeng Marewa atau Kelana Jaya Putera,
4. Daeng Cellak atau Daeng Palai,
5. Daeng Kemasa.

Di antara kelima putera raja hanya Daeng Parani, Daeng Merewah dan Daeng Cellak bermukim di Selangor pada tahun 1718, dan Raja Lumu anak kepada Daeng Cellak menjadi pemimpin di Negeri Selangor. Adapun pusat Kerajaan Bugis adalah di Riau (JSBRAS, 1890: 321-322).

Dalam tahun 1717, Raja Kecil dari Minangkabau menuntut hak

terhadap Kerajaan Johor, mulanya berpakat dengan dua saudara Bugis, Daeng Parani dan Daeng Cellak agar membantu menakluk Johor. Kedua-dua saudara itu pergi ke Langkat untuk mendapatkan bantuan tambahan daripada orang Bugis. Pada masa itu Raja Kecil secara bersendirian pada 21 Mac 1717 telah berjaya menakluk Johor tanpa bantuan orang Bugis. Baginda telah memungkiri janjinya lalu berperang dengan orang Bugis di Riau, Linggi dan Kedah. Pada tahun 1721 barulah Bugis dapat menghalau Raja Kecil dari Riau. Bugis mendapat bantuan dari Selangor yang menurut *Tuhfat al-Nafis* dikunjungi pedagang-pedagang yang kaya dan dapat memberi bantuan tiga puluh buah kapal.

Raja Kecil mengambil kembali Riau, namun dengan tipu helah Bugis mereka dapat mengambil Riau kembali. Dalam tahun 1722, ketua-ketua Bugis, mengangkat Raja Suleiman menjadi Sultan Johor-Riau dan mencipta gelaran Yang Dipertuan Muda atau Yamtuan Muda untuk mereka. Dengan itu paksi kuasa Bugis berpindah dari Selangor ke Riau. Daeng Marewa menjadi Yamtuan Muda I, manakala Daeng Parani dikatakan telah mengawini anak Yamtuan Selangor, Ketua Bugis di Selangor, keluarga Di Raja Johor dan Kedah. Daeng Parani telah terbunuh dalam peperangan membantu Kedah menentang Raja Kecil.

Pada tahun 1728, sebelum kematian Daeng Marewa, beliau telah menakluk Kerajaan Perak. Sultan Perak pada masa itu, Sultan Alauddin Mughayat Syah, telah diserang oleh adindanya, Muzaffar Syah dari Bernam dengan bantuan orang Bugis dari Selangor.

Dalam tahun 1740, Daeng Cellak Yamtuan Muda II, mengunjungi Selangor dan bersama Sultan Sulaiman berjaya mengalahkan angkatan Siak yang dipimpin oleh anak Raja Kecil dan Daeng Matekko (saudara dari Opu Lima Bersaudara tetapi bermusuhan dengan puak Bugis di Selangor). Tidak lama kemudian Daeng Cellak membawa isterinya Tengku Puan Mandak (Tun Mandak) ke Selangor. Pada tahun 1742 Daeng Cellak dengan orang Bugis di Selangor menyerang Perak, Raja di Baruh pada waktu itu. Abdul Jalil anak Sultan Sulaiman Johor-Riau, hadir bersama angkatan perang Bugis. Serangan ini nampaknya dihalakan kepada pihak Minangkabau yang datang ke Perak dari Kedah dan melibatkan Daeng Matekko.

Daeng Cellak meninggal dunia pada 19 Mei 1745, meninggalkan

dua orang anak yang menjadi masyhur, Raja Haji yang syahid di Teluk Ketapang Melaka sewaktu menentang Belanda dan Raja Lumu yang menjadi Sultan Selangor yang pertama. Kedudukan Bugis yang semakin meningkat telah menumbulkan rasa dengki di kalangan orang Melayu. Pihak Belanda merasa risau kerana monopoli mereka ke atas bijih timah telah terganggu dan perdagangan mereka tergendala oleh peperangan-peperangan Bugis. Sultan Sulaiman dan Sultan Mansur dari Terengganu mengharapkan dapat membantu pihak Melayu mengatasi kuasa orang Bugis.

Pada 14 Disember 1745 Sultan Suleiman telah menyerahkan Siak kepada Belanda dengan imbalan mendapat bantuan melawan musuh-musuhnya dan apabila kuasa baginda ke atas Sultan Selangor, Kelang, dan Linggi pulih semula. Baginda berjanji akan menuruti perjanjian Johor dengan syarikat Hindia Timur Belanda (VOC) yakni merujuk kepada monopoli timah yang diharap-harapkan Belanda.

Setelah mangkatnya Daeng Cellak, kedua anaknya masih kecil untuk mentadbir Selangor. Pentadbiran Selangor diuruskan oleh seorang Pemangku Raja iaitu Daeng Lakani (Saliwatang) Raja Said (anak Daeng Marawa) dan suatu badan yang terdiri daripada orang-orang tua.

Tugas Daeng Cellak diganti sebagai Yamtuan Muda oleh anak saudaranya Daeng Kemboja. Beliau telah pergi ke Selangor untuk berunding dengan keluarga, dan menurut satu catatan, beliau telah ditabalkan di sana, walaupun secara rasminya ia memegang jawatan hanya bermula pada 11 Mac 1748. Berikutan dengan peristiwa itu timbul ketegangan di antara orang Melayu dengan Bugis. Akhirnya Daeng Kemboja berpindah ke Linggi dan tinggal di sana sebagai raja yang bebas (Winstedt, 1934:6).

Daeng Kemboja berusaha untuk mengekalkan kuasanya ke atas Selangor yang semakin penting dari segi ekonomi kerana perdagangan timah. Pertentangan Raja Lumu yang tidak mahu mengakui kekuasaan Daeng Kemboja telah membawa kepada pertelingkahan besar sehingga kematian Daeng Kemboja dalam tahun 1777 (B.W. Andaya 1974:43).

Opu Lima Bersaudara yang, tidak terlibat dalam kancah politik Selangor adalah Daeng Merimbun yang menjadi raja di Pontianak, Matan dan Kesultanan Brunei, adalah Daeng keturunan mereka (Maxwell, 1890: 321). Daeng Kamasi pula mengawani adik kepada

Sultan Sambas (Borneo) dan keturunannya mekar di sana.

Kesultanan Selangor diasaskan oleh orang-orang Bugis yang menetap di Kuala Selangor sejak lewat abad ke-17. Dari pengkalannya di Sungai Selangor, kesultanan itu telah menggabungkan wilayah-wilayah lain khususnya Jeram, Kelang, Langat, Jugra, Lukut dan Sungai Raya. Ke Utara orang Bugis sentiasa dalam perjuangan mereka menentang Kesultanan Perak untuk menguasai Sungai Bernam. Dalam setiap peperangan ternyata Bugis memenangnya. Dalam abad ke-18 Selangor menguasai kawasan Bernam.

Menurut *Tuhfat al-Nafis*, Tengku Raja Selangor (Raja Lumu) pergi bersuka-suka ke Pulau Pangkor. Apabila berita ini sampai kepada Yamtuan Perak, baginda menitahkan orang besar negeri menjemput Raja Lumu masuk ke Perak. Yamtuan Perak dengan para pembesar negeri berbincang hendak menabalkan Raja Selangor. Tengku Raja Selangor ditabalkan dan dianugerahkan gelaran Sultan Salahuddin. Di Selangor Raja Lumu sekali lagi ditabalkan dengan paluan nobat yang dianugerahkan oleh Sultan Perak (*Tuhfat al-Nafis*: 159-160).

Raja Selangor pertama, Sultan Salahuddin, bertahta dari 1776 hingga 1782. Baginda telah digantikan oleh puteranya Sultan Ibrahim yang bertahta dari 1782 sehingga 1826. Baginda kehilangan kuasanya ke atas Negeri Selangor pada tahun 1784. Baginda menentang Belanda, dalam peperangan tersebut Raja Haji seorang pahlawan Bugis tewas di Teluk Ketapang dekat Melaka. Bagaimana pun baginda dapat kerajaannya kembali atas bantuan pedang British Sir Francis Light. Kegemilangan pemerintahan Sultan Ibrahim berakhir pada tahun 1826. Putera baginda Sultan Muhammad (1826-1857) menggantikannya.

Pedagang-pedagang British yang datang ke Selat Melaka pada pertengahan abad ke-18 telah menawarkan harga bijih timah yang tinggi kepada negeri-negeri Melayu berbanding harga yang ditawarkan oleh Belanda. Pengunduran Belanda sewaktu peperangan dengan Sultan Ibrahim, membolehkan negeri-negeri Melayu menjual timah secara terbuka kepada pedagang asing.

Kegiatan melombong bijih timah terus berkembang selepas tahun 1824. Putera-putera raja dan aristokrat Melayu merupakan pemilik lombong ketika itu. Sultan Muhammad juga meceburi sektor

perlombongan tetapi tidak berhasil. Perdagangan baginda diselamatkan oleh dua orang adik beradik dari Riau bernama Raja Jumaat bin Raja Iktar dan Raja Abdullah bin Raja Jaafar. Kedua-dua mereka mendapat ganjaran dari baginda. Pada tahun 1846, Raja Jumaat dikahwinkan dengan puteri baginda dan dilantik sebagai pentadbir Lukut suatu kawasan perlombongan bijih timah. Lukut berkembang maju di bawah pentadbiran Raja Jumaat dan menjadi suatu bandar moden yang pertama di Semenanjung Tanah Melayu. Beliau mempunyai ramai pekerja Cina dan membina jalan raya serta menubuhkan satu pasukan polis beruniform.

Raja Abdullah pada tahun 1849 mendapat ganjaran juga dengan mengawini anak saudara Sultan dan dilantik mentadbir Lembah Kelang. Raja Abdullah dibantu oleh Raja Jumaat untuk membangun wilayah tersebut.

Pada tahun 1853 Raja Abdullah telah dilantik Sultan Selangor, Sultan Muhammad Shah sebagai pemerintah Kelang menggantikan Sultan Suleiman yang meninggal dunia pada tahun tersebut. Kawasan pemerintahan Kelang meliputi daerah-daerah di lembah Sungai Kelang. Kebolehan Raja Abdullah untuk memajukan Kelang serta meneruskan usaha-usaha mencari bijih timah di daerah-daerah lembah Sungai Kelang. Pelantikan Raja Abdullah juga menjadi punca persengketaan antaranya dengan Raja Mahadi Putera Raja Suleiman. Raja Mahadi beranggapan bahawa beliaulah yang paling berhak menggantikan ayahandanya sebagai pemerintah Kelang.

Pada tahun 1857 Raja Abdullah dengan dibantu Raja Jumaat telah mendapat pinjaman sebanyak 30,000 ringgit dari dua orang taukeh Cina di Melaka sebagai modal untuk memulakan usaha mencari gali bijih timah. Raja Muhammad menghantar seramai 87 orang buruh Cina dari Lukut untuk bekerja dengan Raja Abdullah. Mereka kemudian memulakan perjalanan dari Kelang memudik Sungai Kelang sehingga sampai ke satu persimpangan dimana Sungai Kelang bertemu dengan Sungai Gombak, tempat ini dikenali sebagai Lumpur. Kumpulan ini berhenti di sini dan membuka penempatan baru sebelum meneruskan perjalanan melalui darat ke Ampang untuk mencari kawasan yang mengandungi bijih timah. Usaha mencari gali ini menghadapi kesukaran pada peringkat awalnya kerana kawasan ini belum diterokai lagi dan dipenuhi hutan belukar. Akibatnya ramai buruh Cina mati diserang malaria, daripada jumlah

87 orang buruh Cina akhirnya hanya tinggal 18 orang sahaja. Kemudian Raja Abdullah membawa masuk seramai 150 orang lagi buruh Cina untuk meneruskan usaha mencari gali ini. Pada tahun 1859 lombong bijih timah di Ampang mula mengeksport bijih timahnya ke luar negara. Bijih timah dibawa ke Kuala Lumpur untuk dibawa melalui sungai ke Pengkalan Batu (Kelang).

Di Kuala Lumpur kawasan yang dipilih oleh Raja Abdullah sebagai penempatan awal didirikan rumah-rumah kediaman dan kedai-kedai yang menjual alat dan keperluan lombong serta keperluan harian yang lain. Ramai peniaga datang untuk memulakan kegiatan mereka di sini. Antara peniaga Melayu berketurunan Mandailing yang terawal datang di sini adalah Sutan Puasa.

Sebelum Raja Abdullah menjadikan Kuala Lumpur suatu penempatan awal bijih timah kawasan ini merupakan perkampungan Melayu yang hanya didiami oleh beberapa keluarga sahaja. Pekerjaan mereka pula ialah mencari bijih timah secara kecil-kecilan sahaja. Ketibaan Raja Abdullah di kawasan ini menukar kawasan ini daripada sebuah perkampungan yang kecil kepada sebuah bandar yang menjadi pusat berbagai kegiatan perniagaan.

Bijih timah yang dilombong di sekitar kawasan ini dibawa ke Kuala Lumpur untuk disukat, ditimbang dan dijual kepada peniaga-peniaga bijih timah. Bijih timah yang telah dibayar cukai kemudiannya akan dibawa melalui Sungai Kelang ke Pengkalan Batu untuk dieksport ke luar negara. Untuk melicinkan sistem Pentadbiran di Kuala Lumpur, Raja Abdullah telah melantik seorang Datuk Bandar Kuala Lumpur bernama Datuk Bandar Yasih untuk mengurus kutipan cukai, pengeluaran pas untuk kapal-kapal dagang dan perahu-perahu yang hilir mudik melalui Sungai Kelang.

Datuk Bandar Yasih menetap di dalam kotanya di Bukit Nenas. Kota ini dilengkapi dengan berbagai persiapan termasuklah kelengkapan perang. Persiapan ini disediakan kerana pada masa itu perang saudara di Selangor masih lagi berterusan antara Raja Abdullah dengan Raja Mahadi.

Perlombongan bijih timah menjadi penting. Lombong-lombong yang terletak di Ampang adalah daerah yang paling banyak penghasilannya.

Akibat perlombongan di Ampang begitu penting, pedagang Cina dari Lukut tertarik untuk datang ke Lembah Kelang khususnya di

kawasan lombong di Ampang Kuala Lumpur. Tidak dapat diketahui bilakah Kuala Lumpur menjadi sebuah penempatan. Malah namanya juga menimbulkan spekulasi. E. Mac Fadyen dalam artikelnya berjudul *Note on the Name Kuala Lumpur* (JSBRAS, May 1916:42) mengatakan bahawa nama Kuala sesuai dipakai pada sungai yang mengarah ke laut seperti Kuala Perak atau Kuala Kubu. Sebahagian penduduk lama menyatakan bahawa anak sungai kecil bernama Sungai Lumpur mengalir ke Sungai Kelang waktu itu berhampiran bangunan Kerajaan Selangor. Beliau hampir menerima cadangan ini. Sewaktu beliau di Kuala Langat, seorang lelaki tua Melayu bekerja dengannya mengatakan Kuala Lumpur sebagai Pengkalan Lumpur.

Beliau masih belum dapat meyakinkan nama itu kerana Kelang juga pada suatu ketika bernama Pengkalan Batu. Bagaimana pun, pembangunan Kuala Lumpur lebih banyak tertumpu di tebing kiri Sungai Kelang daripada Sungai Lumpur.

Pada zaman awal Kuala Lumpur setelah perlombongan bijih timah menjadi suatu kegiatan ekonomi yang penting bandar kecil itu terbahagi kepada dua bahagian. Orang Melayu menduduki sebelah Utara, manakala orang Cina di sebelah Selatan. Terdapat dua buah perkampungan Melayu yang utama, Kampung Rawa terletak tidak jauh daripada pejabat Bank Bumiputera dan Jalan Melaka sekarang. Kampung Jawa terletak di tapak Mesjid Jamek sekarang.

Penduduk Melayu Kuala Lumpur terdiri daripada beberapa kumpulan seperti Bugis, Rawa, Jawa, Mandailing, Minangkabau, Batu Bara dan Kampar. Ketua bagi semua penduduk Melayu bergelar Dato Dagang.

Perkampungan Melayu mula berkembang di sekitar Kuala Lumpur terutama di Hulu Kelang dan kawasan Timur lautnya yang terdapat kawasan perlombongan bijih timah yang luas. Ke arah Selatan perkampungan Melayu tertumpu di kawasan Hulu Langat termasuk Cheras dan Kajang terutama penyokong Sutan Puasa.

Hasil kutipan cukai perlombongan bijih timah menyumbangkan hasil pendapatan yang lumayan bagi Negeri Selangor. Kuala Lumpur sebagai pusat perlombongan bijih timah berkembang daripada sebuah pekan yang kecil yang hanya diduduki oleh beberapa buah keluarga sahaja menjadi sebuah pusat perdagangan yang maju.

Pada akhir tahun 1800 Kuala Lumpur hanya merupakan tempat persinggahan perahu-perahu yang melalui Sungai Kelang untuk

membawa bijih timah dari lombong-lombong di sekitar Ampang. Orang-orang Melayu yang kebanyakannya dari Sumatera yang terdiri daripada pedagang Minangkabau dan pelombong biji timah tinggal di sepanjang Sungai Kelang. Kawasan petempatan orang Melayu di Kuala Lumpur adalah kecil dan terdapat di bahagian Utara. Kawasan petempatan orang Cina meliputi Medan Pasar.

Projek yang dilaksanakan oleh pihak Inggeris untuk memajukan orang-orang melayu di Kuala Lumpur pada tahun 1800 kurang berjaya. Oleh kerana itu pada tahun 1899 Inggeris menubuhkan *Malay Agricultural Settlement*.

Sutan Puasa, merupakan seorang yang berketurunan Mandailing yang berpengaruh di Kuala Lumpur dan beliau mempunyai hubungan perniagaan dengan pedagang-pedagang Cina. Beliau telah memujuk pedagang Cina yang pertama bernama Hiu Siew dari suku Hakka datang ke Kuala Lumpur dari Lukut. Sebelum Hiu Siew meninggal dunia pada tahun 1862 dia telah dilantik sebagai Kapitan Cina yang pertama di Kuala Lumpur. Pelantikan ini jelas menunjukkan bahawa penduduk Cina di Kuala Lumpur sudah mencapai suatu bilangan yang besar. Walau bagaimanapun, ketua kaum Cina itu adalah di bawah pentadbiran Raja Abdullah. Pengganti Hiu Siew adalah Liew Ngim Kong, beliau juga tinggal di Lukut sebelum ke Kuala Lumpur. Pada waktu yang sama Sungai Ujong juga merupakan pusat perlombongan penting. Liew Ngim Kong meminta Yap Ah Loy yang waktu itu tinggal di Sungai Ujong untuk ke Kuala Lumpur.

Dengan kegigihan Yap Ah Loy, beliau menjadi kaya dan berpengaruh. Apabila Liew Ngim Kong meninggal dunia pada tahun 1868, Yap Ah Loy menggantikannya sebagai Kapitan Cina.

Kekacauan pertama yang berlaku di Lembah Kelang diakibatkan oleh timbulnya perasaan tidak puas hati apabila Sultan Muhammad mangkat pada tahun 1857 dan tiada puteranya yang menggantikannya. Raja Abdul Samad, anak saudara dan menantu Allahyarham Sultan menaiki takhta.

Raja yang baru tidak mahu bersemayam di Kuala Selangor (secara tradisi menjadi ibu negeri) malah lebih suka tinggal di Jugra Kuala Langat. Keadaan semakin meruncing apabila Raja Abdullah dilantik sebagai pentadbir Lembah Kelang. Hal ini tidak disukai oleh Raja Mahadi kerana ayahandanya Raja Suleiman sebelum ini mentadbir wilayah tersebut.

Raja Abdullah telah memajakkan Lembah Kelang kepada suatu sindiket di Singapura dengan imbalan. Sindiket tersebut dibenarkan mengutip tol di sepanjang Sungai Kelang. Masalah timbul apabila Raja Mahadi berselisih faham dengan pengutipan tol. Keadaan ini mencetuskan perang saudara dan Raja Abdullah diusir di Lembah Kelang pada tahun 1867.

Masalah di Selangor semakin tegang kerana perebutan kuasa di antara dua kumpulan Cina, puak Fiu Chin Hakka yang dipimpin oleh Yap Ah Loy dan puak Koh Yin Chiu Hakka yang diketuai oleh Chong Chong.

Pada tahun 1868 Sultan Abdul Samad telah mengawinkan puterinya dengan putera Raja Kedah bernama Tengku Kudin. Beliau berpindah ke Selangor dan dilantik oleh Sultan sebagai *Wizurai* dan dengan jawatan tersebut, beliau diharapkan dapat menyelesaikan masalah yang timbul di Lembah Kelang. Setelah Raja Abdullah meninggal anaknya Raja Ismail dengan Tengku Kudin, cuba berbaik-baik dengan Raja Mahadi namun tidak mendapat jalan keluar yang baik, malah Tengku Kudin dipersalahkan.

Pada awal tahun 1869 Chong Chong bekas ketua Yap Ah Loy semasa menjadi pekerja lombong di Lukut 13 tahun yang lalu (1856) dengan 20 orang pengikutnya telah datang ke Kuala Lumpur dengan tujuan untuk mencari helah hendak membuat huru-hara di Kuala Lumpur dan merosakkan kedudukan Yap Ah Loy supaya beliau dapat menjadi Kapitan Cina di Kuala Lumpur. Pada masa itu Ah Sze sahabat baik Yap Ah Loy telah tinggal di Kanching menjadi seorang yang kaya raya. Chong Chong telah mencuba supaya Sutan Puasa dan Yap Ah Loy yang bersahabat baik berkelahi. Apabila Chong Chong gagal menjatuhkan Yap Ah Loy dari kedudukannya itu Chong Chong telah berpindah ke Kanching dan cuba mempengaruhi kongsi gelap Cina Ghi Hin di sana. Apabila Chong tinggal di Kanching Ah Sze merasakan kedudukannya tidak selamat.

Pada bulan Februari 1869 Ah Sze meninggalkan Kanching untuk pergi ke Kuala Lumpur, tetapi sebaik saja sampai berdekatan Bukit Kanching Ah Sze diserang dan dibunuh oleh orang-orang Chong Chong yang telah menghendapnya di tempat itu. Kapitan Yap Ah Loy di Kuala Lumpur begitu marah mendengar kematian Ah Sze. Yap Ah Loy dengan bantuan Sutan Puasa dari Ampang dan Raja Asal dari Ulu Kelang bersama pengikut mereka orang Cina dan orang

Melayu seramai 1,000 orang telah pergi ke Kanching. Yap Ah Loy telah menjalankan penyiasatan atas kematian Ah Sze. Dalam pada itu, Yap Ah Loy telah diberi tahu bahawa Chong Chong tiada lagi di Kanching dan khabarnya telah melarikan diri ke Rawang. Berita kematian Ah Sze sampai kepada pengetahuan Raja Mahadi di Kelang. Pihak Raja Mahadi merasa marah atas pembunuhan Ah Sze. Raja Mahadi dengan berterang-terang menyatakan sokongannya terhadap Yap Ah Loy.

Pada bulan Jun 1869 Raja Mahadi datang ke Kuala Lumpur dengan bantuan Sutan Puasa, Raja Asal (keturunan Jawa) dan orang-orang Melayu di Kuala Lumpur dalam suatu upacara keramaian yang dihadiri oleh orang-orang Cina bersama orang-orang Melayu. Raja Mahadi telah menjalankan upacara pengikhtirafan pelantikan Yap Ah Loy sebagai Kapitan Cina di Kuala Lumpur. Dalam upacara pelantikan itu, Kapitan Yap Ah Loy memakai selengkap pakaian adat Melayu serta tanjaknya sekali. Raja Mahadi juga memberi tahu bahawa kedatangannya mengikhtiraf pelantikan Yap Ah Loy itu atas nama Baginda Sultan Selangor. Pernyataan ini dipertikaikan kebenarannya. Pada masa itu juga Raja Mahmud putera Raja Berkat mula menyebelahi pihak Raja Mahadi.

Enam minggu selepas Raja Mahadi mengikhtiraf pangkat Yap Ah Loy Raja Ismail putera Raja Abdullah yang menetap di Melaka berazam untuk menyerang Raja Mahadi di Kelang. Pada bulan Ogos 1869 angkatan perahu Raja Ismail bertolak dari Melaka menuju Kelang diiringi oleh Raja Suleiman bin Raja Hassan Suleiman dari Sungai Raya (dekat Lukut) turut sama dengan angkatan perang itu.

Apabila sampai di Kelang orang Raja Ismail telah menyerang Raja Mahadi dan mudah sahaja dapat menawan kubu Raja Mahadi. Dari kubu yang dapat ditawan itu pihak Raja Ismail telah membedil kubu Raja Mahadi yang terletak di seberang sungai (Kuala Kelang), termasuk kapal Raja Mahadi bernama Seri Lingga yang sedang berlabuh di Sungai Kelang itu. Orang-orang Batubara berpihak kepada Raja Mahadi dan mencadangkan supaya orang-orang Raja Mahadi mudik dahulu ke Sungai Kelang dan orang-orang Batubara akan menjaga kubu di Kuala Kelang itu. Setelah Raja Abdullah bin Raja Abbas orang kepercayaan Raja Mahadi mudik ke Kelang orang-orang Batubara telah menyebelahi Raja Ismail pula. Setelah itu angkatan Raja Ismail mudik dan mengepung Raja Mahadi di Kelang.

Raja Ismail mengutus surat kepada Tengku Kudin di Kedah meminta batuan untuk menawan Kelang. Selama Raja Ismail mengepung Kelang dan pada bulan Oktober 1869 Tengku Kudin tiba di Kelang dengan pasukan seramai 500 orang dengan sebuah kapal dan berpuluh-puluh perahu. Bila tiba di Kelang beliau menghantar separuh daripada orang-orangnya ke Langat untuk mengawal isteri dan keluarganya di sana.

Selama Raja Mahadi berperang melawan Raja Kudin di Kelang, seorang berketurunan Eropah di Pulau Pinang bernama Edward Bacon telah menolong pihak Raja Mahadi dengan menghantar peluru, beras, pemuras, dan ubat bedil. Raja Mahadi telah memberi wang sebanyak 30,000 ringgit kepada Bacon. Peristiwa ini hanya diketahui oleh Tengku Kudin pada akhir tahun 1870. Perbuatan Bacon itu telah diadakan oleh Saiyid Zain pembantu kepada Tengku Kudin kepada kerajaan Inggeris di negeri-negeri Selat.

Dalam bulan Februari 1870 semasa Tengku Kudin menyerang Raja Mahadi di Kelang, Tengku Kudin sebagai Wakil Yamtuan telah menghantar satu pasukan di bawah seorang hulubalang Melayu peranakan Arab berasal dari Pontianak yang telah lama tinggal di Langat yang bernama Saiyid Mashhor bin Muhammad Ash Shahab pergi ke Kuala Selangor yang di bawah jagaan Raja Musa sebagai ketua menjaga pertahanan Kuala Selangor di situ.

Setelah enam bulan lamanya Tunku Kudin mengepung Raja Mahadi di Kelang, akhirnya Raja Mahadi keputusan wang belanja, makanan, dan bekalan untuk menentang Tengku Kudin. Dengan itu ramai orang-orang Raja Mahadi telah melarikan diri.

Permintaan orang-orang Raja Mahadi agar mereka jangan diapa-apakan dan menyerah kalah. Permintaan itu dipersetujui oleh Tengku Kudin, kerana dipujuk oleh Raja Suleiman bin Raja Hasan. Orang-orang Pahang yang menyebelahi Raja Mahadi telah menyebelahi Tengku Kudin pula. Ketua orang Mandailing yang menyebelahi Raja Mahadi ada setengahnya terus tinggal di kubu mereka di Bukit Nenas dan setengahnya pula lari ke Negeri Perak.

Pada tahun 1870 Tengku Kudin dan Raja Ismail berjaya mengusir Raja Mahadi dari Kelang. Di pihak lain Yap Ah Loy dengan bantuan orang Sultan Puasa dapat menewaskan musuh-musuh mereka. Menjelang awal tahun 1870-an, Perang Kelang merebak ke beberapa tempat di Selangor. Tengku Kudin dengan bantuan Yap

Ah Loy berperang menentang putera Raja Selangor seperti Raja Musa, putera Sultan Abdul Samad. Mereka menganggap Tengku Kudin sebagai perampas takhta Kerajaan Selangor. Tengku Kudin menggunakan askar upahan dari Singapura yang dipimpin oleh orang Eropah. Kerajaan British di Singapura juga bersimpati dengan Tengku Kudin. Kuala Lumpur musnah semasa perang itu. Yap Ah Loy memberikan sumbangan yang besar terhadap pembinaan semula bandar itu.

Dalam tahun yang sama juga terjadi pergaduhan secara besar-besaran di Kanching yang disebut oleh orang Melayu sebagai Perang Kanching. Raja Asal dan Sutan Puasa adalah sahabat baik kepada Kapitan Yap Ah Loy, telah mendahulukan wang mereka kepada Taukeh-taukeh lombong di Kanching kerana hendak membeli bijih timah. Raja Asal dan Sutan Puasa telah meminta Kapitan Yap Ah Loy untuk berikhtiar supaya mereka dapat menerima timah yang dijanjikan di mana wang pendahuluannya telah diberi satu tahun yang lalu. Berkenaan dengan mengambil timah yang sudah dibayar oleh Raja Asal dan Sutan Puasa mereka telah membawa satu pasukan yang terdiri dari orang-orang Melayu seramai 200 orang pergi ke Kanching, tetapi sebelum itu Kapitan Yap Ah Loy telah menghantar lebih dahulu pasukan seramai 400 orang Cina di bawah panglimanya yang berkumpul di satu tempat bernama Parit Tengah tidak jauh daripada Kanching. Hal ini bertujuan sekiranya Raja Asal dan Sutan Puasa berkehendak bantuan mereka dapat membantu.

Di Kanching apabila Raja Asal dan Sutan Puasa tidak dapat mengutip bijih timah yang telah dijanjikan oleh tauke Cina, maka terjadilah pergaduhan dengan bunyi tembakan meriam dan senapan. Pasukan Kapitan Yap Ah Loy dengan serta merta bergabung dengan pasukan Raja Asal dan Sutan Puasa. Dengan serangan daripada pasukan Melayu yang telah bersatu dengan orang Cina itu, menentang orang-orang Cina di Kanching menyerah kalah.

Sutan Puasa mendapati beberapa keping timah di rumah kongsi dan semuanya telah diambil. Sejak itu Kanching tunduk di bawah kekuasaan Kapitan Yap Ah Loy.

Kekacauan di Negeri Selangor yang berlaku pada tahun 1870 membuat campur tangan Inggris dalam pemerintahan Selangor. Dalam bulan Mei 1870 Sir Harry Ord, Gabenor Negeri Selat di Singapura telah datang ke Langat dan berjumpa dengan Sultan Abdul

Samad. Dalam perjumpaan itu gubernor telah memujuk dan menasihatkan Sultan Abdul Samad supaya baginda meneruskan bantuan kepada Tengku Kudin bagi memajukan Selangor.

Peperangan di antara orang Chong Chong dan Saiyid Mashhor dengan orang Kapitan Yap Ah Loy yang dibantu Raja Asal dan Sutan Puasa di Ulu Kelang dan sekitar Ampang telah berlaku dari bulan September hingga bulan Oktober tahun 1870. Di dalam peperangan itu Kapitan Yap Ah Loy tidak pernah turut sama ke medan pertempuran. Beliau hanya duduk di Kuala Lumpur dan mengarahkan pegawai serta panglimanya dalam pertempuran itu. Setelah peperangan di sekitar Hulu Kelang dan Ampang dikatakan tidak berlaku sebarang pergaduhan di Negeri Selangor hingga Mei 1871.

Tatkala gabenor Sir Harry Ord bercakap dengan Sultan Abdul Samad baginda menyatakan bahawa baginda sentiasa menaruh kepercayaan kepada Tengku Kudin, tetapi sebenarnya pada masa itu Sultan Abdul Samad lebih berat menyebelahi Raja Mahadi. Apabila Tengku Kudin dan Yap Ah Loy merasa persiapan mereka telah mencukupi untuk melawan musuh mereka di Kuala Lumpur, tambahan pula mereka percaya bahawa pasukan Pahang masih ada di Hulu Kelang, Tengku Kudin dan Yap Ah Loy memerintah orang-orangnya seramai 2000 orang meninggalkan Kelang mengikut jalan darat menuju ke Petaling. Angkatan itu di bawah pasukan Cina diketuai oleh Kapitan Yap Ah Loy, pasukan orang Melayu oleh Imam Perang Muhammad Akil yang dibantu oleh Imam Perang Haji Husin. Setelah sampai ke Petaling, orang-orang dalam angkatan itu berjumpa lalu bertempur dengan orang-orang pihak Raja Mahadi yang bertahan dalam kubu parit di situ. Di antara panglima-panglima perang pihak Raja Mahadi yang berkubu di Petaling ialah orang-orang besar Selangor yang bergelar To' Engku Kelang, Raja Berkat, Tengku Panglima Raja (ayah Raja Mahmud). Dalam pertempuran itu pihak Raja Mahadi tewas dan orangnya melarikan diri dan Petaling telah jatuh ke tangan Tengku Kudin dan Yap Ah Loy.

Setelah askar-askar Yap Ah Loy yang bersatu dengan Tengku Kudin menduduki Petaling, kapitan Cina itu telah menghantar orangnya pergi memberi tahu Imam Perang Raja Rasu (disebut juga To' Raja) yang disangka pihak Tengku Kudin masih ada di Ulu Kelang dan juga hendak menjemput To' Raja datang ke Petaling bagi merundingkan bagi tindakan yang akan dijalankan untuk

menyerang pihak Raja Mahadi di Kuala Lumpur.

Angkatan Yap Ah Loy dan Tengku Kudin meninggalkan Petaling menuju Kuala Lumpur dan sepanjang jalan hutan antara Petaling dan Kuala Lumpur tidak terdapat pihak Raja Mahadi yang akan menyerang mereka.

Pada awal bulan Mac 1873 angkatan perang orang-orang Pahang yang diketuai oleh Imam Perang Raja Pasu (To' Raja) dan Orang Kaya Chenor telah sampai ke pinggir Kuala Lumpur. Pasukan orang Pahang yang diketuai oleh Orang Kaya Lipis pula telah menawan genting-genting jalan yang menghubungkan Pahang dengan Hulu Selangor. Kapitan Yap Ah Loy dan Imam Perang Muhammad Akil yang sudah begitu lama mengepung Kuala Lumpur telah menjemput Imam Perang Rasu dan Orang Kaya Chenor datang merundingkan langkah yang akan diambil bagi menyerang dan mengalahkan Raja Mahadi yang sedang menguasai Kuala Lumpur. Peperangan itu dimenangi oleh Tengku Kudin dan Yap Ah Loy. Sejak itu tidak lagi berlaku peperangan di Kuala Lumpur di antara pihak yang bermusuhan.

Perang saudara di Negeri Selangor ini adalah pertempuran yang terakhir, tetapi peperangan di antara Raja Mahadi, Saiyid Mashhor, Raja Muhammad Akil dan sekutunya melawan pihak Tengku Kudin yang dibantu pihak Pahang masih berjalan terus hingga ke Kuala Selangor dan beberapa tempat di Hulu Selangor pada bulan November 1873.

Di antara tahun 1890 hingga 1895 masalah kongsi gelap di Kuala Lumpur telah menjadi suatu perkara yang rumit. Walaupun dasar Kerajaan Selangor tetap mengharamkan kumpulan kongsi gelap di negeri itu, pada masa itu ramai ketua-ketua kongsi gelap di Negeri Selat yang telah datang ke negeri Melayu terutama ke Negeri Perak dan Selangor. Pada tahun 1890 Kuala Lumpur telah dipenuhi oleh orang Cina yang menganggur, mereka ini didapati sentiasa merayau di tempat perjudian sambil mencari penghidupan mereka secara mengemis, mencuri atau dengan apa saja jalan yang dapat mendatangkan wang. Pasukan polis Kuala Lumpur di bawah kelolaan H. C. Syer telah berusaha bersungguh-sungguh untuk membasmi kongsi gelap. Kejayaan didapati adalah memuaskan. Kegiatan kongsi gelap merupakan suatu badan yang memaksa orang-orang kaya memberi wang perlindungan kepada mereka. Dalam tahun 1894

keganasan kongsi gelap itu telah memuncak. Syer mengatakan rumah-rumah orang putih, pejabat-pejabat kerajaan dan bangunan lain hampir setiap malam dirompak atau disamun di kawasan sekitar Kuala Lumpur.

Pada tahun 1890 dengan kehendak Raja Muda Suleiman yang disampaikan kepada William E. Maxwell dan diteruskan kepada gubernor di Singapura akhirnya dipersetujui mendirikan sekolah Inggris di Kuala Lumpur bagi tempat belajar anak-anak raja dan orang-orang besar di Selangor. Sekolah itu dinamakan Sekolah Raja, dan dibuka dengan resminya pada Disember 1890. Sekolah itu terletak dalam sebuah bangunan kerajaan, berhampiran dengan simpang jalan yang dinamakan *Gombak Lane* dengan Jalan Raja sekarang. Guru besar sekolah itu adalah seorang paderi bernama Frank William Haines. Beliau juga merupakan *wazir* (inspector) yang pertama bagi sekolah sekolah di Negeri Selangor. Di antara anak-anak raja yang menuntut di sekolah Raja itu adalah Raja Muda Sulaiman sendiri. Sekolah itu hanya digunakan sehingga bulan Januari 1894.

Dalam bulan Januari 1905 telah dibuka sekolah-sekolah Inggeris bagi anak-anak raja dan orang-orang besar Melayu dan dari negeri-negeri Melayu di Kuala Kangsar, Perak dinamakan Malay College atau disebut juga *Bahu'd-Darjat* (Buyong Adil, 1981: 153).

Pada 17 Februari 1898 Majlis Adat Istiadat telah diadakan di Balairung Istana Jugra Selangor. Residen Jeneral Negeri Melayu Bersekutu bernama William H. Treacher telah mengisytiharkan iaitu Raja Muda Suleiman Ibn Almarhum Raja Muda Musa dilantik menggantikan nendanya Almarhum Sultan Abdul Samad menjadi Sultan Selangor bergelar Sultan Alauddin Sulaiman Syah. Setelah pelantikan itu diistikharkan barulah jenazah Almarhum Sultan Abdul Samad dimakamkan. Isteri baginda Tengku Mahrum dilantik menjadi Tengku Ampuan Selangor.

Di antara raja-raja dan orang-orang besar yang hadir dalam acara istiadat pelantikan Sultan Selangor ialah Tengku Kudin bekas Wakil Yamtuan Selangor, Raja Muda Perak (Raja Musa), Raja Haji Bot Ibn Almarhum Raja Juma'at, Raja Laut Ibn Almarhum Sultan Muhammad, Raja Mahmud, Raja Ibnu Syah putera Almarhum Sultan Abdul Samad, Saiyid Masshor bin Saiyid Muhammad, dan Ash Shahab. Di antara orang besar Cina yang hadir ialah Taukeh Yap

Kwan Seng, Kapitan Cina dan Taukeh Loke Yew dari Kuala Lumpur.

Pada 1 Nopember 1899 Sultan Alauddin Suleiman Shah telah mangkat. Raja Laut Ibnī Almarhun Sultan Muhammad menjadi Raja Muda Selangor, tetapi pelantikan itu tidak dilakukan dengan mengadakan adat istiadat negeri, melainkan hanya dituliskan dalam Warta Kerajaan Selangor. Dalam pada itu pelantikan telah dipersetujui oleh pegawai-pegawai British sekadar peristiwa pelantikan itu dirahsiakan. Kebanyakan daripada orang-orang besar di Selangor tidak menyetujui pelantikan itu dan menentanginya. Oleh sebab itu pelantikan Raja Muda Selangor yang telah dianugerahkan kepada Raja Laut itu dibatalkan.

Pada Oktober 1903 Sultan Alauddin Suleiman Shah telah ditabalkan dan dimahkotakan di Kelang dalam suatu Majlis Adat Istiadat yang meriah sebagai Sultan Yang DiPertuan Negeri Selangor. Sultan Selangor yang terdahulu semasa ditabalkan hanya memakai songkok cara Bugis yang disebut *Songkok Liling* dan alat nobat yang digunakan dipinjam dari Sultan Perak (Sultan Idris).

Pada 4 November 1903 telah diadakan juga adat menggelar isteri Baginda Tengku Ampuan Mahrum dan puteranya Tengku Musauddin digelar Tengku Mahkota. Puteri baginda digelar Tengku Puteri dan istana baginda di Kelang dinamakan Istana Mahkota Puri.

Keseluruhan zaman pemerintahan baginda itu, baginda telah bersungguh-sungguh untuk memajukan ekonomi orang Melayu di Negeri Selangor, seperti berkebun, mengusahakan pertukangan tangan serta menguatkan ajaran agama Islam, bahkan baginda selalu kelihatan berkhotbah semasa sembahyang Jumaat di mesjid-mesjid merata tempat dalam Negeri Selangor. Baginda adalah seorang Sultan yang termasuk golongan alim ulama. Baginda juga adalah orang yang pertama yang menubuhkan pasukan volunteer Melayu di Negeri Selangor dengan perbelanjaan wang baginda sendiri.

Pada 4hb April 1938 Raja Muda Selangor Tengku Alam Shah Putera Almarhum Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Marhum Atiqullah) telah dilantik menjadi Sultan Selangor menggantikan almarhum Ayahanda Baginda yang bergelar Sultan Hishamuddin Alam Shah. Istiadat pemakaman Marhum Atiqullah dan istiadat pelantikan Tengku Alam Shah sebagai Sultan Selangor antara lain telah disaksikan oleh Sir Shenton Thomas Pesuruhjaya Tinggi Negeri Melayu yang bersekutu dan gabenor Negeri Selat.

Lebih kurang sepuluh bulan kemudian pada 26 Januari 1939 Sultan Hishamuddin Alam Shah telah ditabalkan dan dimahkotakan di Istana Mahkota Puri Kelang sebagai sultan. Yang DiPertua Negeri Selangor Darul Ehsan.

Sewaktu pemerintahan Jepun pada tahun 1942, Sultan Hishamuddin menjauhkan diri bersemayam di Dusun Tua (Langat), tetapi Tengku Musauddin yang tinggal di bandar telah pergi menemui pegawai Jepun. Gubernur Jepun telah memecat baginda turun dari takhta Kerajaan Selangor dan melantik Tengku Musauddin menjadi Sultan Selangor.

Pada bulan September 1945 tentera British telah datang semula untuk mengambil Malaya dari tangan Jepun. Dengan perintah Lord Louis Mountbatten, pemerintah agong tentera British di Singapura, Tengku Musauddin telah diturunkan dari takhta Kerajaan Selangor dan Sultan Hishamuddin Alam Shah dilantik semula sebagai Sultan Selangor. Pada masa itu dengan tidak setahu baginda Tengku Musauddin telah diasingkan oleh British ke pulau Cocos di lautan Hindi.

Dalam majlis mesyuarat Negeri Selangor, kedudukan Tengku Musauddin ini ditimbulkan. Beliau telah dibenarkan kembali semula ke Negeri Selangor dan tinggal di rumahnya di Kelang dan diberi elaun politik seribu ringgit setiap bulan dan memakai gelar Tengku Kelana Jaya Putera.

Pada 13 Mei 1950 Raja Abdul Aziz Putera Sultan Hishamuddin Alam Shah telah dilantik menjadi Raja Muda. Setelah dua tahun Raja Abdul Aziz menjadi Raja Muda pada tahun 1952 Sultan Hishamuddin Alam Shah berangkat ke Mekkah menunaikan fardhu haji. Raja Abdul Aziz menjadi Raja Pemangku selama baginda berada di luar negara. Baginda Sultan Hishamuddin Alam Shah adalah di antara sultan-sultan di tanah Melayu yang pertama menunaikan fardhu haji.

Pada 11 Mac 1956 Raja Muda Abdul Aziz telah dikahwinkan dengan sepupunya Tengku Rahimah, Puteri Sultan Abdul Aziz di Langkat Sumatera Timur (sekarang Sumatera Utara).

Pada 3 September 1960 di Istana kota Kelang sebelum jenazah Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah dimakamkan, Menteri Besar Selangor Datuk Abu Bakar bin Baginda bagi pihak raja-raja dan orang-orang besar Selangor mengumumkan bahawa Pemangku

Raja dan Raja Muda Selangor Raja Abdul Aziz dilantik menjadi Sultan Selangor menggantikan Almarhum Ayahanda baginda dengan gelar Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Pada 28 Jun 1961 dalam suatu istiadat dan keramaian gemilang diadakan di Istana Alam Shah Kelang Sultan Salahuddin Aziz Shah telah ditabal dan dimahkotakan sebagai Sultan Yang DiPertuan bagi Negeri Selangor Darul Ihsan. Isteri baginda Tengku Rahimah digelar Tengku Ampuan Selangor. Pada waktu itu Sultan Abdul Aziz Shah baru berumur 35 tahun.

Baginda lahir di bandar Kelang pada 8hb Mac 1926. Baginda menerima pendidikan awalnya di sekolah Melayu Kelang dan melanjutkan pendidikannya ke Malay College di Kuala Kangsar, Perak. Selepas pendudukan Jepun di Malaya baginda telah melanjutkan pendidikannya ke London dan sekembalinya dari London baginda telah berkhidmat dalam jabatan kerajaan di Negeri Selangor dan telah mendapat pendidikan tentera di Maktab Tentera Persekutuan tanah Melayu di Port Dickson. Sejak Baginda dilantik hinggalah menjadi Sultan Selangor Baginda sering melakukan lawatan kerja ke merata negeri di seluruh dunia bersama isteri Tengku Ampuan Selangor.

Pada tahun-tahun awal pemerintahan Baginda di Negeri Selangor, Baginda dikenali sebagai seorang raja yang sukakan pembaruan dalam cara pentadbiran pemerintahan bagi faedah kemajuan negeri dan rakyat Baginda.

Selaku Sultan Selangor yang baru Baginda Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Ajhaz mempunyai tanggung jawab yang berat bagi mentadbir negeri ini. Dalam kesibukan ini Baginda tetap tidak lupa kepada rakyat seluruh Negeri Selangor.

Kemahkotaan Baginda Sultan dan Yang Maha Mulia (YMM) Tengku Ampuan diadakan dengan penuh adat istiadat Melayu. Istiadat bersiram tabal DYMM diadakan di Panca Persada yang terletak di hadapan Istana Shah Alam. Istiadat menepung tawar pula dilakukan oleh Pawang DiRaja (Raja Alang) di atas Panca Persada. Sebagai menyambut petabalan Baginda Sultan, bandar DiRaja Kelang telah dihiasi dengan indah. Lebih dari 300 tamu khas termasuk Perdana Menteri Tuanku Abdul Rahman Alhaj telah menyaksikan petabalan ini.

Baginda meninjau secara dekat hasil mahsul Negeri Selangor. Baginda telah berangkat untuk melawat lombong bijih timah yang terdapat di Sungai Besi pada 16 April 1962. Ini adalah kerana penggalian bijih timah merupakan kegiatan ekonomi dari sumber galian yang terpenting di Negeri ini di samping sumber-sumber lain dan bahan galian seperti arang batu, berbagai jenis logam, boksait dan lain-lain. Seajar pula dengan amalan dan semangat mesyuarah demi untuk mengeratkan hubungan di antara Raja dengan Ahli Dewan DiRaja Selangor, Baginda sentiasa berunding dan bermesyuarat dengan mereka dalam semua hal-ehwal bersangkut paut dengan adat istiadat protokol perjalanan dan Pentadbiran Istana.

Pada tahun 1970 Baginda dengan resminya melantik puteranya yang sulung Tengku Idris Shah sebagai Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Raja Muda Selangor. Dua tahun berikutnya Baginda melantik pula YM isteri DYTM Raja Muda Selangor sebagai YTM Raja Muda Perempuan Selangor.

Selaku Ketua Agama Islam Negeri Selangor DYMM mempunyai tugas yang amat berat dalam mengembangkan syiar Islam. Baginda sentiasa memberikan perhatian utama terhadap perkembangan agama Islam. Baginda telah membenarkan pembacaan Al Quran diadakan di Istana Alam Shah, Kelang pada 17 Mei 1964.

Dalam rangka menunaikan fardhu haji ke tanah suci Mekkah di antara 29 Ogos hingga 4 September 1984 yang lalu, suatu program khas untuk mengerjakan ibadat ini telah disusun. Rombongan DiRaja terdiri daripada 18 orang kesemuanya.

Selaku Ketua Islam Negeri Selangor, Baginda sentiasa saja melawat malah dianggap sebagai tanggung jawab Baginda meresmikan tempat-tempat ibadat Islam seperti mesjid dan surau serta madrasah. Pada awal tahun 1984 Baginda merasmikan sekurang-kurangnya 3 buah mesjid iaitu Mesjid Jami' il-Huda Kampung Melayu, Ampang pada 13 Januari 1984, Mesjid Jamik Pekan Banting, Kuala Langat pada 10 Februari 1984, dan Mesjid Jamik Al-Amaniah daerah Gombak, Batu Cave pada 2 Mac 1984.

Dalam titah ucapan perasmian, Baginda memberi pandangan peribadi dan nasihat yang memberikan manfaat serta kebaikan kepada umat Islam di Negeri ini. Baginda juga mengharapkan agar mesjid dapat digunakan dengan sebaik-baiknya mengikut lunas-lunas Al Quran dan Al Sunnah. Menurut Baginda juga fungsi mesjid tidak

terhenti setakad tempat beribadat tetapi harus dijadikan pusat perkembangan dakwah dan penyebaran syiar dan ilmu Islam.

Baginda DYMM Sultan mempunyai suatu pandangan yang istimewa iaitu mengekalkan ciri-ciri tradisional Melayu. Hal ini dapat dilihat pada Majlis Perasmian Sidang Belanjawan Dewan Negeri yang ke-6 dan untuk pertama kalinya dalam sejarah dan tradisi perasmian sidang semua ahli dewan dan para tamu khas yang berbangsa Melayu dan beragama Islam telah memakai pakaian tradisional berdestar dan berkeris. Hal ini melihatkan semula zaman keagungan Kesultanan Melayu dengan adat istiadat dan pakaian pada masa kesultanan dahulu. Sidang Belanjawan tersebut diadakan secara sederhana tetapi lancar dan amat simbolik dan penuh suasana gilang-gemilang.

Dalam proses memantapkan lagi pembangunan di Shah Alam sebagai ibu negeri Selangor, Baginda sentiasa mengikuti dan memperhatikan kerja-kerja pembangunan yang sedang dijalankan termasuk pembinaan bangunan-bangunan yang tinggi dan kemajuan infrastruktur. Salah satu projek yang diikuti oleh Baginda dengan teliti ialah pembinaan mesjid negeri di Seksyen 10 Shah Alam.

Pada 2 Mac 1985 Baginda dengan satu rombongan pegawai tinggi kerajaan Selangor dan YTM Raja Muda Selangor telah berangkat melawat mesjid yang sedang pesat dibina. Mesjid tersebut dinamakan Mesjid Salahuddin Abdul Aziz Shah yang menelan belanja lebih dari satu ratus juta ringgit dan dapat memuatkan kira-kira 20,000 jemaah. Baginda menegaskan bahawa mesjid tersebut menjadi impian hidup Baginda dan simbol bagi Negeri Selangor. Kubah mesjid tersebut bernilai 18 juta ringgit dianggap salah satu kubah terbesar di dunia, sedangkan mesjid tersebut adalah mesjid terbesar di Asia Tenggara. Baginda juga mencadangkan agar Mesjid Salahuddin ini benar-benar mempunyai fungsi agama dan sosial bagi seluruh umat Islam di Selangor.

Kesenian merupakan salah satu hobi dan sahsiah Baginda. Didapati bahawa Istana Bukit Kayangan dan beberapa buah bangunan telah dibina atas nama Baginda kerana Baginda mencipta dan mengilhami bangunan tersebut.

Bahan-bahan seni rupa seperti, ruang yang dihiasi dengan seni lukis yang halus dan indah, seni ukir di dinding dan siling atau seni pahat di lantai dan di kisi-kisi. Baginda tempah di dalam mahupun

di luar negeri.

Sebagai seorang Sultan, Baginda mempunyai tanggung jawab kepada semua lapisan masyarakat. Pada 3 Mac 1975 Baginda dan YMM Tengku Ampuan telah melawat pesakit-pesakit yang terlantar di Hospital Besar Kelang dan Baginda telah menyampaikan hadiah kepada setiap pesakit yang dikunjunginya.

Memandangkan pentingnya pendidikan dan pelajaran, Baginda Sultan Selangor telah merasmikan Majlis Konvokesyen Universiti Pertanian Malaysia (Universiti Putera Malaysia atau UPM) pada 13 Ogos 1983. Baginda juga menjadi Canselor universiti tersebut. Selaku Canselor UPM Duli Tuanku sentiasa mengikuti perkembangan universiti ini dengan penuh minat. Baginda mahukan 3 fungsi utama universiti iaitu pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan kepada masyarakat diamalkan sekarang harus berlandaskan kepada kecemerlangan dan kesesuaian.

Baginda mahukan Kerajaan Negeri memikirkan bahawa segala kemudahan untuk kegunaan rakyat disediakan, bukan saja kepada pihak kerajaan tetapi juga kepada pihak swasta. Baginda juga ingin melihat kehidupan rakyat makmur di bawah pemerintahan Baginda.

Suatu peristiwa yang amat bersejarah terjadi pada masa pemerintahan Baginda Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj ialah penyerahan kawasan Kuala Lumpur yang selama ini menjadi sebahagian kawasan kedaulatan Kerajaan Selangor kepada Kerajaan Persekutuan. Sejak wujudnya Selangor sebagai sebuah entiti politik pada abad ke-18, Kuala Lumpur adalah kawasan dan daerah tujuannya. Tujuan asas pemindahan kedaulatan kawasan ini ialah berkaitan dengan cita-cita dan tujuan Kerajaan Pusat menubuhkan dan mewujudkan suatu kawasan khas yang boleh dijadikan sebagai Pusat Pentadbiran dan Pemerintahan yang terletak di bawah kedaulatan Kerajaan Persekutuan sendiri.

Pada 18 Januari 1974 suatu program Istiadat Menandatangani Perjanjian Kuala Lumpur pun disusun dengan lengkap bagi hari dan peristiwa yang amat bermakna ini. Pada hari yang penuh bersejarah ini berlangsunglah suatu istiadat yang penuh tradisi lengkap dengan adat istiadat kebesaran Raja-raja Melayu di mana DYMM Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong mewakili pihak Kerajaan Persekutuan dan DYMM Baginda Sultan Selangor bagi pihak Kerajaan Negeri Selangor menurunkan tandatangan masing-masing

dalam perjanjian tersebut. Istiadat ini disaksikan oleh semua DYMM Raja-raja Melayu atau wakil, Tuan Yang Terutama (TYT), Gabenor-gabenor atau wakil, para Menteri Kerajaan Persekutuan, para Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor dan para dif-dif kehormat yang diundang khas.

Pada 1 Februari 1974 Kuala Lumpur membentuk identiti sendiri terpisah pentadbiran dan kedaulatannya dari Negeri Selangor sebagai wilayah yang menjadi ibu negara Malaysia. Luas kawasan Kuala Lumpur yang diserahkan kepada Kerajaan Persekutuan bagi mewujudkan Wilayah Persekutuan ialah 94 batu persegi. Perasmian yang dilakukan terhadapnya apabila siap terbina *Kota Darul Ehsan* yang mengambil bentuk upacara dan istiadat menepung tawar secara tradisional yang dilakukan sendiri oleh Duli Tuanku pada 3 Januari 1982. Nama *Kota Darul Ehsan* ini diberi nama oleh Baginda sendiri.

Pada tahun 1990 Baginda Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah secara rasmi melawat Kampung Bahru sempena ulang tahun Kampung Bahru ke-100. Lawatan kerja ini mengingatkan Baginda kepada tanah simpanan Melayu ini yang telah dikumiakan oleh Sultan Alauddin Sulaiman Shah untuk masyarakat Melayu di Kuala Lumpur (Mohd. Yusoff Hashim, 1985).

Setelah mangkatnya Tengku Ampuan Rahimah, Baginda Sultan Selangor bertemu jodoh dengan DYMM Tengku Permaisuri Selangor Siti Aishah pada 3 Mei 1990. DYMM Tengku Permaisuri Selangor Siti Aishah telah dilahirkan 18 November 1971 dan dibesarkan di Kuala Lumpur. Tengku Permaisuri telah mendapat pendidikan awalnya di Sekolah Rendah Jalan Gurney dan kemudian melanjutkan di Sekolah menengah Putri Titiwangsa. Tengku Permaisuri kemudiannya melanjutkan pelajaran ke Institut Teknologi MARA di Kota Bharu, Kelantan dalam bidang perbankan (banking).

DYMM Tengku Permaisuri Siti Aishah juga merupakan Penaung kepada pertubuhan seperti Pertubuhan Kumpulan Perempuan Negeri Selangor, Lembaga Kebajikan Negeri Selangor, Balkis Negeri Selangor, Persatuan Pandu Puteri Negeri Selangor dan Persatuan Jantung Hatiku.

DYMM Tengku Permaisuri Siti Aishah telah ditabalkan sebagai DYMM Tengku Permaisuri Selangor pada 24 Oktober 1989.

Sempena sambutan Hari Keputeraan DYMM Sultan Selangor ke-70 pada 8 Mac 1996, DYMM Tengku Permaisuri Siti Aishah

telah dikurniakan Darjah Kerabat Yang Amat Dihormati (D.K.) oleh Baginda Sultan. Tengku Permaisuri Selangor Siti Aishah juga telah dikurniakan Bintang Kebesran Negeri Sarawak bergelar Datuk Amar (D.A.) oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sarawak pada 20 Jun 1994.

Berbalik kepada kepada sejarah, menjelang tahun 1875, pentadbiran British mula ditubuhkan di Negeri Selangor. British hanya menumpukan pada tempat penting sahaja. Pada tahun 1880, ibu negeri Selangor berpindah ke Kuala Lumpur menjelang tahun 1880 Kuala Lumpur penuh sesak dengan pondok-pondok atap. Yap Ah Loy tidak begitu senang dengan kehadiran British, kerana monopoli perdagangannya hampir hancur. Cina peranakan (kaum Baba) mula berhijrah ke Kuala Lumpur. Ramai di antara mereka berpendidikan Inggeris dan mudah menjalin hubungan dengan pegawai British.

Yap Ah Loy meninggal dunia pada usia 48 tahun dalam tahun 1885, tempat beliau diganti oleh Yap Ah Shak. Sebelum itu, pada zaman 1881 terjadi kebakaran di Kuala Lumpur diikuti pula pada bulan Ogos tahun yang sama. Mesyuarat Majlis, Mesyuarat Negeri bulan September 1881, Residen British B. Douglas telah meminta majlis memberikan kuasa pada kerajaan untuk menghalang pembinaan rumah kayu di bahagian bandar yang dikhaskan untuk pemiagaan. Hal ini membuat orang-orang Melayu di Jalan Jawa dan di Kampung Rawa dipindahkan ke petempatan baru.

Perkampungan Melayu disatukan di kawasan sepanjang sungai dianggap tidak penting dan menonjol, kerana yang penting bagi kuasa kolonial adalah kawasan perlombongan bijih timah. Orang Melayu yang mendiami kawasan sekitar *kuala yang berlumpur* telah pun mengusahakan perlombongan bijih timah secara kecil-kecilan secara mendulang. Pendapatan lain mereka adalah menjual hasil hutan ke Kelang. Oleh kerana kawasan ini agak jauh dari ibu negara Selangor dan pola ini sesuai dengan kehidupan orang Melayu kampung. Kehadiran buruh asing yang ramai di Kuala Lumpur akibat industri perlombongan, secara tidak langsung menenggelamkan dan mematikan kegiatan mendulang masyarakat Melayu. Dengan itu, kegiatan melombong didominasi oleh orang asing dan ini memberi kesan kepada proses urbanisasi orang Melayu.

Tanaman tembakau mulai dikenalkan, tanaman ini diusahakan oleh orang Melayu berketurunan Minangkabau. Pada tahun-tahun kemudiannya orang Melayu menceburi beberapa bentuk pertanian yang lain. Pekerjaan utama kebanyakan orang Melayu ialah mengusahakan pengangkutan sungai antara Pengkalan Batu (Kelang) dan Kuala Lumpur melalui Damansara.

Dengan keinginan untuk memencilkan orang Melayu pemerintahan kolonial British mendakwa bahawa pengasas Kuala Lumpur bukanlah oleh orang Melayu. Kenyataan ini sama sekali tidak berasas kerana dari awal lagi Kuala Lumpur telah diterokai dan didiami oleh orang Melayu. Ahli-ahli sejarah memperdebatkan isu bahawa Yap Ah Loy yang membuka Kuala Lumpur. Isu bahawa bandar dan urbanisasi adalah fenomena asing untuk orang Melayu turut diperdebatkan (Adnan Nawang, 1992, Nik Anwar Mahmud 1995, dan Mohd. Razali Agus, 1991).

Yap Ah Loy sebagai Kapitan Cina, adalah seorang penguasa lombong yang kaya dan telah menjadi ketua bagi komuniti pelombong Cina pada tahun 1868. Sebelum tahun tersebut sekitar kawasan ini telah pun didiami oleh orang Melayu. Kehadiran beliau di Kuala Lumpur di sini bukanlah yang paling awal, hal ini dapat dibuktikan bahawa Yap Ah Loy pernah meminta tolong dari Sutan Puasa, seorang pedagang berketurunan Mandailing untuk menentang musuhnya Chong Chong untuk merebut kawasan bijih timah di Kuala Lumpur. Catatan sejarah hanya mengatakan bahawa Capitan Cina Yap Ah Loy hanyalah tokoh yang membangun kembali Kuala Lumpur setelah kejadian kebakaran pada Januari 1881.

Pada tahun 1873, bandar kecil bernama *Kuala Sungai Lumpur* yang mana Sungai Gombak pada waktu itu dikenali sebagai Sungai Lumpur (Anderson, 1965:199), mengalami kerosakan akibat perang saudara di antara Raja Abdullah dengan Raja Mahadi. Pembangunan semula bandar ini telah mengakibatkan kemasukkan pelombong-pelombong baru dan dengan ini penduduk di sini semakin bertambah. Pertambahan pekerja lombong tersebut memerlukan makanan seperti beras yang mencukupi. Akibatnya Melayu di kawasan petempatan baru (kampung Bahru) digalakkan untuk menanam padi.

Ahli-ahli sejarah yang menolak Yap Ah Loy sebagai pembuka Kuala Lumpur, berpendapat bahawa tokoh yang paling layak dipanggil pembuka Kuala Lumpur adalah Raja Abdullah. Beliau

adalah pentadbir Kuala Lumpur yang paling berhasil pada tahun 1857. Raja Abdullah bersama dengan 87 orang Cina dari Lukut telah menyusuri Sungai Kelang. Rombongannya telah mendarat pada satu tempat di tebing sungai tersebut, tidak berapa jauh daripada persimpangan dengan Sungai Gombak. Perkembangan kegiatan perlombongan di kawasan inilah kemudiannya menjadikan semakin penting dan menarik ramai para pelombong Cina yang lain. Raja Abdullah juga mengajak Yap Ah Loy ke Kuala Lumpur.

Pada dasar pembuka, pengasas dan pentadbir Kuala Lumpur yang berhasil adalah Raja Abdullah dan bukannya Yap Ah Loy sebagaimana digembar-gemburkan oleh penulis British dalam sejarah Kuala Lumpur.

Pada mulanya perkhidmatan kereta api, yang dibina oleh J. P. Roger, bermula dengan pembinaan dari Kuala Lumpur ke Bukit Kuda dekat Pengkalan Batu (Kelang). Perkhidmatan ini bermula pada tahun 1886. Kuala Lumpur pada waktu itu pesat menjadi sebuah pusat pertanian. Pekebun Cina banyak terdapat di sini, kira-kira tiga batu dari Kuala Lumpur, namun terdapat juga pekebun kecil Melayu. Pada awal tahun 1880-an penduduk Melayu di Selangor tidak begitu ramai, mereka berpindah semasa berlakunya perang saudara. Tetapi, program pelepasan cukai tanah ke atas pertanian selama tiga tahun, mulai Januari 1884 di kawasan-kawasan yang kekurangan penduduk mempunyai kesan bertambahnya penduduk Melayu dan sebanyak sedikitnya menguntungkan Kuala Lumpur.

Kemunculan Kuala Lumpur adalah berkait rapat dengan perkembangan kegiatan perlombongan yang melibatkan pekerja Cina. Para pengusaha lombong Melayu yang terdiri daripada pembesar negeri dan golongan bangsawan turut menggunakan buruh-buruh Cina. Keengganan mereka menggunakan buruh-buruh Melayu dengan sendirinya orang Melayu terpinggir bukan sahaja daripada kegiatan itu tetapi juga dari bandar. Akibatnya kehadiran orang Melayu di dalam pertumbuhan perusahaan ini adalah lebih berkait dengan pembekalan makanan seperti beras, ikan dan sebagainya, tetapi bukan sebagai pelombong.

Usaha sama di antara orang Melayu dengan orang Cina telah lama terjalin, hal ini dapat dibuktikan dengan perniagaan Sutan Puasa dengan rakan kongsinya Hiu Siew dan Ah Sze. Dalam kes perkongsian ini kedua-dua orang Cina tersebut telah berjaya dalam

perniagaan tersebut sehingga Hiu Siew telah dilantik menjadi Kapitan Cina pertama di Kuala Lumpur. Perlantikan beliau telah disokong oleh Sutan Puasa dan dipersetujui oleh Raja Abdullah. Hiu Siew meninggal dunia pada tahun 1862 dan tempat beliau digantikan oleh Liau Ngim Kong yang memegang jawatan tersebut selama empat tahun sahaja. Yap Ah Loy telah menggantikannya setelah beliau meninggal pada tahun 1868. Perjalanan sejarah di atas jelas menunjukkan bahawa Yap Ah Loy adalah tokoh yang muncul kemudian. Hakikatnya beliau adalah Kapitan Cina yang ketiga, hal ini membuktikan bahawa kehadiran tokoh ini adalah sesudah Kuala Lumpur wujud sebagai sebuah petempatan (Sulaiman, 1999:51).

Secara sedar atau tidak, Kuala Lumpur telah menjadi sebuah ibu negeri yang masih muda, hubungan sosial yang lebih erat terjalin di antara orang-orang Eropah yang memiliki ladang kopi di lembah Setapak (dinamakan Estet Hawthornden, Estet Lincoln dan Estet Roslin) dengan orang tempatan.

Raja Laut dan Raja Mahmud (Putera Sultan Muhammad) kerap bercampur gaul dengan komuniti Eropah. Yap Kwan Seng merupakan kapitan Cina yang terakhir dalam sejarah Kuala Lumpur. Beliau adalah orang yang sangat disukai di kalangan orang-orang Eropah kerana kekerapannya mengadakan jamuan makan malam yang mewah di rumahnya di High Street (sekarang Jalan Tun S. H. Lee). Golongan masyarakat bawahan pula mendapat hiburannya di pondok-pondok judi dan rumah pelacuran.

Dalam kehidupan ekonominya di tengah-tengah masyarakat Cina, Yap Ah Loy mempunyai berbagai-bagai peranan. Beliau memonopoli sebahagian besar ladang pertanian di Ulu Selangor dan di Ulu Langat. Yap Ah Loy mengembangkan pertumbuhan ekonomi dan menambah pendapatan yang diterimanya. Jika masyarakat Cina memohon untuk mendapatkan pinjaman dari kerajaan atau institusi kewangan adalah sesuatu perkara yang biasa bagi Yap Ah Loy untuk menjadi penjamin atau mencari orang lain sebagai penjamin.

Yap Ah Loy menentukan harga pasaran bijih timah dan tidak mempunyai larangan atau undang-undang yang mana bijih timah boleh dijual-beli di lapangan (hal ini terjadi kerana mengelakkan pencurian).

Tempat yang dibenarkan untuk menjual bijih timah di Kuala Lumpur adalah di pekarangan rumahnya. Di samping tugasannya

pada masyarakat umum. Yap Ah Loy juga mengisi waktunya mengatur dan mengurus kepentingan perniagaannya. Beliau juga merupakan penasihat perlombongan dan mempunyai lombong bijih timah di sekeliling Kuala Lumpur dan memegang hampir separuh kawasan ini yang dipajakkan kepada taukeh-taukeh Cina. Beliau mempunyai 411 ekar tanah perlombongan di Ampang dan merupakan salah satu kawasan lombong yang terbaik di dunia.

Pada tahun 1881 beliau telah memiliki mesin wap untuk mengepam air dalam pengolahan bijih timah dan adalah yang pertama di Malaya. Yap Ah Loy merupakan seorang yang percaya bahawa mesin wap dapat memperolehi hasil yang lebih banyak dan ia memiliki 11 buah mesin tersebut di Selangor pada tahun 1885. Lombong bijih timah beliau yang di Ampang mengeluarkan 350 ton bijih timah dalam tahun 1883. Beliau memiliki 142 ekar tanah perlombongan di Petaling, 49 ekar di Gonggang (sekarang, Setapak), dan 34 ekar di Pudu. Beliau memulakan perdagangannya dengan 72 ekar di Kuala Kubu di Ulu Selangor dan kemudian bertambah menjadi 300 ekar dan 67 ekar di Serendah.

Di antara tahun 1882 hingga 1884 kemajuan bijih timah di Negeri Selangor membuat firma-firma Eropah untuk turut terlibat, tetapi kemasukkan Barat dalam perdagangan ini tidak begitu menguntungkan kerana mereka tidak berjaya mengurangkan kos pengeluaran. Ini ditambah lagi apabila harga timah jatuh pada tahun 1884, semua perusahaan tersebut mengalami kerugian kecuali hanya satu yang tetap bertahan.

Perusahaan Hill dan Rathbone mengalami kerugian sebesar 70,000 ringgit dalam perniagaan bijih timah mereka di lombong-lombong di Ampang. Yap Ah Loy telah mendapat keuntungan lebih awal dari hasil penglibatannya dalam perlombongan ini hinggan turun naiknya pasaran tidak terlalu dirasakan. Beliau menjual lombong bijih timah yang terkenal di Ampang untuk harga 170,000 ringgit kepada satu perusahaan yang bernama Patterson Simons yang berpangkalan di Singapura.

Dalam perniagaan bijih timah, Yap Ah Loy biasanya bekerja dengan satu rakan kongsi, dan beliau selalu berkongsi dengan Yap Ah Shak yang mempunyai minat yang besar di kawasan perlombongan di Petaling. Perniagaan Yap Ah Loy di bidang perladangan tidak begitu maju. Pada akhir tahun 1870 beliau

menanam beberapa ratus ekar ubi dan mengimport mesin pembuat tepung ubi, kemudian meletakkannya di Petaling Road.

Sultan Abdul Samad menanam modal sebanyak 3,000 ringgit dalam perladangan ini dan sehingga tahun 1884 baginda masih cuba untuk mendapatkan wangnya kembali dari Yap Ah Loy. Beliau juga mempunyai 12,000 ekar tanah di bahagian Selatan Jalan Damansara. Ia juga memiliki dua pertiga tanah di kawasan bandar Kuala Lumpur di sebelah Timur tebing Sungai Kelang. Pada tahun 1883 apabila geran tanah dikeluarkan beliau mempunyai masalah untuk membayar premiumnya.

Kebanyakan tanah Yap Ah Loy di Kuala Lumpur telah dibangun pada tahun 1880. terdapat 220 bangunan di Kuala Lumpur, di antaranya 64 bangunan dimiliki Yap Ah Loy (16 kedai menjual candu).

Pada 21 Disember 1881 banjir besar melanda Kuala Lumpur. 92 bangunan telah rosak termasuk rumah baru Yap Ah Loy yang runtuh dan kebanyakan harta dan barang-barang berharga telah hilang. Banjir itu juga merosak lombong-lombong bijih timahnya di sekitar Kuala Lumpur. Yap Ah Loy juga memungut cukai sebanyak satu ringgit bagi setiap ekor babi yang disembelih di Kuala Lumpur.

Yap Ah Loy meninggal pada 15 April 1885 di Kuala Lumpur disebabkan sakit sesak napas. Semua pejabat kerajaan di Kuala Lumpur ditutup sewaktu hari kematiannya tersebut. Yap Ah Loy menjadi legenda bagi masyarakat Cina di Kuala Lumpur.

Dalam tahun 1893 suatu artikel yang dikeluarkan dalam *Selangor Journal* yang diperolehi dari terjemahan tulisan berbahasa Cina tentang kehidupan Yap Ah Loy yang, menurut beberapa pengkaji, tidak dapat dipegang kata-katanya dan tidak dapat dipercayai tafsirannya (Middlebrook, 1951: 99-100).

Frank Swettenham, seorang pegawai British melawat bandar itu pada tahun 1875, berpendapat bahawa bandar Kuala Lumpur diatur dengan baik serta mempunyai sebuah pasar dan sebuah pondok judi. Terdapat banyak kedai yang baik, kepunyaan orang Melayu dan Cina dan sejumlah sampah yang berhilir-mudik di sungainya.

Penduduk Kuala Lumpur yang berbilang kaum memperlihatkan beberapa ciri majmuknya berdasarkan bilangan dan jenis rumah ibadat yang telah didirikan. Menjelang tahun 1890-an, sekurang-kurangnya dua buah Tokong Cina telah dibina, iaitu Tokong Kun

Yam yang terletak di Ampang Road dan Tokong Sze Yah di High Strait. Kuil India dipercayai telah dibina pada masa yang sama dengan Tokong Cina.

Dua buah mesjid telah dibina sebelum akhir abad ke-19. Mesjid pertama terletak di Kampung Melaka dan kini merupakan mesjid yang berada di Jalan Mesjid India. Mesjid yang kedua dibina oleh penduduk Minangkabau ditapakinya sekarang berhadapan dengan syarikat Gian Singh (Jalan Tun Perak yang dulunya Java Strait). Mesjid yang ketiga yang terletak di kawasan Kampung Bahru pada asalnya dikenali sebagai petempatan pertanian Melayu telah dibina kemudian.

Komuniti Eropah juga telah membina gereja mereka yang pertama oleh Gereja England terletak di Bluff Road. Bangunan gereja ini dibina daripada kayu dan siap pembinaannya menjelang tahun 1886. Menjelang akhir tahun yang sama penganut Katolik juga mendirikan gereja mereka iaitu Gereja St. John di Bukit Nenas.

Dalam segi pendidikan pada tahun 1894 Victorial Institution memulakan sesi pelajarannya yang pertama. Guru Besarnya yang tiba pada pertengahan tahun itu bernama B. E. Shaw dan selanjutnya telah berkhidmat dengan cemerlang hingga tahun 1920-an. Bangunan sekolah baru di High Strait ini telah siap pembinaannya pada Julai 1894. Shaw adalah orang yang banyak menjelaskan gambaran tentang keadaan Kuala Lumpur pada tahun 1894.

Kuala Lumpur yang dikenalnya hampir tidak merupakan sebuah bandar, cuma sebuah perkampungan besar yang terdiri dari rumah-rumah papan dan atap sahaja. Di hadapan Kelab Selangor jauh dari padang terdapat sebaris rumah kedai kecil dan sebelahnyanya terletak bangunan perniagaan syarikat Chow Kit. Pejabat Pos ketika itu merupakan sebuah bangunan kecil yang terletak di tapak bangunan Chartered Bank. Pada tahun 1984 jalan kereta api dari Kuala Lumpur ke Kelang (melewati Bukit Kuda) baru saja siap dibina. Setiap orang menaiki kuda dan kereta kuda, kereta lembu dan beca merupakan satu-satunya pengangkutan yang ada. Basikal diperkenalkan pada masa itu, cepat menjadi popular.

Satu-satunya penginapan hotel adalah Rumah Rehat yang asalnya merupakan asrama bagi murid-murid sekolah raja yang telah ditutup apabila terbinanya sekolah Victoria Institution. Pada Oktober 1894 Sir Charles Mitchel, Gabenor Negeri-Negeri Selat telah meletakkan

batu asas bagi sebuah blok pejabat kerajaan. Sir William Maxwell ketika itu menjadi Residen Selangor (1889-1892) telah membayangkan idea bangunan seumpama itu untuk dijadikan sebagai iklan bagi menarik modal. Beliau merasakan bangunan-bangunan yang menarik akan mewujudkan kemakmuran. Blok bangunan yang dirancang akan menempatkan sekretariat Pejabat Pos Besar dan Pejabat Kereta Api. Bangunan itu juga akan dapat menempatkan sebuah dewan bandar raya. Bangunan tersebut sekarang bernama bangunan Sultan Abdul Samad. Menurut pelan bangunan tersebut, sebuah menara jam setinggi 140 kaki yang bercorak awan larat akan menjadi ciri tambahan kepada muka depannya. Bangunan yang tingginya dua tingkat ini mempunyai beranda selebar 12 kaki dan sekelilingnya terdiri dari batu bata merah dengan balutan batu tiruan dan berbumbung genting.

A. C. Norman yang merupakan arkitek negeri ketika itu adalah orang yang mula-mula yang merekabentuk dan kemudian diubahsuai oleh E. Spooner jurutera negeri supaya bangunan semua di situ mempunyai corak senibina yang sama dikenali dengan corak *Saracen Modern* yang dianggap sesuai dengan sebuah negara Islam. Banguna itu siap dibina dan diduduki pada tahun 1897. Pada masa itu Kuala Lumpur sudah menjadi ibu negeri Persekutuan.

Pada tahun 1896 Kuala Lumpur menjadi ibu negeri Melayu Bersekutu yang terdiri dari Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang. Kuala Lumpur telah dipilih sebagai ibu negeri semata-mata kerana kedudukannya di tengah-tengah. Sehingga ketika itu, Taiping merupakan ibu negeri Perak sejak 1876 merupakan bandar yang terutama di semenanjung tanah Melayu, kerana Perak ketika itu adalah negeri yang terkaya di antara negeri-negeri di semenanjung. Residen Perak merupakan residen yang paling tinggi di antara keempat negeri terduduk. Mula tahun 1896 bermulalah perpindahan dari Taiping ke Kuala Lumpur, kerana di sini akan ditempatkan jabatan-jabatan persekutuan. Menjelang tahun 1896 Kuala Lumpur masih lebih kurang sebesar bandar Taiping.

Walaupun Kelang dan Kuala Lumpur telah dihubungkan dengan kereta api, namun sampan-sampan sungai yang lama yang dimiliki orang Melayu masih menjalankan perniagaannya di antara kedua buah bandar ini. Sampan-sampan ini memuat dan memunggah barang-barang dari suatu tempat berdekatan dengan belakang Pasar

Seni sekarang.

Pada tahun 1895 masih belum terdapat perhubungan taligraf di antara Kuala Lumpur dengan Perak atau mana-mana negeri lainnya. Semua berita dihantar dari Singapura dan Pulau Pinang melalui kapal wap. Kuala Lumpur pada ketika itu tidak terdapat banyak tempat hiburan. Rumah judi merupakan tempat paling terang di waktu malam di bandar ini. Para pegawai kerajaan dilarang bermain judi, tetapi ramai juga tidak mengindahkan larangan ini. Hanya sebilangan kecil kedai yang ada menyediakan barang-barang keperluan orang Melayu dan Cina. Sebuah kedai Melayu yang menjual kain sarung dan kopiah, mendapat bekalan kasut dari Singapura dan menjualnya kepada orang ramai. Hanya terdapat sebuah kedai jahit Cina yang membuat pakaian Eropah dan lazimnya komuniti Eropah mendapatkan pakaian mereka daripada syarikat Robinson Singapura.

Pusat bandar Kuala Lumpur menampung keperluan-keperluan utamanya untuk orang Melayu dan Cina. Ikan, ayam, dan itik boleh didapati dengan mudah. Bagaimanapun daging lembu, daging kambing dan air bergas terpaksa dibawa dari Singapura dengan kapal seminggu sekali. Kelab Selangor menempah semua pesanan seminggu lebih awal. Buah-buahan dan temakan pula dibawa dari Melaka.

Pada masa itu lampu menggunakan minyak tanah. Lampu-lampu jalan begitu kecil, sehingga orang terpaksa menyalakan mancis untuk mencari tiang lampu. Bandar Kuala Lumpur pada waktu itu belum diletakkan di bawah Lembaga Kebersihan, tetapi dilaksanakan secara persendirian oleh pekebun pasaran.

Mata wang yang digunakan secara meluas ketika itu adalah Dolar Perak Mexico dan sejumlah kecil wang kertas Chartered Bank.

Pungutan tambang kereta api dibawa ke bank dengan dulang kayu dan kesemua wangnya adalah wang perak.

Penerbitan akhbar The Malay Mail bermula lewat pada tahun itu. Pengasasnya J. H. M. Robson yang datang ke Selangor pada awalnya berkhidmat dengan kerajaan Negeri Selangor. Dalam tahun itu juga Kuala Lumpur mendapat bekalan air. Menjelang awal tahun 1897 Kuala Lumpur dikatakan mempunyai bekalan air, pasukan Pancaragam, Pejabat Kerajaan yang tersergam (kini dinamakan bangunan Sultan Abdul Samad), dua buah surat khabar harian, tiga orang Peguam, tiga buah kelab rekreasi, sebuah muzium, sebuah

hotel (Hotel Victoria). Tetapi tidak terdapat seorang pun doktor gigi.

Pengerusi Lembaga Kebersihan (Sanitary Board) pada tahun 1897 ialah A. R. Venning dan ahli-ahli tidak rasminya terdiri dari Raja Laut bin Sultan Mahmud, Loke Yew, Thamboosami Pillai, Tambi Abdullah, dan Yap Kwan Seng (Kapitan Cina). Walaupun Yap Kwan Sing adalah Kapitan Cina, namun tokoh Cina yang terkenal waktu itu adalah Loke Yew.

Menjelang tahun 1875, pentadbiran British mula ditubuhkan di Negeri Selangor. British hanya menumpukan pada tempat penting sahaja. Pentadbiran British meletakkan nilai yang sangat besar ke atas pembangunan pertanian supaya daerah pedalaman diberi perhatian yang sepenuhnya. Pemindahan ibu kota negeri pentadbiran dari sebuah bandar pelabuhan di tepi pantai (Kelang) ke bandar Kuala Lumpur yang terletak di kawasan pedalaman bukanlah suatu fenomena yang terasing. Residen British Boomfield Daugles telah menubuhkan pejabat-pejabatnya di tebing barat sungai, di atas bukit (kini Bukit Aman) yang menghala ke arah bandar Kuala Lumpur. Di bandar itu juga terletak kawasan kediaman pegawai-pegawai Eropah terpisah dari kawasan pendudukan Melayu atau kawasan Cina.

Satu perubahan yang nyata di sekitar kawasan Kuala Lumpur selama beberapa tahun ianya semakin membesar. Perhatian diberi kepada tanaman kopi. Sejak sekurang-kurangnya tahun 1894 pembangunan pertanian telah diabaikan kecuali penanaman kopi. Penduduk pribumi dan Eropah juga telah mengusahakan tanaman kopi dengan harga pasaran 40 ringgit sepikul. Kopi dikatakan mempunyai potensi masa depan yang sangat baik. Bagaimana pun pada tahun 1898 harga kopi telah jatuh 19 ringgit sepikul.

Salah satu masalah yang membimbangkan penduduk Kuala Lumpur adalah banjir. Pada 30hb Nopember 1902 Kuala Lumpur telah mengalami banjir sangat teruk iaitu yang paling buruk sejak 1885. Kuala Lumpur dilanda banjir sekali lagi pada tahun 1917, banjir ini berlaku pada 8 Mac 1917. Kesemua jambatan di bandar ini telah ditenggelami air kecuali jambatan di Jalan Campbel (sekarang Jalan Dang Wangi).

Menjelang akhir tahun 1920 Lembaga Kebersihan dikehendaki membuat suatu keputusan mengenai petempatan pertanian Melayu (kini dikenali Kampung Bahru) petempatan ini telah dikenali bertahun-tahun lamanya. Dua persoalan perlu dipertimbangkan,

pertama sama ada tafsiran cukai patut yang dikenakan atas petempatan itu, *kedua* sama ada kemudahan-kemudahan Lembaga Kebersihan patut diberikan kepadanya.

Khoo Keng Hooi berkata bahawa dia mempunyai pandangan yang sangat kuat mengenai perkara ini. Negara ini adalah negara Melayu dan adalah menjadi dasar kerajaan untuk menjaga kepentingan orang Melayu dengan seberapa banyak yang boleh. Penduduk di kawasan itu hanyalah berjawatan sebagai *peon* hingga ke jawatan penghulu. Pada keseluruhannya dia dapat meyakinkan lembaga bahawa mereka tidak berupaya membayar cukai tafsiran. Pendapatan purata mereka lebih kurang 20 ringgit sebulan, dan ramai di antara penduduk di situ telah pergi bekerja di kelab golf dan tempat-tempat seumpamanya untuk menambah pendapatan. Dia menyarankan supaya Lembaga Kebersihan mengawal kawasan itu tetapi sebarang perbelanjaan yang dilakukan hendaklah dibiayai oleh kerajaan negeri. Dia juga berpendapat mereka hendaklah merizabkan kawasan ini sebagai kampung Melayu yang tipikal tetapi memperkenalkan kemudahan-kemudahan yang moden tanpa mengenakan sebarang bayaran.

E. L. Watson juga seorang ahli tidak resmi Lembaga bahawa ia berkata dia tidak terfikir penduduk di pertempatan inimampu membayar walaupun dengan kadar dua ringgit sebulan. Satu resolusi kemudiannya diluluskan, yang menjelaskan pendapat Lembaga bahawa para penghuni yang tinggal tidak harus dikenakan cukai dan kerajaan hendaklah pula menyediakan semua kemudahan perbandaran yang kosnya dibayar kerajaan negeri.

Pada tahun 1928 Penghulu Kuala Lumpur meninggal dunia dan dia baru dilantik baru beberapa hari sahaja. Abdul Razak bin Haji Abdul Ghani, Datuk Setia DiRaja pada ketika kematiannya merupakan salah seorang Melayu yang paling berpengaruh dan ternama di Selangor. Beliau telah memasuki perkhidmatan kerajaan pada tahun 1883 apabila dilantik sebagai pegawai kastam di Kelang dan berangsur-angsur meningkat dan pada tahun 1904 menjadi Setiausaha kepada Sultan Alauddin Suleiman Shah, Selangor. Anaknyanya Dr. Abdul Latif merupakan anak Melayu pertama yang menuntut di Kolej Perubatan di Singapura dan Yaacob anak daripada Dr. Abdul Latif adalah Datuk Bandar Kuala Lumpur yang kedua dan beliau telah berkhidmat selama sepuluh tahun.

Datuk Setia DiRaja merupakan orang Melayu pertama yang menghantar anak perempuannya belajar di sekolah Inggeris. Dua dari rakan anaknya yang berda di Petaling Jaya dan Kuala Lumpur telah mencipta sejarah masing-masing. *Pertama* Kamsiah binti Muhammad Ali dan *kedua* Kontik Kamariah. Kamsiah Muhammad Ali telah menamatkan pendidikan menengahnya di Sekolah St. Mary Kuala Lumpur, adalah gadis Melayu pertama menuntut ilmu perubatan di Kolej Perubatan di Singapura. Gadis yang seorang lagi Kontik Kamariah ayahnya bernama Ahmad bin Panglima Garang Ishak sebagai Ketua Penghulu Kuala Lumpur telah mendapatkan pendidikan Sekolah Perempuan Methodist dan pada pertengahan tahun 1930-an ia menjadi penyelia wanita sekolah-sekolah perempuan Melayu di Kuala Lumpur. Penduduk Kuala Lumpur menurut bancian tahun 1931 ialah seramai 111,738 orang berbanding dengan seramai 80,424 orang pada tahun 1921.

Ketika menjelang Perang Dunia Kedua lalu lintas merupakan masalah utama di Kuala Lumpur. Dengan lalu lintas purata harian sebanyak 14,829 basikal, 3,640 motokar, 812 lori, 811 bus, 361 motosikal, 94 kereta lembu, dan 1108 beca.

Batu Road merupakan jalan yang paling sibuk sekali dalam bandar, tetapi Jawa Strait ialah laluan utama motokar. Di luar pusat bandar pula, Kelang Road mempunyai lalu lintas yang paling sibuk.

Pada tahun 1940, suasana di petempatan pertanian Melayu sekali lagi menarik perhatian Lembaga Kebersihan. Lembaga ini tidak berpuas hati dengan keadaan yang sedang berlaku di petempatan itu. Menurut satu laporan daripada *Merinyu Bangunan* mengenai keadaan umum rumah-rumah dan kedudukan serta kepadatan bangunan-bangunan di situ kebanyakannya tidak memenuhi *piawai* yang telah ditetapkan oleh Lembaga.

Kuala Lumpur telah dinaikkan ke taraf sebuah bandar raya pada 1 Februari 1972. Upacara di Parlimen hanya berlangsung selama 8 minit. Upacara yang penting adalah penyampaian pengisytiharan DiRaja yang menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar raya oleh Tun Abdul Razak Perdana Menteri Malaysia kepada Datuk Ong Kee Hui, Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan. Tan Sri Lokman Yusof yang berasal dari Linggi Negeri Sembilan dilantik sebagai Datuk Bandar yang pertama.

Pada 15 Mei 1972 beliau meninggal dunia ketika berusia 62

tahun dan diganti oleh Tan Sri Yaacob Latif. Ketika itu Tan Sri Yaacob Latif menjadi Duta Malaysia ke Indonesia yang pertama selepas konfrontasi. Beliau digantikan pula oleh Tan Sri Elyas Omar, yang berasal dari Pulau Pinang, pada 1 Februari 1983.

Taraf Kuala Lumpur dinaikan lagi pada 1 Februari 1974 yang diisytiharkan sebagai sebuah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan tidak lagi menjadi sebahagian dari wilayah Negeri Selangor.

Pada awal abad ke 20-an Chartered Bank merupakan satu-satunya bank yang terdapat di Kuala Lumpur. Bangunannya yang asal merupakan bangunan yang kecil yang dibina daripada kayu dan batubata terletak di tapak yang sama di bangunan di sebelah Dataran Merdeka. Walaupun telah terdapat Chartered Bank pada awal abad ke 20-an, namun kaum *chettiar* terus melakukan banyak pemiagaan, pengiriman wang bagi kaum India dan Ceylon manakala *guild* Cina pula untuk kaum Cina. Selepas tamat Perang Dunia Pertama, tertubuh pula Hong Kong Bank dan Mercantile Bank di Kuala Lumpur. Kuala Lumpur ketika itu boleh dikatakan berada di persimpangan antara kampung dan bandar.

Dalam *lembangan* bukit-bukau terletak bandar bumiputera yang sibuk, jalan-jalan yang lebar yang dibarisi dengan kedai-kedai kantonis terbentang luas seolah-olah bagian depan sebuah kedai Inggris moden telah dihilangkan sama sekali. Di dalam kedai itu kelihatan peniaga-peniaga Cina yang hanya memakai seluar dan orang berbaris untuk menunggu sesuatu. Orang lelaki bekerja di kedai manakala keluarga tinggal di bilik-bilik di atas bangunan kedai.

Di celah-celah kedai terdapat sarang pengisap candu atau sarang judi awam, tempat tumpuan semua bangsa atau rumah-rumah jenis lain yang boleh dikunjungi orang ramai. Di setiap rumah itu terdapat lima atau enam orang wanita Jepun sambil duduk berbual-bual dan wanita-wanita ini dikatakan kurang bermoral. Kebanyakan wanita ini telah dijual oleh bapa mereka untuk pembayar hutang. Setelah hutang dibayar maka wanita-wanita ini kembali ke pangkuan orang tuanya dengan rasa bangga kerana telah dapat menghapuskan sebahagian hutang keluarga (Malay Mail, 22 Julai 1909).

Pada tahun 1880, ibu Negeri Selangor berpindah ke Kuala Lumpur menjelang tahun 1880. Kuala Lumpur penuh sesak dengan pondok-pondok atap. Yap Ah Loy tidak begitu senang dengan kehadiran British, kerana monopoli perdagangannya hampir hancur.

Cina peranakan (kaum Baba) mula berhijrah ke Kuala Lumpur. Ramai di antara mereka berpendidikan British dan mudah menjalin hubungan dengan pegawai British. Yap Ah Loy meninggal dunia pada usia 48 tahun dalam tahun 1885, tempat beliau diganti oleh Yap Ah Shak. Pada zaman 1881 terjadi kebakaran di Kuala Lumpur diikuti pula pada bulan Ogos tahun yang sama. Mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri bulan September 1881, Residen British B. Douglas telah meminta majlis memberikan kuasa pada kerajaan untuk menghalang pembinaan rumah kayu di bahagian bandar yang dihaskan untuk perniagaan. Hal ini membuat orang-orang Melayu di Jalan Jawa dan di Kampung Rawa dipindahkan ke petempatan baru.

Perkampungan Melayu di satu kawasan sepanjang sungai dianggap tidak penting dan menonjol, kerana yang penting bagi kolonial adalah kawasan perlombongan bijih timah. Orang Melayu yang mendiami kawasan sekitar *kuala yang berlumpur* telah pun mengerjakan perlombongan bijih timah secara kecil-kecilan dengan cara mendulang. Pendapatan lain mereka adalah menjual hasil hutan ke Kelang. Oleh kerana kawasan ini agak jauh dari ibu negara Selangor dan pola ini sesuai dengan kehidupan orang Melayu kampung. Kehadiran buruh asing yang ramai di Kuala Lumpur akibat industri perlombongan, secara tidak langsung menenggelamkan dan mematikan kegiatan mendulang masyarakat Melayu. Dengan itu, kegiatan ini didominasi oleh orang asing dan ini memberi kesan kepada proses urbanisasi orang Melayu.

Dengan keinginan untuk memencilkan orang Melayu pemerintahan kolonial British mendakwa bahawa pengasas Kuala Lumpur bukanlah dibangun oleh orang Melayu. Kenyataan ini sama sekali tidak berasas kerana dari awal lagi Kuala Lumpur telah diterokai dan didiami oleh orang Melayu. Ahli-ahli sejarah memperdebatkan isu bahawa Yap Ah Loy yang membuka Kuala Lumpur. Isu bahawa bandar dan urbanisasi adalah fenomena asing untuk orang Melayu turut diperdebatkan (Adnan Nawang, 1992, Nik Anwar Mahmud 1995, dan Mohd. Razali Agus, 1991).

Yap Ah Loy sebagai Kapitan Cina, adalah seorang penguasa lombong yang kaya dan telah menjadi ketua bagi komuniti pelombong Cina pada tahun 1868. Sebelum tahun tersebut sekitar kawasan ini telah pun didiami oleh orang Melayu. Kehadiran beliau

di Kuala Lumpur di sini bukanlah yang paling awal, hal ini dapat dibuktikan bahawa Yap Ah Loy pernah meminta tolong dari Sutan Puasa, seorang pedagang berketurunan Mandailing untuk menentang musuhnya Chong Chong dalam merebut kawasan bijih timah di Kuala Lumpur. Catatan sejarah hanya mengatakan bahawa Kapitan Cina Yap Ah Loy hanyalah tokoh yang membangun kembali Kuala Lumpur setelah kejadian kebakaran pada Januari 1881.

Pada tahun 1873, bandar kecil bernama *Kuala Sungai Lumpur* yang mana Sungai Gombak pada waktu itu dikenali sebagai *Sungai Lumpur* (Anderson, 1965:199), mengalami kerosakan akibat perang saudara di antara Raja Abdullah dengan Raja Mahadi. Pembangunan semula bandar ini telah melibatkan kemasukkan pelombong-pelombong baru dan dengan ini penduduk di sini semakin bertambah. Pertambahan pekerja lombong tersebut memerlukan makanan seperti beras yang mencukupi. Akibatnya Melayu di kawasan penempatan baru (Kampung Bahru) digalakkan untuk menanam padi.

Ahli-ahli sejarah yang menolak Yap Ah Loy sebagai pembuka Kuala Lumpur, berpendapat bahawa tokoh yang paling layak dipanggil pembuka Kuala Lumpur adalah Raja Abdullah. Beliau adalah pentadbir Kuala Lumpur yang paling berhasil pada tahun 1857. Raja Abdullah bersama dengan 87 orang Cina dari Lukut telah menyusuri Sungai Kelang. Rombongannya telah mendarat pada satu tempat di tebing sungai tersebut, tidak berapa jauh daripada persimpangan dengan Sungai Gombak. Perkembangan kegiatan perlombongan di kawasan inilah kemudiannya menjadikan semakin penting dan menarik ramai para pelombong Cina yang lain. Raja Abdullah juga mengajak Yap Ah Loy ke Kuala Lumpur.

Pada dasar pembuka, pengasas dan pentadbir Kuala Lumpur yang berhasil adalah Raja Abdullah dan bukannya Yap Ah Loy sebagaimana dikembar-kemburkan oleh penulis British dalam sejarah Kuala Lumpur.

Pada mulanya perkhidmatan kereta api, yang dibina oleh J. P. Roger, bermula pembinaan dari Kuala Lumpur ke Bukit Kuda dekat Pengkalan Batu (Kelang). Perkhidmatan ini bermula pada tahun 1886. Kuala Lumpur pada waktu itu pesat menjadi sebuah pusat pertanian. Pekebun Cina banyak terdapat di sini, kira-kira tiga batu dari Kuala Lumpur, namun terdapat juga pekebun kecil Melayu. Pada awal tahun 1880-an penduduk Melayu di Selangor tidak begitu ramai,

mereka berpindah semasa berlakunya perang saudara. Tetapi, program pelepasan cukai tanah ke atas pertanian selama tiga tahun, mulai Januari 1884 di kawasan-kawasan yang kekurangan penduduk mempunyai kesan bertambahnya penduduk Melayu dan sebanyak sedikitnya menguntungkan Kuala Lumpur.

Kemunculan Kuala Lumpur adalah berkait rapat dengan perkembangan kegiatan perlombongan yang melibatkan pekerja Cina. Para pengusaha lombong Melayu yang terdiri daripada pembesar negeri dan golongan bangsawan turut menggunakan buruh-buruh Cina. Keengganan mereka menggunakan buruh-buruh Melayu dengan sendirinya orang Melayu terpinggir bukan sahaja daripada kegiatan itu tetapi juga dari bandar. Akibatnya kehadiran orang Melayu di dalam pertumbuhan perusahaan ini adalah lebih berkait dengan pembekalan makanan seperti beras, ikan dan sebagainya, tetapi bukan sebagai pelombong.

Usaha sama di antara orang Melayu dengan orang Cina telah lama terjalin, hal ini dapat dibuktikan dengan perniagaan Sutan Puasa dengan rakan kongsinya Hiu Siew dan Ah Sze. Dalam kes perkongsian ini kedua-dua orang Cina tersebut telah berjaya dalam perniagaan tersebut sehingga Hiu Siew telah dilantik menjadi Kapitan Cina pertama di Kuala Lumpur. Perlantikan beliau telah disokong oleh Sutan Puasa dan dipersetujui oleh Raja Abdullah. Hiu Siew meninggal dunia pada tahun 1862 dan tempat beliau digantikan oleh Liau Ngim Kong yang memegang jawatan tersebut selama empat tahun sahaja. Yap Ah Loy telah menggantikannya setelah beliau meninggal pada tahun 1868.

Perjalanan sejarah di atas jelas menunjukkan bahawa Yap Ah Loy adalah tokoh yang muncul kemudian. Hakikatnya beliau adalah Kapitan Cina yang ketiga, hal ini membuktikan bahawa kehadiran tokoh ini adalah sesudah Kuala Lumpur wujud sebagai sebuah petempatan (Suleiman, 1999:51).

Secara sedar atau tidak, Kuala Lumpur telah menjadi sebuah ibu negeri yang masih muda, hubungan sosial yang lebih erat terjalin di antara orang-orang Eropah yang memiliki ladang kopi di lembah Setapak (dinamakan Estet Hawthornden, Estet Lincoln dan Estet Roslin) dengan orang tempatan.

Raja Laut dan Raja Mahmud (putera Sultan Muhammad) kerap bercampur gaul dengan komuniti Eropah. Yap Kwan Seng merupakan

Kapitan Cina yang terakhir dalam sejarah Kuala Lumpur. Beliau adalah orang yang sangat disukai di kalangan orang-orang Eropah kerana kekerapannya mengadakan jamuan makan malam yang mewah di rumahnya di High Street (sekarang Jalan Tun S. H. Lee). Golongan masyarakat bawahan pula mendapat hiburannya di pondok-pondok judi atau rumah pelacuran.

Kegiatan ekonomi yang paling penting ketika itu berlaku di sekitar Kuala Lumpur adalah lombong-lombong yang terletak di Sungai Putih dan Ulu Kelang selain daripada di Ampang. Terdapat jalan-jalan pedati yang baik dari Kuala Lumpur ke tempat-tempat ini. Di Petaling lebih kurang dua batu ke hilir sungai Kelang terdapat juga lombong-lombong yang berdekatan dengan sungai.

Tanaman tembakau mulai dikenalkan, tanaman ini diusahakan oleh orang Melayu berketurunan Minangkabau. Pada tahun-tahun kemudiannya orang Melayu menceburi beberapa bentuk pertanian yang lain. Pekerjaan utama kebanyakan orang Melayu ialah mengusahakan pengangkutan sungai antara Pengkalan Batu (Kelang) dan Kuala Lumpur melalui Damansara.)

Sejarah Kampung Bahru

Bancian penduduk pada tahun 1890 mendapati bahawa orang Melayu hanya merupakan 12 peratus sahaja daripada penduduk Kuala Lumpur. Hal ini disebabkan oleh dasar pemerintahan kolonial agar orang Melayu tidak terdedah kepada kemajuan bandar dan hanya patut terus terlibat dalam kegiatan pertanian di pinggir bandar.

Kebanyakan penduduk Kampung Bahru terutama di kalangan orang-orang tua, masih ingat bahawa sebahagian daripada penduduk awal kampung ini adalah mereka yang dipaksa berpindah daripada Kuala Lumpur oleh pihak kolonial daripada petempatan asal mereka dikenali sebagai Kampung Melaka, Kampung Rawa, dan Kampung Jawa. Kawasan kampung ini sekarang merupakan sekitar Jalan Melakahingga ke kawasan Pudu Raya. Mereka dipaksa berpindah ke kawasan Kampung Bahru sekarang, yang pada waktu itu masih dipenuhi paya dan semak samun.

Proses urbanisasi yang berlangsung semasa pemerintahan kolonial ini jelas mengenyepikan orang Melayu daripada menikmati faedah dan peluang yang berkaitan dengan kemajuan Kuala Lumpur. Tindakan pemerintahan kolonial telah mengurangkan bilangan orang Melayu di bandar Kuala Lumpur dan membantutkan pertumbuhan ekonomi mereka.

Pihak pemerintah kolonial British juga memindahkan orang

Melayu dari Kampung Rawa ke Kampung Bahru dengan niat agar orang Melayu terpinggir dari pusat kegiatan perkotaan.

Dasar pemerintahan kolonial British ialah agar orang Melayu di penempatan baru ini hanya terus terlibat dalam kegiatan pertanian sementara kegiatan lain seperti perlombongan dan perladangan adalah untuk orang bukan Melayu. Dasar ini merupakan idea pihak pentadbiran kolonial pada masa itu, khususnya Lembaga Kebersihan Kuala Lumpur, yang ingin supaya satu kawasan pertanian dibangunkan dan sekali gus menjadi tempat kediaman orang Melayu.

Pada tahun 1900 Lembaga Kebersihan ini telah memperuntukkan tanah seluas 220 ekar di pinggir bandar Kuala Lumpur untuk dijadikan petempatan orang Melayu. Petempatan ini dinamakan *Malay Agricultural Settlement* atau singkatannya MAS.

Pemerintahan kolonial British memindahkan orang Melayu yang pada mulanya tinggal di tengah-tengah kawasan Kuala Lumpur ke kawasan tanah terbiar yang keras dan semak samun untuk disuahkan menjadi kawasan pertanian. Kawasan ini kemudiannya dikenali sebagai Kampung Bahru.

Tindakan Lembaga Kebersihan di bawah arahan pemerintahan kolonial ini telah melahirkan Kampung Bahru di pinggir bandar Kuala Lumpur sebagai sebuah kawasan pertanian. Kawasan yang digezetkan oleh pemerintahan kolonial British sebagai MAS ini, pada sebenarnya, sudah pun didiami oleh sebilangan kecil orang Melayu sejak sebelum tahun 1890 lagi. Walaupun begitu, kawasan yang telah dibuka oleh orang Melayu di Kuala Lumpur adalah dengan kebenaran Sultan Suleiman yang ketika itu menjadi Sultan Selangor.

Perlu disebutkan bahawa sebenarnya Kuala Lumpur telah dibuka, sebagai sebuah kawasan perlombongan, oleh kumpulan yang dipimpin oleh Raja Abdullah bin Raja Jaafar yang ketika itu tinggal di Kelang. Hakikat ini pernah disebutkan oleh Gullick (1955; 1983; 1990) yang mencatatkan bahawa sekumpulan pedagang Melayu keturunan Rawa telah pun menjalankan perniagaan mereka di sekitar Jalan Tun Perak sekarang, dalam dekan 1890an.

Menurut catatan sejarah, kawasan yang diduduki oleh orang Melayu sebelum tahun 1890-an adalah tertumpu di sekitar kawasan pertemuan dua buah sungai: Sungai Kelang dan Sungai Gombak. Terdapat dua buah masjid yang dibena di sekitar kawasan Hong Kong Bank sekarang, dan terdapat sebuah lagi di kawasan Jalan

Melayu/Mesjid India. Kawasan ini merupakan dua perkampungan Melayu di tengah-tengah kota Kuala Lumpur ketika itu. Terdapat juga sebuah istana di kawasan Bukit Nanas. Hal ini memperlihatkan telah teguhnya petempatan awal masyarakat Melayu di Kuala Lumpur.

Pegawai-pegawai kolonial British yang terlibat dalam membangunkan Kuala Lumpur menumpukan perhatian ke bahagian Timurnya di mana mereka telah membariskan bangunan-bangunan penting seperti hospital, pejabat Pentadbiran Daerah, balai polis dan gereja, di samping Kelab Selangor yang sejak pembinaannya telah menjadi pusat pertemuan dan kegiatan sosial mereka. Pada waktu itu kegiatan ekonomi Kuala Lumpur dikuasai oleh Yap Ah Loy yang antara lain mempunyai ladang ubi kayu seluas 12,000 ekar dan menguasai kira-kira 67% daripada kawasan tanahnya, terutamanya di bahagian timur Sungai Kelang. Yap Ah Loy, sebagai Kapitan Cina yang ketiga, bukan sahaja menguasai tanah dan perumahan imigran Cina, bahkan juga menguasai sebahagian besar kegiatan ekonomi bandar termasuklah kegiatan-kegiatan pelacuran, perjudian dan perniagaan candu (Razali Agus, 1995:78).

Sungguhpun kawasan Kampung Bahru pada dasarnya ialah sebuah kawasan kegiatan pertanian, tetapi para pekerja Melayu dalam sektor awam dan swasta seperti mereka yang bekerja sebagai budak pejabat, buruh kasar dan pemandu kereta lembu juga dibenarkan tinggal di kawasan tersebut. Menjelang tahun 1904 telah terdapat seramai 196 kepala keluarga Melayu yang mempunyai hak milik tanah di kawasan ini. Untuk memperkukuhkan kawasan Kampung Bahru ini sebagai sebuah pemukiman Melayu, sesuai dengan polisi penjajah telah diadakan kursus-kursus pertanian, pertukangan dan kesenian kepada penghuninya. Tanaman utama yang dicadangkan adalah padi, namun demikian, usaha-usaha tersebut kurang mendapat sambutan. Bagi pihak penjajah, berhasil atau tidaknya kursus yang ditawarkan tidaklah begitu penting, kerana gagasan kolonial adalah untuk mengumpulkan orang Melayu pada suatu kawasan yang tidak mempunyai nilai komersial.

Oleh itu gagasan MAS atau Tanah Simpanan Melayu dilaksanakan sama ada di kawasan bandar ataupun luar bandar adalah untuk melicinkan usaha mengeksploitasi kekayaan bumi Melayu ini. Pihak kolonial juga membatasi hak orang Melayu di buminya sendiri

seperti halnya arahan yang dikeluarkan oleh Residen British di Selangor, Bloomfield Douglas (1876-1882), yang bermaksud bahawa tanah-tanah di sepanjang jalan kereta api tidak boleh diberikan kepada orang Melayu tanpa mendapat persetujuan Residen terlebih dahulu (Suleiman, 1999:74).

Kehadiran pemerintah kolonial British di Tanah Melayu telah mengakibatkan kerugian besar yang dialami oleh bangsa Melayu kerana dasar pemerintahan dan undang-undang yang dilaksanakan bukan sahaja membantutkan proses urbanisasi Melayu, malah merampas peluang orang Melayu untuk turut mengalami proses evolusi perkembangan bandar. Umpamanya, pada awal pembukaan dan perkembangan Kuala Lumpur, orang Melayu sudahpun menjadi sebahagian daripada penghuni bandar yang aktif kerana telahpun terlihat dengan kegiatan perniagaan dan perlombongan.

Pemerintahan kolonial British juga telah menciptakan citra bahawa orang Melayu hanyalah orang kampung yang hanya boleh bertani dan berkebun, dan hanya mahir dalam membuat kraftangan sahaja. Fakta ini diperkukuhkan dengan memperkenalkan pelbagai perkara baru dalam bidang pertanian seperti penggunaan kincir angin, pembinaan sistem pengairan, penggunaan baja, memberikan bantuan tertentu berkaitan dengan masalah pertanian, dan memberikan hadiah kepada petani yang didapati berprestasi baik. Malah, untuk mempertegas lagi dasar kolonial tersebut, orang Melayu Kampung Bahru yang enggan bertani dikenakan denda sebanyak RM100 (Hands, 1955).

Walaupun orang Melayu telah menjadi penghuni bandar Kuala Lumpur, mereka perlu ditempatkan dalam satu perkampungan khusus seperti Kampung Bahru. Mereka disekat untuk merebut peluang dan menyertai secara langsung segala kegiatan ekonomi bandaran. Sebaliknya, kegiatan ekonomi bandaran diberikan sepenuhnya kepada orang bukan Melayu yang akhirnya terus menguasai dan memonopolinya. Dasar pemerintahan kolonial dengan menempatkan orang Melayu di pinggir bandar seperti di petempatan Kampung Bahru (dahulu) secara langsung merugikan bangsa Melayu.

Pada peringkat awal, sub-etnik Melayu seperti Jawa dan Minangkabau tidak dibenarkan oleh pihak berkuasa menduduki kawasan kampung ini. Istilah *Malayan Race* adalah untuk orang

Melayu yang berasal daripada Tanah Melayu sahaja. Orang ini adalah mereka yang bertutur Bahasa Melayu dan beragama Islam. Istilah Melayu atau *Malayan Race*, itu hanya ditukar pada tahun 1935. Selepas tahun tersebut sahaja sub-etnik Melayu di atas dibenarkan tinggal di Kampung Bahru. Malah kemudiannya, pemerintah kolonial menggalakkan orang Melayu dari kawasan lain, seperti dari Kampung Jawa, berpindah ke kawasan ini (Suleiman, 1999:77).

Daerah ini sebagai sebuah kawasan pertanian, juga merupakan pembekal tenaga kerja bagi pekerja peringkat bawahan seperti pemandu, tukang sapu, budak pejabat dan peon. Pekerjaan makan gaji ini, meskipun hanyalah pada peringkat rendah, memberi pendapatan yang lebih baik daripada pulangan yang diperolehi melalui kegiatan pertanian. Dengan kata lain Kampung Bahru ini, di samping menjadi tempat tinggal para petani Melayu, juga menjadi kawasan kediaman para pekerja kerajaan peringkat rendah. Pekerja-pekerja yang memperolehi gaji yang kecil ini, tidak mampu tinggal di kawasan pusat bandar. Kampung Bahru yang berhampiran dengan pusat bandar ini memang menjadi tempat tinggal yang bersesuaian dengan golongan ini. Dari sudut ini, sekali lagi orang Melayu dinyahkan daripada kehidupan bandar, meskipun mereka adalah para pekerja dalam kawasan bandar.

Pada peringkat awal penubuhan kampung ini, sebagaimana juga sejarah awal Kuala Lumpur, kemudahan perumahan dan prasarananya tidaklah teratur dan memuaskan. Sehingga tahun 1906, jalan-jalan di Kampung Bahru hanyalah merupakan jalan tanah merah, dan bangunan yang diperbuat daripada batubata terlalu sedikit bilangannya. Keadaan ini sesuai dengan tujuan asal pembentukannya iaitu untuk sebagai sebuah kawasan perkampungan pertanian. Sebagai sebuah perkampungan pertanian, sawah dan paya adalah antara ciri lanskap Kampung Bahru yang ketara ketika itu. Walau bagaimana pun kegiatan pertaniannya tidaklah berkembang seperti yang dirancangan oleh pemerintahan kolonial British. Penduduk Melayu di sini lebih berminat bergiat dalam sektor bukan pertanian bersesuaian dengan kedudukannya bersebelahan pusat bandar. Tambahan lagi, orang Melayu yang tinggal di Kampung Bahru ketika itu kebanyakannya adalah keturunan golongan masyarakat pedagang, terutamanya orang Minangkabau dan orang Mandailing.

Sungguhpun Kampung Bahru mempunyai lembaga pentadbiran

sendiri, tetapi kegiatan lembaga ini tidaklah melibatkan orang kampung biasa. Penghuni kampung ini tidak diberi kesempatan untuk turut bersuara, apatah lagi campur tangan, dalam urusan pentadbiran kampung. Lembaga yang mentadbir Kampung Bahru lebih merupakan satu jabatan yang berada di bawah arahan Residen Selangor.

Pada 23 November 1900, dua orang pegawai yang telah dilantik menjadi ahli jawatankuasa Lembaga Pentadbiran telah melaporkan bahawa mereka telah membina sebatang jalan masuk ke kawasan *Malay Agricultural Settlement* ini sejauh tiga batu suku dengan harga empat ratus ringgit. Ekoran daripada langkah tersebut, pihak Lembaga Pentadbiran telah mengambil langkah untuk mempercepat lagi pembinaan jalan di kawasan tersebut. Kerja sama dari Jawatan Ukur juga telah didapatkan untuk merangkakan palan-pelan jalan-jalan ke lot-lot rumah. Sementara itu pula, Robson telah diarahkan untuk membina sebatang jalan tanah merah yang menghubungkan Kampung Paya dengan kawasan perkuburan orang Islam berhampiran dengan Kampung Khatib Koyan. Sebuah jambatan kayu juga telah dibina bagi menghubungkan kedua kampung tersebut dengan harga tiga ratus ringgit.

Pada awal tahun 1901, Lembaga Pentadbiran mendapati bahawa sistem pembekalan air yang ada pada masa itu adalah tidak memuaskan dan ia tidak dapat memenuhi keperluan masyarakat tempatan. Oleh yang demikian Lembaga Pentadbiran telah mengarahkan penggalian dua buah perigi. Masalah yang dihadapi oleh Lembaga Pentadbiran mulai timbul apabila tanggung jawab yang dipikul olehnya semakin bertambah dari masa ke semasa. Untuk mengatasi masalah ketidacukupan tenaga kerja maka pihak Lembaga Pentadbiran telah mengambil anak-anak tempatan sebagai kerani dan budak pejabat.

Pihak Lembaga Pentadbiran telah mencadangkan untuk melaburkan wang tabung yang ada ketika itu dalam industri-industri yang tertentu agar lebih banyak keuntungan boleh didapati. Industri yang dimaksudkan ialah pertukangan alat tembaga, perak, penghasilan barang-barang tenunan, rotan dan anyaman. Untuk melicinkan lagi jentera pentadbirannya, Lembaga Pentadbiran telah mendesak kerajaan negeri agar seorang Naib Pengerusi dilantik memandangkan kerja-kerja pentadbiran yang semakin berat.

Setiausaha Kehormat dari lembaga ini, Partt. mengakui bahawa tidak semua pegawai British tidak berminat dan bersungguh-sungguh hendak membangun kawasan ini walaupun mereka berpendapat ia tidak akan mendatangkan sebarang keuntungan, malah, mereka sendiri tidak akan banyak mendapat faedah daripadanya. Keadaan ini begitu ketara kelihatannya apabila satu pertengkaran besar berlaku antara ahli jawatankuasa pentadbiran dan jentera pentadbiran kerana menuduh kelemahan satu sama lain setelah kedua-dua pihak sering mendapat kritikan daripada penduduk tempatan. Peristiwa ini berlaku pada 5 November 1902. Keadaan bertambah buruk apabila semua pihak yang terlibat tidak mahu berkompromi, sehinggakan satu Jawatankuasa Khas terpaksa dibentuk untuk menjadi orang tengah bagi memperbaiki keadaan.

Pada 12 Januari 1903 satu mesyuarat telah diadakan semula setelah keadaan menjadi tenang di mana tangga gaji kaki tangan Lembaga Pentadbiran telah diperbaiki dan beberapa kaki tangan baru juga telah diambil. Di samping itu, seorang jurutera eksekutif juga telah dilantik sebagai salah seorang anggota Lembaga Pentadbiran. Kuasa penuh juga telah diberikan kepada Setiausaha Kehormat untuk bertindak semasa ketiadaan pengurus. Pada tahun 1903 ahli jawatankuasa Lembaga Pentadbiran telah bercadang untuk membentuk sebuah pasukan pancaragam yang dianggotai oleh belia-belia kampung sebagai suatu aktiviti sosial dengan biaya sebanyak 700 ringgit (Ghazali Hamid, 1983:6).

Pada 5 hingga 15 September 1906 Baginda Sultan Selangor telah mengadakan lawatan rasmi ke kawasan Kampung Bahru. Raja Mahmud sebagai salah seorang ahli jawatankuasa Lembaga Pentadbiran telah menyarankan agar lampu jalan dipasang segera kerana memandangkan kawasan tersebut terlalu gelap. Beliau mencadangkan supaya lampu-lampu dijaga oleh penghuni kampung ini sendiri. Lampu jalan ini amat diperlukan memandangkan perbuatan pencurian yang sering berlaku. Jalan-jalan yang harus diberi keutamaan adalah Jalan Hale (Jalan Raja Abdullah sekarang) dan Jalan Raja Muda kerana inilah jalan masuk ke Kampung Baru. Oleh itu, pada tahun 1907, telah diperuntukkan wang sebanyak 2.000 ringgit untuk pemasangan lampu jalan tersebut. Penghujung tahun itu satu undang-undang baru telah diluluskan di mana penghuni-penghuni yang mengerjakan tanah yang bukan miliknya

akan dikenakan denda. Satu peringatan bertulis juga telah dikeluarkan oleh Lembaga Pentadbiran kepada ceti-ceti sebagai pemberitahuan bahawa mereka tidak boleh mengambilalih kuasa ke atas tanah yang telah digadaikan kepada mereka kerana seksyen 252 (c) Civil Penal Code menghalang mana-mana tanah di kawasan Kampung Bahru terikat dengan sebarang jenis penggadaian.

Pada bulan November 1914 Lembaga Pentadbiran telah merayu kepada kerajaan Negeri Selangor untuk membina saluran longkang memandangkan kejadian tanah runtuh yang boleh membahayakan penduduk tempatan.

Pada penghujung tahun 1927 lampu jalan mula dipasang di Princess Road (Jalan Raja Muda sekarang). Rumah-rumah juga mulai dinomborkan mengikut nombor lot masing-masing. Suatu sistem cukai dan sistem saluran tandas yang baru, cara pembuangan sampah yang lebih kemas dan teratur juga telah diperkenalkan juga. Terdapat cadangan oleh masyarakat tempatan agar mereka dikecualikan daripada membayar cukai rumah. Hal ini tidak dipersetujui oleh pihak British kerana hal tersebut akan merugikan mereka.

Menjelang bulan September 1928 kampung ini mempunyai penghuni seramai 2,600 orang yang mendiami 544 buah rumah. Pada Julai 1929 satu undang-undang telah dikeluarkan di mana sebarang minuman keras tidak dibenarkan dibawa masuk atau dijual di kawasan tersebut. Undang-undang ini telah diluluskan oleh Yang Mulia Raja Muda Selangor. Pada tahun itu juga ahli jawatankuasa Lembaga Pentadbiran yang baru telah dilantik yang terdiri daripada:

1. Yang Mulia Raja Muda, sebagai Presiden atau Pengerusi
2. Yang Mulia Raja Uda, sebagai Naib Pengerusi
3. Merss. E. L. Watson, sebagai Setiausaha Kehormat, dan
4. Lima orang anak tempatan sebagai Ahli Jawatankuasa Lembaga Pentadbiran

Pada tahun 1933 pihak Lembaga Pentadbiran mendapati kebersihan di kawasan ini tidak terjaga oleh penduduk, maka pada masa yang telah ditentukan sebuah Ahli Jawatankuasa Lembaga Kebersihan telah membuat pemeriksaan mengejut ke atas penduduk tempatan. Ramai penghuni telah diberi amaran keras berkaitan

dengan penjagaan kebersihan. Dengan kuasa yang ada pada Raja Muda, beliau telah membatalkan sementara cukai pintu yang patut dikenakan ke atas penghuni-penghuni kawasan tersebut. Hal ini disokong oleh John Hands.

Pada 24 September 1934 sebuah badan perwakilan bagi pihak Ahli Jawatankuasa Lembaga Pentadbiran telah dihantar menemui Residen British berkaitan dengan masalah petempatan di kawasan ini. Di antara hal yang diperbincangkan ialah mengenai cukai pintu dan tandas. Tiga rang undang-undang telah diluluskan pada waktu itu, antaranya:

- a. Melarang menyewakan rumah tanpa kebenaran Lembaga Pentadbiran
- b. Kaki tangan awam yang bukan Melayu dilarang mendiami kawasan ini
- c. Pemiakan ternakan tanpa kebenaran adalah diharamkan.

Dengan adanya suatu sistem pentadbiran yang kemas dan teratur ini maka proses pembangunan kawasan tersebut telah dapat dijalankan dengan licin. Sepanjang berjalannya projek pembangunan ini tidak dapat dinafikan bermacam masalah yang dihadapi oleh Lembaga Pentadbiran, tetapi tidak pula membantutkan usaha mereka untuk mempertingkatkan taraf hidup masyarakat kampung tersebut.

Pada tahun 1941 Ahli Jawatankuasa Lembaga Pentadbiran telah memilih Pengerusi baru dengan keanggotaannya sebagai berikut:

1. Yang Teramat Mulia Raja Bendahara Selangor, sebagai Presiden atau Pengerusi
2. Yang Amat Mulia Raja Uda, sebagai Naib Pengerusi
3. Messrs. John Hands, sebagai Setiausaha Kehormat
4. Encik Abdul Malik, sebagai Pegawai Kewangan Tanah
5. Ahli Jawatankuasa Kecil:
 - Encik Mahmud bin Haji Abdul Rahman
 - Dr. J. Counts
 - Encik Ahmad bin Haji Muhammad
 - Encik Abu Hasan bin Ne'mat.

Pada 11 Mac 1900 Lembaga Pentadbiran *Malay Agricultural*

Settlement telah mengadakan mesyuarat yang pertama. Mesyuarat itu dihadiri oleh Yang Mulia Raja Muda Selangor serta pegawai-pegawai Inggeris seperti Campbell, Robson, dan Hale. Pihak Inggeris yang diwakili oleh Campbell menyarankan agar sebuah kawasan permainan dan beberapa rumah kerajaan dibina di kawasan ini. Hale menyokong saranan ini dan beliau sanggup membawa seorang tukang kayu dan seorang tukang ukir dari Rembau, Negeri Sembilan dan mencadangkan agar mereka diupah untuk menjalankan kerja pembinaan tersebut. Pihak Ahli Jawatankuasa Lembaga Pentadbiran sebulat suara bersetuju dengan cadangan tersebut.

Pada peringkat awal dalam undang-undang kerajaan istilah *menumpang* telah digunakan ke atas mereka yang mendiami kawasan ini. Hal tersebut menimbulkan perasaan kurang senang di kalangan masyarakat tempatan. Mereka telah meminta jasa baik dari Yang Mulia Raja Muda agar istilah yang lebih sesuai digunakan.

Pada bulan Januari 1902 dua lagi ahli Ahli Jawatankuasa Lembaga Pentadbiran telah dilantik untuk memudahkan serta mempercepatkan lagi usaha-usaha pembinaan rumah kediaman di kawasan ini. Mereka terdiri daripada R. G. Watson dan Dr. Hamilton Wright. Pada waktu yang sama Pesuruhjaya Tinggi British telah bersetuju bahawa istilah *menumpang* pada penghuni kawasan ini telah dimansuhkan dan sebaliknya pula istilah *duduk di* telah digunakan. Manakala Yang Amat Mulia Raja Muda yang begitu kerap mengunjungi kawasan ini telah membina sebuah rumah persinggahannya pada bulan Oktober 1904.

Kawasan petempatan ini dikemaskinikan dalam keadaan yang lebih bersistematik dan tersusun. Jabatan Perancangan Bandar telah mengemukakan pelan kawasan petempatan tersebut pada Disember 1929. Jabatan tersebut mengesyorkan agar rumah-rumah yang hendak dibina di jalan penting hendaklah diluluskan oleh sebuah badan khas yang berada di bawah pengawasan Naib Pengerusi dan Setiausaha Kehormat Lembaga Pentadbiran.

Memandangkan pembinaan rumah-rumah semakin lancar, maka suatu rang undang-undang telah disyorkan mengenai cukai pintu ke atas mereka yang membina rumah di kawasan tersebut. Rang undang-undang itu kemudiannya telah diluluskan oleh Residen British.

Agama

Kegiatan keagamaan di Kampung Bahru, yang penduduknya adalah orang Melayu beragama Islam, merupakan kegiatan yang sangat penting. Sikap penduduk Kampung Bahru suatu ketika dulu ternyata amat menitik beratkan hal-hal yang berhubungkait dengan agama. Hal ini disebabkan hakikat bahawa kebanyakan mereka yang tinggal di Kampung Bahru menerima pendidikan agama yang kukuh. Mesjid bagi orang Kampung Bahru bukan hanya berfungsi sebagai tempat beribadah, tetapi juga digunakan sebagai tempat mengadakan perjumpaan rasmi dan tempat perbincangan. Di sinilah bermulanya perpaduan masyarakat Melayu Kampung Bahru. Segala aktiviti yang berkaitan dengan keagamaan akan melibatkan keseluruhan anggota masyarakat.

Pada awal tahun 1901 Lembaga Pentadbiran Kampung Bahru telah meminta kebenaran Residen Jenderal Inggeris untuk membina sebuah mesjid berhampiran dengan Kelab Sultan Sulaiman dengan kos pembinaan sebanyak 1,000 ringgit. Untuk mempercepatkan pelaksanaan pembinaannya, Yang Mulia Raja Muda Selangor berjanji akan membuat kutipan derma sebanyak 200 ringgit dari masyarakat tempatan. Pada bulan Oktober tahun yang sama Yang Mulia Sultan Selangor telah berkenan menderma wang sebanyak 100 ringgit.

Sistem kontrak juga telah diubah oleh Lembaga Pentadbiran untuk membenarkan pekerja-pekerja bukan Melayu membina mesjid tersebut. Pekerjaan pembinaan kemudiannya terhenti kerana kos pembinaan telah bertambah. Setiausaha Kehormat Lembaga Pentadbiran Kampung Bahru telah menyarankan kepada pihak kerajaan agar projek tersebut dibatalkan sahaja memandangkan bahawa menjelang pertengahan tahun 1903 wang yang terkumpul hanya berjumlah 449.50 ringgit sahaja. Walau bagaimanapun, bagi meneruskan niat baik ini, Ahli Jawatankuasa mesjid yang dilantik telah bekerja sama dengan anak tempatan dengan mengadakan usaha jualan tertentu, seperti alat-alat besi, dan keuntungannya dimasukkan ke dalam tabung mesjid.

Sementara itu pula pihak Lembaga Pentadbiran telah mencadangkan suatu kawasan untuk dijadikan kawasan pekuburan orang-orang Islam. Pada awal tahun 1908 seorang imam telah dilantik dengan gajinya sebanyak 12 ringgit sebulan. Pada tahun 1941 gajinya

baru dinaikkan sebanyak 20 ringgit. Sebuah rumah untuk imam juga telah dibina pada tahun 1911. Pada tahun 1933 Ahli Jawatankuasa mesjid juga mencadangkan agar sebuah kedai runcit dibuka untuk menambah pendapatan mesjid. Cadangan ini tidak mendapat restu dari pihak ahli jawatankuasa dengan alasan bahawa usaha ini tidak munasabah.

Pada tahun 1934 sebuah jambatan yang menyambungkan kawasan tanah pekuburan orang Islam berhampiran dengan Loke Yew Estet (Jalan Ampang sekarang) dengan Kampung Bahru telah dibina dengan perbelanjaan sebesar 500 ringgit.

Mesjid Kampung Bahru pada waktu itu adalah mesjid lama yang mengikut dipadankan daripada rekabentuk mesjid Melaka. Pada tahun 1958, iaitu setelah Tanah Melayu mencapai kemerdekaannya, pembinaan mesjid tersebut bermula di tapaknya yang lama. Kerajaan Negeri Selangor telah menyumbangkan wang sebanyak 70,000 ringgit untuk menjayakan binaan ini. Di samping itu Tunku Abdul Rahman Putera Alhaj banyak membantu dalam menjayakan projek pembangunan mesjid ini, kerana beliau sering menunaikan sembahyang di sini sebelum mesjid negara dibina.

Barang-barang yang diperlukan oleh mesjid tersebut telah diperolehi menerusi sumbangan derma. Allahyarham Tun Abdul Razak dan Allahyarham Tan Sri Omar Ong Yoke Lin pernah mendermakan permaidani untuk kegunaan mesjid tersebut. Terdapat juga penglibatan golongan cendekiawan Melayu telah membantu dalam proses pembinaan mesjid Jamek Kampung Bahru yang telah berjaya dibina kos sebanyak 214,000 ringgit.

Mesjid ini sering dikunjungi oleh ramai ulama terkenal yang datang mengajar atau memberi syarahan seperti Hamka, Anwar Musaddad, Tuan Imam Rasul, Tuan Guru Syeh Mat Salleh, Tuan Haji Khaled dan Tuan Haji Zainuddin.

Selain berfungsi sebagai tempat beribadah, mesjid Kampung Bahru pernah menjadi tempat perlindungan serta benteng pertahanan bagi orang Melayu ketika tercetusnya peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Ketiaka berlakunya peristiwa itu semua penduduk kampung khususnya yang tinggal berhampiran Jalan Chow Kit telah diarahkan oleh pihak keselamatan agar berpindah atau berkumpul untuk sementara waktu di mesjid tersebut sehingga keadaan pulih seperti biasa.

Mesjid Kampung Bahru ini juga mempunyai beberapa cerita yang istimewa. Pada tahun 1983, Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang DiPertuan Agong telah berangkat datang untuk menyambut hari keputeraannya di mesjid ini dengan mengadakan majlis kenduri. Menjelang tahun 1983 mesjid ini pula telah diubahsuai sebanyak tiga kali untuk diperbesar agar dapat memuatkan jemaah yang semakin ramai kerana mesjid ini terletak di pusat petempatan dan kegiatan masyarakat Melayu di Kuala Lumpur.

Pendidikan

Sebelum kedatangan orang Inggeris ke Tanah Melayu, masyarakat tempatan telah pun mempunyai sistem pendidikan mereka tersendiri. Sistem pendidikan tersebut lebih bercorak informal di mana banyak unsur agama dalam pembentukan akhlak dan moral penuntut-penuntut bumiputera deselitkan dalam kandungan pengajarannya.

Sekolah Melayu yang pertama yang didirikan di Selangor terletak di Kelang, iaitu pada tahun 1875. Selain itu, pernah diceritakan bahawa Sultan Abdul Samad telah mendirikan sebuah sekolah Melayu di Bandar Termasa (Langat) dengan wangnya sendiri. Dalam bulan Disember 1875 itu Jawatan Penolong Residen Selangor yang telah dikosongkan oleh Frank Swettenham sejak awal tahun 1875 itu baru saja dipenuhi oleh seorang pegawai Inggeris bernama Kapten Bloomfield Dougles, dan beliau tinggal di Langat (Buyung Adil, 1981:140).

Setelah kedatangan orang-orang Barat, keadaan pendidikan ini mula mengalami perubahan apabila pihak mubaligh Inggeris mula memperkenalkan sistem pendidikan yang baru. Penduduk Kampung Bahru tidak terlepas daripada sistem pendidikan yang baru ini. Sistem pendidikan ini mula dirasakan pada September 1900 apabila pihak Inggeris mula melantik tenaga pengajar dalam bidang pengukiran kayu, pertukangan perak, dan besi berdasarkan surat perjanjian mengikut jangka masa yang ditentukan. Pihak Lembaga Pentadbiran yang dilantik untuk mengambil keputusan dalam membina sebuah asrama bagi murid-murid perempuan yang berharga 1,000 ringgit. Pada bulan Januari 1901 Bennett Shaw, seorang daripada ahli Lembaga Pentadbiran, telah mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Selangor untuk membina sekolah *vernakular* untuk anak tempatan

di kampung ini. Beliau berpendapat bahawa Sekolah Perempuan yang ada ketika itu amat sesuai dijadikan sebuah sekolah vernakular. Beliau juga mendesak kerajaan negeri agar diadakan sebuah kawasan khas bagi penempatan pelajar-pelajar tersebut.

Di samping itu juga beliau mencadangkan agar pendidikan teknikal diberikan perhatian yang serius. Dengan itu beberapa orang pelajar telah dipilih dan telah ditempatkan di bawah latihan seorang pakar seni ukir kayu dan seorang tukang perak. Kedua orang jurulatih tersebut telah dibayar gaji sebanyak 9 ringgit sebulan. Untuk menambah lagi pelajaran dalam bidang teknikal yang sedia ada maka dua orang lagi jurulatih telah diambil. Mereka terdiri daripada seorang tukang jahit dan seorang tukang pembuat perabot rotan.

Sekolah vernakular tersebut telah beroperasi dengan lancar. Terdapat seramai 30 orang pelajar dan gaji sepenuh masa dibayar kepada semua tenaga pengajar. Masalah mula timbul apabila ada permintaan agar anak-anak Cina dan India yang beragama Islam dibenarkan menuntut di sekolah tersebut. Hal ini tidak dapat dilaksanakan kerana di dalam perundangan MAS terdapat perkara yang menyatakan bahawa hanya anak-anak Melayu sejati sahaja yang dibenarkan belajar disekolah tersebut.

Pendidikan teknikal telah mendapat perhatian yang serius daripada pihak berkuasa. Kerajaan negeri telah mencadangkan agar semua kanak-kanak lelaki yang berumur antara 5 hingga 15 tahun diberi pendidikan dalam bidang tersebut, setidak-tidaknya satu atau dua jam sehari, mengikut jadual khas. Di samping itu, pendidikan dalam bidang tenunan dan anyaman juga diberikan. Masalah mula kelihatan apabila pembinaan Sekolah Perempuan yang sepatutnya telah lama siap itu tergendala kerana masalah ekonomi.

Pihak Lembaga Pentadbiran telah menghadapi masalah tambahan apabila sambutan yang diberikan oleh penduduk tempatan menjadi semakin dingin, kerana tidak ramai yang mahu mengantar anak-anak mereka ke sekolah tersebut. Ini ialah kerana mereka bimbang bahawa anak mereka akan diserapi pengaruh budaya dan agama Kristian. Selain itu, mereka lebih suka menghantar anak masing-masing ke sekolah pendidikan agama. Tambahan pula, dengan belajar di sekolah vernakular, anak-anak mereka tidak mempunyai masa untuk membantu dalam usaha penghasilan sumber pendapatan keluarga setiap hari.

Lembaga Pentadbiran meminta Raja Mahmud untuk mempengaruhi masyarakat tempatan agar terus menghantar anak mereka ke sekolah seperti sediakala. Untuk melicinkan jentera pentadbiran, seorang kerani telah dilantik di Pejabat Pelajaran dengan gaji 10 ringgit sebulan. Kesan ini dapat dilihat pada tahun 1930-an apabila sebuah sekolah kanak-kanak lelaki telah dibina di Princess Road (Jalan Raja Muda) pada bulan Ogos 1937.

Walaupun konsep sekolah vernakular telah wujud di Kampung Bahru, namun pendidikan agama ternyata tidak diabaikan. Sebuah sekolah agama rakyat telah dibina pada tahun 1950-an bagi memastikan setiap kanak-kanak lelaki dan perempuan mendapat pendidikan asas agama sebelum mereka dibenarkan menceburi diri dalam pendidikan formal. Sistem pendidikan telah diperbaiki dari semasa ke semasa secara berperingkat-peringkat untuk memudahkan penyerapannya serta penerimaan masyarakat tempatan.

Di Kampung Bahru juga dibina 5 buah rumah untuk guru-guru Melayu seperti bentuk rumah orang Melayu Rembau. Hal ini telah berkembang kerana tidak lama selepas itu tidak kurang daripada empat buah sekolah rasmi telah dibangunkan di kawasan ini. Di antaranya ialah Sekolah Rendah di Jalan Raja Muda, Sekolah Rendah Perempuan Kampung Bahru, Sekolah Menengah Perempuan Kampung Bahru (sekarang Jalan Sultan Sulaiman) dan sebuah Sekolah Agama Rakyat yang berhampiran dengan Pasar Minggu. Selanjutnya, telah wujud juga institusi-institusi pengajian persendirian di kawasan tersebut, termasuklah Institut Ibnu Sina.

Melalui sistem pendidikan yang lebih baik, penuntut-penuntut Melayu yang mula menerima pendidikan di Victoria Institution dan guru-gurunya, berpeluang tinggal di rumah berbentuk bangunan rumah Melayu yang pemeliharaannya dibayar oleh Lembaga Pentadbiran.

Perumahan

Dalam kajian tentang gaya hidup masyarakat Melayu di Kuala Lumpur, Dr. Nordin Selat telah memperlihatkan bahawa rumah adalah penting sebagai penentu kepada gaya hidup seseorang. Beliau mendefinisikan bahawa rumah adalah *duniaku* (Nordin Selat, 1976: 217). Definasi ini menunjukkan bahawa seseorang selalunya

memberi perhatian kepada rumah, ringkasnya rumah adalah satu-satunya petunjuk fizikal mengenai gaya hidup seseorang.

Kajian Dato' Dr. Suleiman Mohamed menunjukkan bahawa rumah pangsa merupakan bentuk rumah yang paling besar bilangannya di Kampung Bahru. Terdapat seramai 27% penghuni Kampung Baru yang tinggal di rumah pangsa, sementara 23% mendiami rumah kampung, 23% menduduki rumah teres setingkat, 12% tinggal di rumah berkembar, 9% tinggal di rumah jenis banglow, dan 6% tinggal di rumah teres dua tingkat (Suleiman, 1999: 177).

Kampung Bahru sebagai sebuah kampung tradisional dan juga sebagai sebuah kawasan petempatan orang Melayu telah dipecah-pecahkan mengikut daerah/asal-usul yang diberi namanya oleh Ahli Jawatankuasa yang dilantik bagi mentadbir kawasan tersebut. Kampung Bahru secara tradisional terbahagi kepada sembilan pemukiman seperti: Kampung Pindah, Kampung Paya Hanyut, Kampung Periuk A (Luar), Kampung Periuk B (dalam), Kampung Bahru Mesjid, Kampung Bahru Atas A, Kampung Bahru Atas B, Kampung Bahru Atas C, dan Kampung Ujung Pasir.

Pentadbiran Kampung Bahru ini pernah terganggu akibat teretusnya Perang Dunia Kedua. Pentadbir-pentadbir Inggeris seperti John Hands dan Watson telah melarikan diri akibat buruan tentera Jepun yang telah datang ke Kuala Lumpur. Terdapat anak-anak Melayu tempatan dilantik di dalam Lembaga Kebersihan atau The Sanitary Board. Namun begitu, tidak terdapat gangguan semasa pendudukan Jepun di Kuala Lumpur. Oleh itu, setelah tamatnya Perang Dunia Kedua, orang-orang Cina dari Pasukan Bintang Tiga telah mengambil kesempatan untuk memerintah Kampung Bahru. Peristiwa tersebut berlaku pada tahun 1945 di waktu pertukaran pemerintahan antara Jepun dengan Inggeris di mana Bendera Bintang Tiga dinaikkan di Kampung Bahru.

Setelah kemerdekaan tercapai pada tahun 1957, perubahan pesat telah dialami oleh Kampung Bahru. Pihak kerajaan cuba mengadakan pelbagai projek raksasa bagi membangunkan Kampung Bahru sebagai sebuah kawasan Melayu moden. Namun, sehingga kini, projek pembangunan untuk Kampung Bahru lebih banyak dilaksanakan secara berperingkat-peringkat.

Akhbar *The New Strait Time* bertarikh 23 September 1966 pernah melaporkan bahawa Kerajaan Negeri Selangor melantik lima orang

Ahli Jawatankuasa untuk memenuhi keinginan masyarakat Kampung Bahru supaya kampung Melayu tersebut dibangunkan secara besar-besaran, malah boleh menjadi sebuah perkampungan moden Melayu yang terbesar di Kual Lumpur. Jawatankuasa ini diketuai oleh pembantu kepada Setiausaha Kerajaan Negeri, Raja Syah Kobat, dengan dianggotai oleh Penasihat Undang-Undang Kerajaan Negeri Selangor, wakil Speaker Dewan Undangan Kerajaan Negeri, dan Haji Hamzah Alam seorang wakil rakyat. Tujuan Kerajaan Negeri ialah untuk mengubah keadaan Kampung Bahru dengan cara mendaftarkan semula dan memberikan hak milik serta gran tanah dalam petempatan tersebut yang sebelum ini diuruskan di bawah tanggung jawab Lembaga Pentadbiran Kampung Bahru.

Akhbar *Berita Harian* pada 20 Mac 1971 menerbitkan sebuah berita yang bertajuk, "Kerajaan Diseru Ambil Alih Tadbiran Kampung Bahru", dan akhbar *Utusan Malaysia* pula, pada 15 Jun 1972 telah menyiarkan berita yang bertajuk, "Pentadbir Jawatankuasa Kampung Bahru Digesa Kaji Semula". Akhbar *Utusan Malaysia* juga, pada 30 Jun 1972, menyiarkan berita yang bertajuk, "Datuk Harun Mahu Kampung Bahru Berubah Beransur-ansur." Tajuk berita lain yang pernah disiarkan termasuklah: "Kampung Bahru Tidak Akan Jadi Hutan Batubata". Selanjutnya, pada 30 Ogos 1977, *Utusan Malaysia* menyiarkan berita yang bertajuk, "Pelan Induk Kawasan Kampung Bahru".

Berita-berita akhbar ini menunjukkan bahawa pelbagai pihak telah turut serta memikirkan cara untuk memajukan Kampung Bahru hinggalah Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dr. Mahathir Mohamed, dalam ucapan penggulungannya di Perhimpunan Agung UMNO di PTC pada 7 September 1998, mengatakan bahawa memajukan bangsa adalah matalamat pembangunan Kampung Bahru yang sebenar dan orang Melayu harus menjadi tuan di negaranya sendiri.

Ekonomi dan Pertanian

Sejak awal penubuhannya pada tahun 1900, dapat dikatakan bahawa sumber mata pencarian masyarakat Melayu di Kampung Bahru bergantung kepada hasil pertanian secara kecil-kecilan. Hasil pertanian yang diusahakan oleh masyarakat Melayu adalah untuk

dijual pada masyarakat bandar, khususnya masyarakat Cina yang melombong bijih timah. Hasil tanaman ini tidak mencukupi untuk keperluan masyarakat Kuala Lumpur dan sekitarnya.

Dalam laporan Residen British pada tahun 1885 disebutkan bahawa masyarakat Melayu dan Jawa telah memulakan pembukaan ladang-ladang kecil untuk tanaman kopi, tembakau, lada hitam dan gambir. Sebagai tanaman sampingan, mereka menanam pisang, jagung, tebu, dan padi. Kebanyakan dari mereka ini terlibat dalam kerja-kerja pembalakan yang digunakan untuk tujuan perumahan dan pembinaan bangunan, sebagai bantalan kereta api, sebagai kayu bakar untuk kilang batu bata, dan bahan bakar untuk jentera melombong bijih timah (Gullick, 1988:61).

Pada tahun 1901, Lembaga Pentadbiran telah mengambil keputusan bahawa sebanyak 60 buah alat penetas telur diletakkan di bawah jagaan Raja Mahmud, iaitu salah seorang Ahli Jawatankuasa *Malay Agricultural Settlement*. Ini bertujuan untuk memulakan usaha menternak ayam di Kampung Bahru. Di samping itu, sebagai satu langkah galakan pertanian, Pesuruhjaya Tinggi British mengenakan bayaran denda satu ringgit ke atas penghuni yang masih belum memulakan sebarang tanaman di tanah milik mereka. Undang-undang baru ini telah dikuatkuasakan pada bulan Ogos 1901.

Ahli Jawatankuasa Lembaga Pentadbiran telah mencadangkan agar kawasan seluas 4 ekar diperuntukkan untuk projek penanaman padi. Di tempat tersebut juga akan disediakan 4 jentera pengairan bagi pengairan tanah sawah. Pihak Lembaga Pentadbiran benar-benar menggalakkan masyarakat setempat terlibat dalam bidang pertanian, malah, menggalakkan mereka mengerjakan tanah yang telah diperuntukkan sepenuhnya. Pihak Lembaga Pentadbiran telah mengadakan pertandingan pertanian di mana hadiah akan diberikan kepada penduduk yang dapat menghasilkan tanaman paling baik dan paling banyak. Hadiah ini adalah dalam bentuk wang ringgit.

Pada tahun 1901 itu, suatu banjir besar telah berlaku di kawasan Kampung Bahru yang mana banyak merusakkan tanaman di kawasan tersebut. Lantaran itu sebanyak 16 keluarga penanam padi telah meninggalkan kawasan tersebut.

Pada 11 Mei 1902, Yang Mulia Raja Muda telah dilantik menjadi Pengerusi baru, Lembaga Pentadbiran Kampung Bahru. Ahli jawatankuasa baru yang dilantik ialah Pratt, sebagai Setiausaha

Kehormat, McCrackett Bernard Shaw, Raja Mahmud, Raja Ali, dan Penghulu Khatib Koyan. Lembaga Pentadbiran ini mencadangkan agar, sebagai langkah pertama untuk menggalakkan usaha pertanian, sebuah empangan yang lebih sempurna dibina bagi menggantikan pengguna jentera pengepam air yang lama. Penghulu Khatib Koyan juga pernah menegur kelemahan jentera pengepam air tersebut kerana jentera tersebut juga digunakan untuk kerja menumbuk padi yang tidak begitu cekap.

Walau bagaimanapun, setelah beberapa lama diusahakan, didapati bahawa projek membuat empangan tersebut telah menemui kegagalan. Pada 1 Februari 1903 satu surat rayuan telah dihantar oleh anak-anak tempatan agar sistem pengairan lama yang menggunakan pam itu, diteruskan. Pihak Ahli Jawatankuasa Lembaga Pentadbiran telah bersetuju dan Messrs Swettenham telah diarahkan untuk mengawasi projek tersebut agar ia berjalan lancar untuk kali keduanya. Apabila Messrs Stoney menjadi Setiausaha Kehormat, beliau menghadapi banyak masalah dalam memastikan semua mereka yang terlibat dalam projek pertanian meneruskan usaha mereka. Penduduk tempatan lebih suka menjalankan kerja memternak lembu dan kambing. Ekoran daripada itu satu peraturan yang baru telah dikeluarkan di mana setiap penghuni tidak dibenarkan memelihara lebih daripada 4 ekor lembu dan 4 ekor kambing.

Suatu surat bantahan telah dihantar kepada pihak Lembaga Pentadbiran berkaitan dengan perkara ini. Mereka juga membantah kerana adanya penternak babi yang membawa ternakan mereka melalui kawasan ini. Pada Januari 1908, satu lagi peraturan baru telah dikeluarkan dimana semua lembu atau kerbau dimestikan memakai nombor pendaftaran dan mula hari itu juga kambing tidak dibenarkan dipelihara, dan buat kali pertamanya, empat orang pemilik tanah telah didenda dari 4 hingga 5 ringgit seorang kerana tidak mematuhi peraturan atau tidak mengerjakan tanah mereka.

Pada tahun 1931, sebuah Jawatankuasa khas telah dilantik untuk membuat kajian yang terperinci berkaitan dengan kedudukan ekonomi masyarakat Kampung Bahru. Hasil daripada kajian ini didapati bahawa taraf hidup masyarakat kawasan ini harus diperbaiki dan mereka perlu mempunyai suatu jenis pekerjaan yang tetap.

Dari rentetan peristiwa-peristiwa ini, jelas kelihatan bahawa pihak penjajah cuba membatasi kemajuan orang Melayu dengan

hanya menggalakkan mereka bercucuk tanam dan berternak agar tidak terlibat dalam perniagaan bijih timah yang sedang maju ketika itu.

Sesuai dengan kedudukan Kampung Bahru sebagai sebahagian daripada Kuala Lumpur, suasana perkampungan dan kegiatan pertaniannya akhirnya hilang begitu saja. Kegiatan pertanian tidak mendapat sambutan sama sekali. Kegiatan ini bukan sahaja tidak diminati tetapi tidak sesuai kerana tanahnya yang tidak subur dan latar belakang penduduknya yang lebih cenderung berniaga. Sesungguhnya bandar memberikan pelbagai pilihan pekerjaan lain. Akhirnya penduduk Kampung Bahru tidak lagi dikaitkan dengan pertanian dan sebaliknya dikaitkan dengan perniagaan kecil dan penyewaan rumah (Provencher, 1971), selain makan gaji. Walau pun Kampung Bahru diwujudkan sebagai kampung pertanian, tetapi idea ini telah tidak dapat dilaksanakan. Ciri-ciri kehidupan bandar, walaupun pada tahap rendah, telah meresapi kehidupan penghuninya.

Walaupun pada peringkat awalnya Kampung Bahru agak terpinggir, tetapi petempatan ini mempunyai ciri-ciri bandar seperti kemudahan prasarana dan cara hidup penghuninya. Masa rehat atau masa senggang para penghuninya selalu digunakan untuk kegiatan rekreasi, perjumpaan persatuan, persembahan kesenian dan sebagainya.

Kegiatan sosial masyarakat Melayu Kampung Bahru tertumpu di Kelab Sultan Sulaiman, iaitu sebuah kelab khas untuk orang Melayu. Ini berbeza daripada Kelab Selangor yang ditubuhkan pada tahun 1884 sebagai tempat berhimpunnya anggota masyarakat Eropah di Kuala Lumpur.

Pada tahun 1890 pula sebuah Kelab eksklusif bagi orang Eropah juga telah ditubuhkan dan dikenali sebagai Lake Club dengan kedudukan yang sangat menarik di Lake Garden. Kelab Selangor merupakan tempat berrekreasi bagi orang Eropah hinggalah tertubuhnya Lake Club.

Dalam bidang pertanian, Kerajaan Negeri Perak dan Selangor memang mempunyai masalah untuk mendapatkan tanah yang sesuai dijadikan kawasan penanaman padi kerana ia melibatkan pelaburan yang nilainya beratus ribu ringgit bagi membina sistem pengairan yang cekap. Jadi tidaklah mengejutkan bahawa 105 ekar tanah paya

di Kampung Bahru tidak disuahkan oleh orang Melayu untuk tujuan pertanian. Masyarakat Melayu di pinggir Kuala Lumpur ini merasakan bahawa adalah lebih menguntungkan jika mereka bekerja makan gaji daripada menanam padi. Satu cara yang pernah dicuba ialah dengan "memberikan" tanah ini kepada wanita-wanita (suri rumah tangga) Melayu. Mereka diharapkan bersedia menjalankan kerja-kerja pertanian selepas bekerja menguruskan rumah tangga dan membersihkan kebun sayur masing-masing. Kebanyakan mereka ini adalah wanita Melayu yang berasal daripada Melaka yang sudah biasa dengan pekerjaan pertanian (Khoo Kay Kim, 1996: 23).

Petempatan masyarakat Melayu biasanya diberi sumbangan wang sebanyak 6,000 ringgit setahun sebagai permulaannya. Permohonan untuk memiliki tanah pada lazimnya bermula dengan membuat pondok yang kecil dengan beratapkan tin bekas minyak tanah dan dindingnya kertas kotak, dan kadang kala pondok ini digunakan selama beberapa tahun. Biasanya pondok ini akan digantikan dengan binaan yang lebih baik, dan akhirnya rumah kediaman dibina apabila proses permohonan telah selesai.

Kelab Sultan Sulaiman

Pada tahun 1888 L. Dougal, F.A. Toynbee dan Currie telah memperoleh tiga blok tanah seluas 1500 ekar di Lembah Setapak. Penduduk Eropah yang semakin berkembang itu telah mendorong tertubuhnya Kelab Selangor pada tahun 1884. Kelab ini terkenal dengan julukan *Spotted Dog*. Kelab tersebut telah diasaskan sebahagiannya sebagai kelab sukan bagi tujuan memajukan sukan bola sepak, kriket, dan tenis. Kelab ini terletak berhampiran dengan gereja St. Marie. Hari ini dipindahkan ke tempatnya sekarang, padangnya dulunya telah dijadikan padang permainan yang terutama di Kuala Lumpur. Kelab Selangor tidak dikhaskan semata-mata untuk orang Eropah sahaja. Sepanjang beberapa tahun sebilangan orang Asia telah menjadi ahli kelab ini. Sebuah kelab yang eksklusif bagi orang Eropah telah ditubuhkan pada tahun 1890 dikenal sebagai *Lake Kelab*. Kedudukannya sangat menarik di Lake Garden yang baru selesai dibina, ketika itu dikenali dengan nama *Sydney Lake* (dinamakan menurut Puan Swettenham).

Kelab Selangor merupakan pusat kehidupan sosial bagi orang Eropah sehingga tertubuhnya Lake Kelab. Sepanjang tahun-tahun, Kuala Lumpur merupakan sebuah ibu negeri yang masih muda, hubungan sosial yang lebih erat terjalin di antara orang Eropah dengan para pemimpin Asia. Raja Laut dan Raja Mahmud (seorang lagi putera Sultan Muhamad) kerap bercampur gaul dengan komuniti Eropah.

Bila Kelab Selangor dan Lake Kelab adalah tempat pertemuan dan rekreasi para kaki tangan pegawai kolonial dan kelas atasan, maka Kelab Sultan Sulaiman adalah untuk orang Melayu. Di sinilah para pegawai rendah Melayu untuk mengisi masa senggang mereka. Kelab ini juga menjadi tempat elit Melayu di luar Kuala Lumpur berjumpa dan bermesyuarat untuk membincangkan hal-hal nasional. Sehubungan dengan hal itu Kampung Bahru telah menempa sejarah yang penting apabila Mesyuarat Pertubuhan Melayu Bersatu (UMNO) dengan rasminya ditubuhkan di sini pada 1 Mac 1946.

Kelab ini dari segi perpaduan orang Melayu secara umum mempunyai makna yang penting. Di sinilah para pemimpin Melayu bertemu untuk menubuhkan sebuah partai politik untuk menuntut kemerdekaan. Kelab ini dari segi interaksi sosial orang Melayu secara umum adalah amat bermakna. Di sini mereka mengeratkan jaringan hubungan antara kelompok yang berbagai asal-usul di seluruh negara. Hal ini menunjukkan bahawa tempat itulah semangat perpaduan orang Melayu dari berbagai pertubuhan-pertubuhan kumpulan berdasarkan etnik seperti kumpulan anak Jawa, kumpulan anak Minangkabau bergabung bagi menghadapi ancaman terhadap bangsanya.

Kelab Sultan Sulaiman di Jalan Stoney (Jalan Kelab Sultan Sulaiman) Kampung Bahru Kuala Lumpur terletak di kawasan perumahan orang-orang Melayu dipinggir kota Kuala Lumpur. Bangunan ini dibina di atas tanah seluas 26,000 kaki persegi dan padangnya adalah seluas 2 ½ ekar. Kelab ini mempunyai tiga buah bangunan dari tahun 1901 hingga 1929. Kemudian dibina kembali pada 1929 kerana kelab tersebut hangus dijilat api. Kelab yang kedua ini berdinginkan papan dan berbumbungkan atap genting. Kelab ketiga pula siap pada tahun 1969 setelah kelab yang kedua uzur dimakan zaman.

Pada tahun 1901 kelab ini diasaskan oleh sekumpulan orang

Melayu yang terdiri daripada Encik Yahya, Mohd. Tahir, Ibrahim Nyonya, Ibrahim Haji Osman, Munshi Abdul Rahman dan beberapa orang lagi. Pada mulanya mesyuarat dijalankan di sebuah rumah tumpangan atau Boarding House.

Nama kelab ini diambil sempena dari nama Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor. Pada masa itu ialah Sultan Alauddin Sulaiman Shah Ibni Almarhum Raja Muda Musa. Menurut tarikh penubuhannya Kelab Sultan Sulaiman merupakan kelab yang tertua di negara ini.

Pada mulanya Jawatan Yang Dipertua dipegang oleh pegawai-pegawai pentadbir Inggeris. Ini dipelopori oleh Tuan Stoney. Pada peringkat awal di antara awal tahun 1900 hingga 1920 kelab ini telah dibiayai oleh ahli-ahlinya sendiri dan dari derma penduduk-penduduk Melayu di sekitarnya.

Dalam masa tempoh tahun 1930 hingga 1950 kelab ini telah menunjukkan kepentingannya bagi masyarakat Melayu terutamanya dalam masa membangkit semangat kebangsaan yang dirasakan penduduk tanah Melayu. Misalnya pada tahun 1935, Cawangan Sahabat Pena di Kuala Lumpur sering mengadakan aktiviti-aktiviti di kelab ini. Perbincangan untuk mengadakan suatu Front (barisan) bersama Melayu dalam menghadapi kesulitan yang ada telah dibincangkan.

Dalam bidang kewartawanan bangunan Kelab Sultan Sulaiman memainkan peranan pentingnya dimana suatu kongres wartawan untuk menubuhkan Kesatuan Wartawan Melayu se Malaysia diadakan pada 18 Ogos 1940.

Kelab Sulatan Sulaiman menjadi arena dalam kebangkitan semangat nasionalisme Melayu. Kongres yang diadakan pada 1 hingga 4 Mac 1946 merupakan kongres pertama orang-orang Melayu yang dihadiri oleh 107 wakil dari 41 pertubuhan-pertubuhan Melayu. Beribu orang membanjiri padang Kelab Sultan Sulaiman untuk mendengar dan mengikuti perbincangan para perwakilan. Hasil dari kongres Melayu yang bersejarah ini telah diperolehi beberapa keputusan penting yang akan merubah perjalanan sejarah tanah Melayu.

Perjuangan nasionalisme orang Melayu telah mula menyatupadukan tenaga orang-orang Melayu dalam gerakan menentang Malayan Union, maka itu Kongres Melayu telah

memutuskan sebuah badan untuk mewakili seluruh orang Melayu ditubuhkan dengan nama Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).

Dalam tahun 1950, aktiviti kelab ini dalam bidang kesukanan terus dijalankan, tetapi dalam tahun 1960 hingga 1970 aktiviti kelab ini seakan-akan mati. Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) telah mengadakan Jubli Intannya di kelab ini pada tahun 1973 dan diraikan oleh Tun Dr. Ismail. Kelab ini juga menjadi tempat perkhidmatan masyarakat dan perlindungan orang ramai pada peristiwa berdarah 13 Mei 1969 atau apabila terjadinya banjir.

Bangunan baru kelab ini menelan belanja 540,000 ringgit, sumbangan Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak 200,000 ringgit dan kerajaan Negeri selebihnya. Perasmian kelab ini dilakukan pada 30 April 1969 oleh Timbalan Perdana Menteri Tun Haji Abdul Razak. Peringkat perjawatan di kelab ini terdiri daripada:

1. Yang Di Pertua
 - 1.1. Naib Yang Di Pertua I
 - 1.2. Naib Yang Di Pertua II
2. Setiausaha
 - 2.1. Penolong Setiausaha
3. Bendahari
4. Ahli Jawatankuasa.

Pada mulanya jumlah ahli kelab ini hanyalah 60 orang sahaja dan sekarang telah mencapai lebih 400 orang. Pada tahun 1910 kelab ini mempunyai pasukan kriketnya sendiri. Pemain ini datang ke Kuala Lumpur bersama dengan orang Eropah selepas tahun 1880. Pada masa mulanya di antara pemain kriket kelab yang terkenal adalah Dollah Panjang dan Pachery. Kelab ini telah mengadakan pasukan bolanya sendiri pada tahun 1912. Mr. Stoney sebagai Yang Di Pertua Kelab memainkan peranan penting dalam melatih anak-anak Melayu bermain bola sepak.

Persatuan bola sepak Selangor telah bergabung dengan pasukan bola sepak kawasan Kampung Bahru dan berjaya menjadi johan bola sepak Selangor.

Pada tahun 1955 terdapat Persatuan Bola Sepak Indonesia Muda Selangor di Kelab Sultan Sulaiman dipimpin oleh:

Penasihat : Rahmat Jais

Ketua	: Yunus
Setiasaha	: Haji Mohammad Zen Bin Haji Said
Ahli Jawatankuasa	: Sutan Kahar
	Salleh Rukun
	Ali Umar
	Anwar Hamzah Rustam.

Kelab ini telah memenangi Piala Raja pada tahun 1956. Persatuan bola sepak Indonesia Muda dibubarkan pada tahun 1963 sewaktu berlakunya konfrontasi antara Malaysia dengan Indonesia. Pembatalan itu dilakukan di Mahkamah Kuala Lumpur, kerana sebagian besar Ahli Jawatankuasa tersebut terdiri dari orang Indonesia.

Ahli Jawatankuasa Kelab Sultan Sulaiman mengatur rancangan-rancangan berbentuk hiburan untuk ahlinya. Contohnya dalam setiap mesyuarat agong dijemput dan dibawa rombongan sandiwara dan ronggeng untuk menghibur para ahli dan penduduk di sekelilingnya.

Pada tahun 1920-an rombongan ronggeng dari Melaka yang dikenali sebagai Ronggeng Tjah dan Ronggeng Nyonya adalah sangat mashur.

Kelab Sultan Sulaiman di Kampung Bahru Kuala Lumpur merupakan sebuah catatan sejarah Malaysia yang tidak dapat dilupakan orang ramai khususnya orang Melayu. Dengan secara sedar atau tidak, kelab ini menyandang nama besar dalam gerakan politik orang Melayu.

Berbagai-bagai kegiatan kebajikan dan kebudayaan serta permainan bola sepak menjadi ciri khas kelab ini, selain itu juga berfungsi sebagai persatuan kebajikan yang berorientasi semangat kemasyarakatan. Kelab ini kelihatan tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat Kampung Bahru, seolah-olah antara kedua-duanya menjadi satu kesatuan. Namun begitu, dalam perkembangannya sehingga sekarang kelab dan masyarakat Kampung Bahru adalah terpisah kerana anggota kelab ini tidak semestinya penduduk yang tinggal Kampung Bahru.

Masyarakat Kampung Bahru hanya mengetahui kelab ini kerana terletak di kampung ini. Hari ini, kalaulah kelab ini tidak terletak di sini ramai yang tidak menyedarinya. Dengan perkataan lain, tidak ramai ahli Kelab Sultan Sulaiman berasal dari warga Kampung

Bahru. Meskipun sehingga sekarang undang-undang tubuh kelab ini menetapkan bahawa dua daripada tujuh orang Ahli Jawatankuasa kelab itu mestilah anak watan Kampung Bahru tetapi keterlibatan mereka agak tidak aktif. Sehingga sekarang memangnya terdapat dua orang penduduk Kampung Bahru yang menjadi Ahli Jawatankuasa biasa itu, tetapi kehadiran mereka sekadar untuk memenuhi peraturan tersebut.

Penduduk Kampung Bahru sendiri tidak begitu berminat terhadap kelab ini lagi. Masa depan kelab ini dianggap tidak ada lagi kaitan dengan penduduk Kampung Bahru, apalagi sekarang yang menjadi ahli kelab kebanyakannya terdiri daripada orang luar yang tidak tinggal di Kampung Bahru lagi. Hanya sebahagian saja penduduk Kampung Bahru yang terlibat atau menjadi ahli di kelab ini. Ini menunjukkan bahawa kelab ini tidak lagi boleh disinonimkan dengan Kampung Bahru seperti pada masa lalu, malah kini ia tidak boleh lagi dianggap milik Kampung Bahru.

Dari data yang diperolehi dapat dikatakan bahawa sekarang Kelab Sultan Sulaiman yang pernah dulu menjadi bahagian yang tidak terpisahkan dari aktiviti warga masyarakat Kampung Bahru, kini tidak lagi memainkan peranan itu. Kelab ini bukan lagi menjadi bahagian dari warga masyarakatnya dan suasananya telah berbeza. seolah-olah kelab ini mulai ditinggalkan. Bukan hanya oleh orang Kampung Bahru sahaja, tetapi di kalangan pemimpin atau pun orang politik di kawasan ini telah meninggalkan kelab ini. Malah lebih jauh dari itu antara warga Kampung Bahru dengan kelab ini seolah-olah tidak ada lagi ikatan emosi seperti dulu yang pernah terikat kuat untuk membangkitkan semangat persatuan orang-orang Melayu.

Dalam keadaan Kampung Bahru yang saling berganti wajah, kelab ini tinggal begitu sahaja. Detik peristiwa-peristiwa seperti tertubuhnya UMNO, peristiwa berdarah 13 Mei 1969, dan merancang untuk memperjuangkan kemerdekaan dari tangan penjajah hanya tinggal kenangan sahaja.

Persatuan dan Pertubuhan

Pengenalan *Melayu* di Kampung Bahru dikatakan sebagai *Regional Identity* atau pengenalan mengikut daerah atau kawasan masing-masing. Perkara ini berdasarkan mereka masih mengekalkan budaya

setempat terutamanya logat percakapan. Orang Jawa bertutur dalam logat Jawa dan orang Kedah bertutur dalam logat Kedah. Fenomena ini secara tidak langsung telah mengakhiri proses poengasingan rumpun bangsa atau dikenali juga sebagai *Ethnic Residential Segregation*.

Masyarakat Melayu Kampung Bahru mengamalkan adat dan budaya Melayu asli dan mereka agak kuat bepegang kepada adat resam nenek moyang. Aktiviti-aktiviti seperti laga ayam, permainan layang-layang, permainan gasing, pencak silat, tari pirin, dan joget lambak serta adat istiadat perkahwinan dan kelahiran serta kematian adalah ciri-ciri budaya yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Kebanyakan organisasi sosial di Kampung Bahru berunsurkan ciri-ciri keagamaan, politik, ekonomi, sukan serta persatuan yang berunsurkan kenegerian atau tempat asal mereka (Malay Regional Assotiation) seperti Persatuan Melayu Minangkabau, Persatuan Peranakan Jawa, Persatuan Anak Melaka, Persatuan Anak Johor, dan lain-lain.

Institusi *pondok* atau Persatuan Orang-orang Bawean yang terdapat di Jalan Perkins berfungsi sebagai satu organisasi kebajikan yang berusaha menyatupadukan orang Bawean.

Persatuan orang Jawa yang utama ialah Persatuan Seni Budaya dan Kebajikan Kuala Lumpur yang berusaha menganjurkan nilai-nilai keagamaan serta Kebudayaan Jawa, juga berperanan dalam memberi khidmat bakti kepada ahlinya seperti gotong royong dan bantuan kewangan diwaktu kematian atau-perkahwinan.

Persatuan Seni Silat Cekak Kampung Bahru mempunyai keahlian yang paling ramai iaitu lebih dari 1000 orang. Terdapat dua buah persatuan yang berunsurkan keagamaan iaitu Orkestra Seruan Suci Ibukota dan Persatuan Budi Pekerti Islam Kampung Bahru. Orkestra Seruan Suci mempunyai ahli seramai 25 orang dan kebanyakannya terdiri dari orang-orang Jawa, sedangkan orang Banjar dan Orang Minangkabau banyak memainkan lagu-lagu Arab untuk menyebarkan fahaman dakwah dan berfungsi sebagai satu persatuan kebajikan yang memberikan bantuan kewangan kepada ahlinya. Manakala Persatuan Budu Pekerti Islam ditubuhkan bertujuan untuk menambah pengetahuan dari segi agama di kalangan ahlinya serta mengeratkan persaudaraan di antara mereka. Persatuan ini mempunyai keahlian lebih 200 orang dan Ahli Jawatankuasanya

terdiri daripada orang-orang Melayu yang berasal dari berbagai suku.

Perkembangan politik Kampung Bahru bermula dengan penubuhan persatuan-persatuan yang bertujuan menyatupadukan penduduk seperti Kelab Neraca dan Cherry Blossom pada pertengahan 1930-an yang dianggotai oleh anak-anak muda, hanya diikuti dengan Young Muslim Association yang dipimpin oleh Tuan Haji Ahmad Ghazali Haji Hashim yang memperjuangkan kepentingan sosial dan kebajikan penduduk.

Pada tahun 1946 Ikatan Setia Kampung Bahru (ISKAB) ditubuhkan dan dipimpin oleh Datuk Kamaruddin Idris sebagai Pengerusi Ahli Jawatankuasa yang pertama. Persatuan yang diwakili oleh 7 wilayah Kampung Bahru ini turut memperjuangkan kepentingan sosial.

Pada tahun 1946 UMNO ditubuhkan dan semua ahli ISKAB diserapkan ke petubuhan ini. Pada masa itu UMNO Kampung Bahru dikatakan memainkan peranan penting dalam pertubuhan UMNO Malaya kerana ibu pejabat UMNO Malaya terletak di Jalan Tunku Abdul Rahman.

Di antara tokoh-tokoh Kampung Bahru yang aktif ketika itu ialah Raja Muhammad bin Raja Alang, Datok Abdullah Yassin, Haji Raden Supatan dan Encum binti Haji Zainuddin. UMNO Kampung Bahru pada peringkat awalnya dipimpin oleh Tuan Haji Yahya bin Sheikh Ahmad. Beberapa orang tokoh politik Kampung Bahru turut sama terlibat dalam perjuangan menuntut kemerdekaan pada tahun 1957 seperti Datok Mohamed Taher Majid (Ketua Pemuda UMNO Kampung Bahru) Ismail Bontok, Haji Raden Supatan dan lain-lain.

Dalam Pilihanraya Umum 1957 Datok Abdullah Yassin telah memenangi Kerusi Dewan Undangan Negeri dan Encum Binti Haji Zainuddin memenangi Kerusi Majlis Perbandaran. Pertubuhan UMNO Kampung Bahru kemudiannya dipecahkan kepada 11 cawangan apabila UMNO Kuala Lumpur dibahagikan kepada Bahagian Bukit Bintang dan Setapak.

Penduduk Kampung Bahru turut terlibat di dalam peristiwa 13 Mei 1969, mereka berhimpun dan membuat perarakan besar ke rumah Menteri Besar Selangor waktu itu Dato' Harun Haji Idris sebagai tanda sokongan. Selepas peristiwa itu Jawatankuasa Muhibbah telah dibentuk bertujuan untuk menanam semangat perpaduan antara kaum. Beberapa orang tokoh Kampung Bahru juga

turut terlibat membuat bantahan di hadapan Kedutaan Indonesia semasa Konfrontasi Malaysia-Indonesia 1963. Mereka termasuklah Yusuf Suryan, Saidun Kecut, Haji Raden Supatan, Aris Ahmad dan Melan Abdullah. Penubuhan Jawatankuasa Perhubungan Masyarakat Kampung Bahru dan seterusnya rela telah mengganti Jawatankuasa Muhibbah yang berfungsi menjaga kepentingan penduduk Kampung Bahru.

Di Kampung Bahru terdapat beberapa persatuan yang ditubuhkan untuk pembangunan komuniti di sini. Persatuan yang telah wujud antara lain ialah Persatuan Pembangunan Kampung Bahru Kuala Lumpur (PPKB) dan Persatuan Anak-anak Melayu Kampung Bahru Kuala Lumpur (PAKAM). Kedua-dua persatuan ini ditubuhkan pada tahun 1995 oleh penduduk tempatan. Pada tahun yang sama juga ditubuhkan syarikat Pembangunan Mas Melayu Berhad (PMB) yang pemegang sahamnya adalah tergolong dari korporat Melayu di Malaysia.

PPKB dan PAKAM ditubuhkan untuk kepentingan pembangunan Kampung Bahru agar kawasan ini setaraf dan seimbang dengan kawasan sekelilingnya. Pertubuhan ini cuba menyatupadukan orang-orang Melayu Kampung Bahru, mengeratkan silaturahim di antara satu sama lain. Tujuan utama persatuan ini ialah untuk membangun Kampung Bahru selaras dengan pembangunan di sekitar bandaraya Kuala Lumpur. Pembangunan ini dianggap penting kerana keseluruhan Kampung Bahru merupakan milik orang Melayu (Malay Reservation). Selain itu tujuan penubuhan ini juga untuk mendapat kerja sama kerajaan dan badan-badan lain untuk meningkatkan tahap sosio-ekonomi orang Melayu Kampung Bahru.

Demi mencapai tujuan tersebut pertubuhan berkenaan turut menjalankan aktiviti-aktiviti di bidang keagamaan, pendidikan, kebudayaan dan kebajikan bagi faedah ahlinya. Di samping itu juga tujuan PAKAM adalah untuk mengumpul semua anak Melayu yang lahir di Kampung Bahru bagi mengeratkan silaturahim bagi satu dengan yang lainnya. Persatuan ini juga membantu menggalakkan perniagaan di kalangan ahli, tegasnya persatuan-persatuan tersebut lebih tertumpu kepada sektor pembangunan ekonomi berbanding aspek sosial. Oleh itu penglibatan dalam persatuan ini agak terhad kepada mereka yang mempunyai hartanah di sini. Ini bermakna ia

tertumpu kepada penduduk asal Kampung Bahru tetapi tidak kepada mereka yang baru berhijrah masuk.

Dalam menerangkan interaksi sosial di sini, pertubuhan UMNO tidak boleh diketepikan, kerana di sini terdapat 31 buah Cawangan UMNO yang terletak dalam Bahagian Titiwangsa. Pertubuhan ini memainkan peranan penting dalam menjalin interaksi terutama di kalangan penghuni yang menjadi anggotanya. Pertubuhan ini selain bermotif politik ia juga berhajat membangun semula Kampung Bahru. Ini terserlah dalam kegiatannya yang berupa perancangan semula dengan membuat proyeksi ke hadapan melalui berbagai perbincangan dan perdebatan dalam konvensyen sejak tahun 1992 lagi hingga sekarang.

Beberapa tindakan-tindakan nyata yang diambil oleh pertubuhan ini berhubung dengan keadaan fizikal yang dirasakan mengganggu kenyamanan dan keselesaan hidup warga masyarakat Kampung Bahru. Di antaranya memperbaiki kawasan yang rusak akibat banjir, pembuatan parit-parit, dan persetujuan penyediaan laluan Rel Pengangkutan Ringan (LRT).

Dari berbagai aktiviti UMNO semuanya tertumpu kepada satu keinginan agar warga masyarakat Kampung Bahru menyedari bahawa pertumbuhan ekonomi telah melingkari ekonomi mereka. Dengan itu perubahan tersebut turut memberi kesan dan mereka pula mahu atau tidak mahu terpaksa berhadapan dengan kenyataan.

4

Lawatan Sultan Abdul Samad ke Kuala Lumpur

Kesultanan Selangor yang berketurunan Bugis adalah pelaut yang tujuan mereka untuk mengawal kawasan pesisir pantai Negeri Selangor. Hal ini terbukti bahawa Sultan Abdul Samad atau pun dua orang pengganti beliau tidak pernah melawat kawasan pedalaman Selangor. Walaupun perkembangan perlombongan bijih timah dari tahun 1880-an telah berpindah ke daerah pedalaman sebagai pusat perdagangan dan secara tidak langsung menarik minat pendatang baik Melayu ataupun Cina.

Sebahagian besar masyarakat Melayu di kawasan pedalaman bukannya berketurunan Bugis, hal ini sedikit sebanyak memperlihatkan perbezaan kebudayaan di antara masyarakat Melayu pedalaman dengan golongan bangsawan di daerah pesisir. Menurut catatan Bloomfield Douglas, masyarakat Melayu di pedalaman merasa tidak mendapat perhatian dari Sultan dan beliau cuba menghubungkan perbezaan jurang ini.

Sultan Selangor, Sultan Abdul Samad, berumur lebih 70 tahun bersetuju untuk melawat Kelang dan Kuala Lumpur atas pujukan Blommfield Douglas sebagai Residen British di Selangor (1876-1882). Pada Januari 1879, selepas musim menuai (1 Januari hingga 26 Februari 1879) baginda berangkat mengadakan lawatan. Sultan Abdul Samad, tiba di Kelang dengan menggunakan kapal api pada 5 Mei 1879, bersama mengiring Baginda adalah Raja Muda Musa

dan putera beliau, yang kemudian bergelar Sultan Sulaiman, Tunku Panglima Raja dan puteranya, Raja Mahmud dari Sepang dan beberapa orang kenamaan.

Ketibaan Baginda Sultan dengan kenalan DiRaja disambut dengan hormat dan gembira, acara ini dihadiri juga oleh isteri-isteri pembesar British. Baginda Sultan melawat bandar Kelang diiringi oleh Residen British dan Baginda bermalam di kubu pertahanan orang Kelang. Keesokan harinya Baginda, menaiki kapal api melalui Sungai Kelang hingga ke Damansara. Perjalanan ke Kuala Lumpur diteruskan melalui jalan yang baru dibina dengan nama Jalan Damansara. Perjalanan ke Kuala Lumpur berhenti dua kali, pertama di Batu 6, Kelang Company Plantation dan yang kedua di tempat Sultan Syed Salim abang ipar Syed Mohamed Alsagoff. Sultan berkenan mengajak mereka bersama ke Kuala Lumpur. Setibanya di Kuala Lumpur, di salah satu dataran tinggi di Kuala Lumpur terdapat serombongan besar masyarakat Melayu berketurunan Bugis, Mandailing, Minangkabau dan lain beriring-iringan memberi penghormatan kepada Sultan Selangor.

Baginda agak terpegun melihat hiasan pada sebuah jambatan di Market Street yang sengaja dihias untuk lawatan DiRaja. Sampai di jambatan, Baginda turun dari kerusi kereta lalu berjalan kaki, walaupun beberapa ekor kuda telah disediakan oleh pihak penganjur. Baginda disambut pula oleh Kapitan Cina, Yap Ah Loy dan Yap Ah Shab dengan pakaian Mandarin. Menurut catatan Inggeris bahawa rombongan meneruskan perjalanan dengan diiringi muzik yang kurang sopan atau *barbaric* (Gullick, 1975: 33). Masyarakat kota yang mengiringi Baginda Sultan bersorak sorak dengan gembira. Perarakan berakhir di rumah Kapitan Cina, dahulunya tapak Mercantile Bank.

Keesokan harinya Baginda Sultan melawat Benteng Lama, yang digunakan oleh Syed Mansor sewaktu perang saudara, di Bukit Nenas. Baginda bertemu dengan Raja Shaaban dan Datuk Sati, orang besar di kalangan masyarakat Minangkabau. Raja Shaaban yang bertanggung jawab terhadap Benteng di Bukit Nenas memohon berkenan Tuanku meletakkan batu asas pada tiang benteng tersebut.

Raja Shaaban selepas lawatan Sultan menjadi Penghulu di Hulu Kelang dan Hulu Langat. Pada hari yang sama pada pukul 1 tengah hari penghormatan pada Sultan menjadi besar jumlahnya

diperkirakan 5,000 hingga 7,000 orang. Masyarakat Melayu di Kuala Lumpur diberi penghormatan untuk bertemu dengan Sultan dan diikuti masyarakat Cina.

Baginda Sultan memakai pakaian seragam negeri dikawal rapi oleh angkatan bersenjata di bawah pimpinan Mr. Syers. Lawatan Sultan Abdul Samad merupakan lawatan yang pertama sejak beratus tahun melawat Kuala Lumpur dan masyarakat Kuala Lumpur terhutang budi kepada Residen British Bloomfield Douglas atas jasanya meyakinkan Sultan, yang pada waktu itu tinggal di Jugra.

Siri lawatan kerja Baginda Sultan Selangor ke Kampung Bahru Kuala Lumpur tidak kerap. Pada 5 hingga 15 September 1906 Baginda Sultan Alauddin Sulaiman Shah telah mengadakan lawatan rasmi ke Kampung Bahru untuk melihat tanah yang telah dikurniakan kepada masyarakat Melayu di Kuala Lumpur pada tahun 1899 setahun selepas Baginda dilantik sebagai Sultan. Pada keseluruhan pemerintahan Baginda di Negeri Selangor, Baginda telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memajukan orang Melayu di Negeri Selangor.

Dalam bidang infrastruktur pada masa pemerintahan Baginda banyak jalan raya, jalan kereta api dan bangunan rumah kedai dari batu telah didirikan dalam beberapa buah pekan di negeri ini terutamanya di Kuala Lumpur dan Kelang. Baginda juga menitikberatkan pengusahaan kraft tangan Melayu dan usaha pertanian di sekitar Kampung Bahru. Raja Mahmud sebagai salah seorang dari Ahli Jawatankuasa Lembaga Pentadbiran telah menyarankan agar lampu jalan di pasang dengan segera sempena lawatan ini kerana memandangkan kawasan Kampung Bahru terlalu gelap pada waktu malam. Baginda juga mencadangkan agar diberi perhatian dan pengawasan oleh penghuni kampung terhadap harta awam ini (Ghazali, 1983: 6).

Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah juga telah mengadakan lawatan kerjanya ke Kampung Bahru untuk melihat kembali tanah kurniaan Nenda Baginda yang telah menjadi tanah simpanan Melayu pada tahun 1899. Lawatan kerja Baginda ini adalah sempena perayaan *100 Tahun Kampung Bahru* pada 12 Mac 1990 dan pada waktu yang sama diadakan satu seminar *Pembangunan Melayu* bertempat di Dewan Tun Dr. Ismail Pusat Dagangan Dunia Putera. Sewaktu perayaan ini diadakan, Kampung Bahru dihiasi dengan lampu-lampu bergemerlapan dan pintu gerbang dibina di jalan-jalan utama di sekitar Kampung Bahru.

5

Petempatan Awal Melayu di Kuala Lumpur

Menurut seorang penyelidik berbangsa Amerika William Hornaday yang melawat Kuala Lumpur pada Julai 1878 mengatakan bahawa di sepanjang tebing sungai, terdapat rumah orang-orang Melayu yang dibina di atas kayu yang kuat 10 kaki tinggi di atas permukaan tanah liat. Rumah-rumah ini dimiliki oleh orang Melayu berketurunan Sumatera di bahagian Utara Jalan Jawa (kemudian diberi nama Jalan Monatbatten dan sekarang Jalan Tun Perak).

Masyarakat Melayu merupakan masyarakat yang aktif dan menempati kawasan yang sibuk di Kuala Lumpur pada tahun 1870-an. Kuala Lumpur sebagai salah satu kawasan daerah Kelang di bawah jagaan penghulu Melayu membuat pengkalan dan tembok pertahanan di dataran tinggi (dahulu dinamakan Weld Hill dan sekarang adalah Tower May Bank). Kapitan Cina Yap Ah Loy juga hidup dengan damai di atas hubungan baik dengan Penghulu Melayu yang menguasai benteng di Weld Hill.

Kuala Lumpur yang tumbuh sebagai pusat dagangan bijih timah menarik pedagang keturunan Cina untuk datang dan menetap. Masyarakat Melayu berketurunan Sumatera telah lama mendiami tebing Sungai Kelang dengan bercucuk tanam dan menjual hasil hutan seperti rotan. Mereka juga mencari bijih timah di tanah yang ditinggalkan oleh pasang surutnya air. Catatan sejarah mengatakan

bahawa pada tahun 1820-an sudah terdengar perkampungan Melayu seperti Petaling. Di antara pekerjaan mereka ada mendulang bijih timah sebagai pekerjaan sampingan di antara menuai padi dan musim menanam.

Penguasaan orang Melayu terhadap perdagangan bijih timah di Kuala Lumpur terserlah apabila pada tahun 1857, Raja Abdullah, seorang penghulu Melayu yang berjiwa dagang menguasai lembah Kelang dari kuala ke batas air yang membahagikan Selangor dan Pahang. Beliau menghantar rombongan berjumlah 87 pelombong Cina dengan bantuan saudagar di Straits Settlements untuk melombong bijih timah di bahagian Hulu Kelang. Rombongan pelombong ini naik ke darat di persimpangan sungai Kelang dan Gombak.

Kesulitan dengan tenaga kerja, membuat saudagar Melayu membawa masuk pekerja Cina dari daratan negeri Cina. Saudagar Melayu juga sukar untuk mencukupi wang untuk perbelanjaan pekerja di antara timah dieksport dengan menerima wangnya. Hal ini membuat golongan pemerintahan Melayu terpaksa membuat konsesi perlombongan kepada kapitalis Cina untuk menjalankan perniagaan ini.

Petempatan masyarakat Melayu di Kuala Lumpur, biasanya terdapat masjid dan tanah perkuburan, seperti persimpangan Sungai Gombak dan Sungai Kelang (Mesjid Jamek sekarang). Perkampungan masyarakat Melayu di Kuala Lumpur terpisah dengan petempatan Cina kerana masyarakat Cina berternak babi dan ini sangat bertentangan dengan orang Melayu. Batasan di antara Kampung Melayu dengan petempatan masyarakat Cina adalah Jalan Jawa (Jalan Tun Perak sekarang).

Pihak kolonial juga mementingkan perihal perdagangan bijih timah daripada nasib orang Melayu. Kegiatan perlombongan dan peladangan mereka menyebabkan orang Melayu di Kuala Lumpur dipindahkan. Residen British ke Selangor pada waktu itu Bloomfield Douglas mengarahkan bahawa tanah-tanah di sepanjang jalan kereta api tidak boleh diberikan kepada orang Melayu tanpa mendapat persetujuan Residen terlebih dahulu.

Sebelum mangkatnya Sultan Abdul Samad pada tahun 1898, pihak kolonial British pernah memaksa Baginda Sultan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandar DiRaja, tetapi Sultan Abdul Samad menginginkan Jugra di Kuala Langat sebagai tempat

istirahatnya.

Setelah mangkatnya Sultan Abdul Samad, cucu baginda Raja Muda Sulaiman menggantikannya, beliau mengambil Kelang sebagai tempat bandar DiRajanya; tidak begitu jauh dari kota metropolitan Kuala Lumpur.

Petempatan masyarakat Melayu di Kuala Lumpur sesuai dengan pasar, mesjid dan sekolah di sepanjang tebing sungai Utara dari Jalan Jawa; mengekalkan identitinya dengan nama Jalan Melayu, Jalan Melaka dan Jalan Johore. Daerah ini tidak mempunyai tempat untuk berkembang. Berdasarkan hal ini timbul pemukiman baru untuk orang Melayu pada tahun 1902 dikenali sebagai Kampung Bahru. Pembinaan ini adalah suatu projek yang dirancang untuk mempromosi industri kraf tangan Melayu dalam konteks bandar. Walaupun sebahagian dari projek ini tidak berkembang dengan baik tetapi Kampung Bahru dengan sendiri menjadi kawasan yang mempunyai suasana kampung dan menjadi sebahagian dari pertumbuhan kota. Kampung Bahru menjadi kawasan perumahan untuk masyarakat Melayu yang berkembang di Kuala Lumpur (Gullick, 1998:22).

Untuk menjadikan kawasan ini eksklusif sebagai kawasan pertanian dan sekali gus kawasan orang Melayu, pihak kolonial tidak menggalakkan etnik lain menjadi penghuni kawasan ini. Orang bukan Melayu dari segi teorinya boleh tinggal di kampung ini sekiranya mendapat kebenaran Residen atau lembaga. Namun terdapat pula kes dimana seorang peon kepada Dr. Traver beragama Hindu, pada tahun 1901 terpaksa menjual anaknya di kampung ini kepada orang Melayu, kerana pihak berkuasa tidak membenarkan beliau tinggal di situ (hands, 1955:2). Sehingga tahun 1890-an, masyarakat Melayu Kuala Lumpur adalah keturunan pedagang Sumatera. Salah seorang anggota masyarakat tersebut yang berhasil adalah Haji Mohamed Taib yang datang dari tanah Minangkabau ke Kuala Lumpur pada tahun 1876. Beliau menjadi orang Melayu terkaya di Selangor dengan perdagangan yang melibatkan tanah perladangan memiliki lombong bijih timah dan beberapa rumah serta kedai di Jalan Melayu dan persikatan Kuala Lumpur.

Beberapa tahun kemudian kekuasaan dan kehebatan masyarakat Melayu Kuala Lumpur terletak pada Raja Laut anak Sultan Muhammad Syah Sultan Selangor yang ketiga. Beliau merupakan salah seorang Exco-Negeri, Ahli Majlis Bnandaran, Majistrate

Melayu dan penghulu Kuala Lumpur. Raja Laut menampakkan statusnya sebagai seorang anak raja dan membuat rakan-rakan di sekelilingnya merasa rendah diri. Beliau juga mampu menyampaikan ucapan yang berwibawa dalam upacara-upacara penting seperti lawatan Governor dan perpisahan Residen. Pada acara pentabalan Sultan Alauddin Sulaiman Shah tahun 1898, Raja Laut dilantik ke pejabat Raja Muda yang telah dikosongkan oleh Sultan Sulaiman. Setelah mangkatnya Raja Laut, peranannya di Kuala Lumpur berpindah pada Raja Bot anak saudara baginda.

Raja Bot merupakan anak raja yang mempunyai pengaruh Barat, hal ini dicerminkan melalui kepimpinannya sewaktu menjalankan tugas mengatur klinik untuk suntikan cacar air, beliau terpaksa menjelaskan tentang sistem perubatan moden pada masyarakat Melayu.

6

Peranan Penghulu di Kuala Lumpur

Kedatangan masyarakat Minangkabau ke *Kolang* (Kelang) telah dikatakan bermula pada abad ke-12 Masihi. Marsden berpendapat bahawa ekspedisi Sri Tri Buana dilancarkan bukan dari Palembang tetapi dari Minangkabau sebelah Timur (Jambi). Migrasi masyarakat Minangkabau ke Semenanjung lebih memberi erti lagi pada abad ke-16 dimana telah berkembang sedikit demi sedikit hinggakan membangun masyarakatnya sendiri dan bahkan melembagakan sistem adat dan sosial yang dikenali sebagai Adat Perpatih (Mochtar Naim, 1979: 144).

Penglibatan orang Minangkabau di dalam kancah politik Selangor turut memberi pengaruh yang kuat, sebagai contoh peperangan antara Raja Mahadi dengan Tengku Kudin turut dibantu oleh orang Minangkabau yang berpihak kepada Raja Mahadi.

Penglibatan masyarakat Minangkabau dalam perkembangan perbandaran Melayu telah dari dulu melihatkan kecermelangan mereka. Hal ini dapat dilihat apabila Residen British Bloomfield Douglas sebelum dilantik sebagai Residen mempunyai tanggung jawab untuk membesarkan jalan dari Kuala Langat hingga ke seluruh Negeri Selangor.

Menurut catatan Inggeris mereka telah mengenali Panglima Garang yang merupakan salah satu pemimpin Melayu yang menjadi Sultan di Kuala Lumpur dan telah menyambut kedatangan

Bloomfield Douglas pada tahun 1879. Beliau merupakan salah satu panglima perang dari Pahang dan merupakan Penghulu di Selangor, tetapi beliau berkongsi kekuasaan dengan pemimpin Pahang yang lain yang bernama Haji Mohammad Noor. Selain orang Pahang terdapat juga orang Minangkabau dan mereka juga mempunyai Ketua bagi masyarakat mereka seperti Haji Muhammad Saleh dari Kancing.

Kekuasaan panglima Garang dan Encik Mat Saman sebagai orang Pahang dan Haji Muhammad Saleh orang Minangkabau merupakan tempat mengadu atau menyelesaikan persengketaan tanah dan pembuatan lombong bijih timah di Selangor. Orang Minangkabau terikat dengan eratnya kepada kesukuan mereka dan masyarakatnya saling tolong menolong. Tidak lama kemudian Sheikh Muhammad Ali telah mencadangkan kepada orang Minangkabau untuk berpindah ke Rembau dan menyelesaikan masalah pembunuhan salah seorang dari orang mereka di sana. Waktu itu Sheikh Muhammad Saleh adalah seorang Penghulu di Hulu Kelang dan Hulu Langat, beliau merupakan pemimpin masyarakat Minangkabau di Kuala Lumpur dan di Selatannya.

Adiknya Sheikh Muhammad Taib begitu terkenal di Perak dimana Hugh Low melantik beliau sebagai salah seorang Ahli Majlis Negeri dan sebagai Kadhi Negeri kerana beliau merupakan seorang pemimpin Islam dari Sumatera (Sadka, 1968: 112 dalam JMBRAS).

Pada Julai 1876 Bloomfield Douglas membuat lawatan pertamanya ke Kuala Lumpur dan beliau telah *mengamat-amati* Hulu Langat dan pada 21 Julai jam 6.10 pagi perjalanan dari Kuala Lumpur menuju Hulu Selangor, bersama beliau adalah Ah Eng Ketua Panglima Kapiten Cina, Tuan Sheikh Muhammad Ali dan 12 pengawal, 7 kuli untuk mengangkat cangkelong dan bekalan makanan. Bersama rombongan itu adalah Mr. Anggus sebagai penterjemah kepada Bloomfield Douglas dan Mr. Syers sebagai Ketua Polis Selangor pada waktu itu.

Pada 6.47 pagi mereka menyeberangi Sungai Gumut dan tiba di Sungai Batu (Kelang) pada pukul 7.40. Tujuan perjalanan ini adalah untuk melihat pendalaman Negeri Selangor yang akan membawa suatu keputusan bahawa pentadbiran dari bangsa Eropah harus digantikan di dalam Negeri Selangor. Tetapi muncul masalah bahawa pencampuran asal-usul kebudayaan masyarakat Melayu yang berada di Selangor berbeza-beza di antara satu sama lainnya.

Pada lawatan Sultan Abdul Samad ke Kuala Lumpur pada 7 Mei 1879, beliau telah melawat benteng tua yang telah digunakan Syed Mashhoor yang terletak di Bukit Nenas. Di benteng tersebut Baginda disambut oleh Raja Saaban dan Datuk Sati. Mereka berdua ini merupakan orang Minangkabau yang berpengaruh di Kuala Lumpur dan mempunyai pengikut hampir 1000 orang. Pada ketika itu Datuk Sati memahami muslihat tentang lawatan Sultan yang diatur oleh Residen British. Manakala Raja Saaban merupakan orang yang bertanggung jawab mengawasi benteng, menginginkan Sultan Abdul Samad meletakkan batu asas pada tiang utama benteng tersebut dan kehendak beliau telah diatur oleh Residen.

Sehingga tahun 1890-an masyarakat Melayu di Kuala Lumpur merupakan pedagang-pedagang daripada Sumatera. Keberlangsungan usaha dagang ini, walaupun tidak terdapat di daerah pendalaman tetapi lebih sesuai di kawasan bandar seperti Kuala Lumpur. Salah seorang dari masyarakat Minangkabau yang kaya di Kuala Lumpur yang datang ke Kuala Lumpur pada 1826 adalah Haji Mohammad Taib. Beliau meninggal pada tahun 1925, dan adalah orang yang terkaya di Selangor dengan memiliki tanah ladang, lombong bijih timah dan mempunyai banyak rumah-rumah serta kedai di Jalan Melayu dan di sekitar Kuala Lumpur (Gullick, 1998: 34).

Terdapat juga orang Melayu berketurunan Kerinci yang berhijrah dari Sumatera ke Semenanjung Melayu pada tahun 1850 bernama Haji Abdullah Hukum. Beliau menetap di Selangor dan Kuala Lumpur, dan dikatakan turut terlibat secara langsung dalam pembangunan Kuala Lumpur, umpamanya beliau merupakan Ketua yang membuka kawasan Pudu-Bukit Bintang dan membuka kebun di Bukit Nenas serta Sungai Putih (Jalan Bangsar). Haji Abdullah Hukum adalah salah seorang *juak-juak* (pembantu) kepada Raja Mahmud Ibni Almarhum Sultan Muhammad. Raja Mahmud adalah waris Negeri Selangor yang pernah menjadi Ahli Majlis Selangor. Beliau juga dikenali sebagai Tengku Panglima Raja Selangor dan merupakan seorang Panglima yang terulung di Semenanjung.

Setelah Kuala Lumpur menjadi maju bukan sahaja pembesar serta Penghulunya kehilangan fungsi dan peranan disebabkan penjajahan British malah nama mereka tidak diketahui lagi oleh generasi hari ini berbanding dengan nama Yap Ah Loy (1837-1885)

yang hanya merupakan seorang imigran dari Cina dan sebagai Kapitan Cina yang dilantik oleh British, bukannya pembesar Negeri Selangor (Adnan Hj. Nawang, 1997: ix).

Dalam rentetan kisah Haji Abdullah Hukum mengenai Kuala Lumpur ia merujuk kepada zaman selepas tahun 1850-an dengan diberi perhatian bahawa Kuala Lumpur sebelum kedatangan British (belum munculnya Yap Ah Loy) telahpun berdiri dengan kukuh satu struktur pentadbiran tradisional di setiap kawasan seperti Hulu Kelang, Gombak, dan Ceras di bawah pembesarnya sendiri. Penduduk Melayu Kuala Lumpur sememangnya tidak ramai dari semasa kesemasa. Mereka semakin tersisih akibat dari kemasukan kaum imigran terutamanya orang Cina.

Pada tahun 1850 Kuala Lumpur hanya terdapat dua lorong sahaja iaitu Jawa Street dan Market Street, manakala Ampang Street (Lorong Ceti) pada masa itu adalah kolam ikan yang dimiliki Sutan Puasa. Rumah-rumah kedai pada masa itu adalah beratap bertam dan berdinding pelupuh. Orang berniaga di situ menjual kain dan makanan, semuanya adalah orang Melayu dari bangsa Rawa dan Mandailing. Ketua peniaga-peniaga ini adalah Sutan Puasa dan Raja Bilah. Kedua-dua ketua ini mengutip hasil dagangan melalui Sungai Kelang atau Sungai Gombak. Cukai timah yang dikenakan ialah satu ringgit *sebahara* (tiga pikul).

Peperangan di antara orang Pahang dengan orang Selangor berlangsung untuk beberapa ketika. Apabila Raja Mahmud balik atau lari ke Kuala Lumpur dari Ampang maka orang Pahang pun mendesak. Rombongan orang Pahang menyuruk dalam hutan di sekeliling. Ketika itu Raja Layang, orang Minangkabau yang lari dari Kajang ke Rekoh telah mengambil bahagian memerangi Kuala Lumpur di sebelah orang Pahang. Raja Layang ini banyak membawa bala tentera dan kawan-kawannya semua orang Minangkabau belaka.

Pahlawan-pahlawan terbilang perkasa adalah pahlawan Tuan Syeikh Muhammad Taib, pahlawan Tuan Syeikh Muhammad Ali, Haji Kecik, Imam Perang Mat Aris, Khatib Raja (adik kepada Dato' Khatib Koyan) dan Ginti Ali.

Peperangan demi peperangan tidak kunjung berhenti, bahkan satu catatan sejarah menyatakan bahawa peperangan ini berterusan selama 30 tahun (Adnan Hj. Nawang, 1997: 26).

Pada masa Raja Mahmud Ibni Sultan Muhammad menjadi

Penghulu Kuala Lumpur terdapat banyak kebun di Bukit Nenas yang mendapat surat kebenaran daripada beliau. Kuala Lumpur semakin lama semakin ramai dan semakin banyak perniagaan di bawah orang Melayu. Rumah-rumah kedai pun banyak dimiliki orang Melayu. Adapiun orang kaya pada masa itu kebanyakannya adalah orang Minangkabau seperti Haji Abdul Samad, Haji Abdul Majid Panjang, Haji Abdul Samad Panjang, Haji Abdul Sama Kecil, haji Muhammad Ali, Haji Othman (Imam menjadi Kadhi di Kuala Lumpur, Haji Zainal Abidin, Hajjah Fatimah (bonda dari Haji Ali), Baginda Kaya Haji Arshad dan DatukMaha Raja.

Di kalangan orang Mandailing pula adalah Sutan Puasa dan orang Kerinci adfalah haji Arshad. Di kalangan orang Melaka Datuk Abdullah, di kalangan orang Pulau Pinang ialah Cik Din. Encik Baki daripada Melaka adalah mertua kepada Haji Abdullah Hukum. Di kalangan masyarakat Aceh tersebut Haji Saleh.

Mesjid yang mula-mula sekali didirikan di Kampung Melaka dibina oleh Encik Baki. Mesjid itu dinamakan Mesjid Melaka (sekarang Mesjid Keling atau Mesjid Chulia). Orang Minangkabau pula mendirikan sebuah mesjid lain kebetulan di tapak Gedung Gian Singh di Jawa Street (sekarang Jalan Tun Razak).

Timbul konflik di kalangan masyarakat Melayu Kuala Lumpur tentang menunaikan sembahyang Jumaat di mesjid yang dibina oleh suku masing-masing, hingga hampir menimbulkan perkelahian besar.

Campur tangan kerajaan pada waktu itu Yang Maha Mulia Sultan Abdul Samad Alam Shah sedang melawat Kuala Lumpur. Baginda telah memadamkan persengketaan itu dan dengan titahnya hendaknya sembahyang Jumaat hendaklah bergilir-gilir di antara dua buah mesjid.

Sebagai tanda terima kasih orang ramai kepada Sultan, sebelum baginda berangkat ke Kelang beberapa persembahan telah dibuat seperti seekor kuda putih dari Haji Baki dan enam ekor kerbau dari Datuk Sati Penghulu Setapak, Mat Saman Penghulu Batu, Haji Kecil Penghulu Petaling, Raja Mas penghulu Raja Kelang, Imam Muhammad penghulu Ampang, Dan Haji Abdullah Hukum yang berkedudukan di Sungai Putih dan Bukit Changgi Putih.

Di antara Penghulu yang terkenal di Kuala Lumpur berketurunan Minangkabau adalah Dato' Khatib Koyan pada tahun 1924. Kawasan jajahan beliau adalah dari Batu 2 (sekarang Chow Kit) hingga ke

kawasan Gombak. Beliau berasal dari Kampung Dalam, Pasaman, Sumatera Barat (Temubual dengan salah seorang cucunya bernama Che Wan, di Gombak). Keterangan ini diperkukuhkan lagi dengan datangnya sepucuk surat dari seorang anak daripada kemanakan beliau bernama Nurjain yang menjelaskan tentang salasilah Datuk Khatib Koyan di Sumatera (surat bertarikh Ogos 1999).

Datuk Khatib Koyan dalam menjalankan peranannya sebagai penghulu dibantu oleh beberapa orang asisten penghulu, di antaranya ialah Datuk Abbas, Datuk Muning, dan lain-lain. Para pembantu penghulu ini seterusnya menggantikan Dato' Khatib Koyan secara berurutan menjadi penghulu di kawasan ini.

Di antara tugas-tugas penghulu adalah dalam pembagian kupon getah kepada masyarakat dan kemudiannya ditukar dengan beras atau barang-barang keperluan harian yang lain. Tempat pembagian kupon ini dilaksanakan di rumah Dato' Khatib Koyan disebut dengan *Rumah Bakti* beralamat Nombor 361 Batu 4 _ Jalan Gombak (Temubual 22 Ogos 1999).

Sewaktu Dato' Khatib Koyan menjalankan tugasnya, beliau mempunyai hubungan baik dengan British dan juga dengan Kerajaan Negeri Selangor. Beliau mengusahakan kegiatan mendulang bijih timah mulai di sepanjang Sungai Gombak hingga ke Kuala Lumpur. Beliau merupakan juga salah satu orang yang kaya di Kuala Lumpur kerana memiliki sejumlah besar tanah dari Batu 2 hingga Batu 9 Gombak. Beliau juga memperhatikan pembangunan di bidang agama dengan membina sebuah mesjid beratap dan berdinginkan zing di pekan Setapak sekarang dan selanjutnya mesjid ini telah diubahsuai pada tahun 1933 dengan nama Mesjid Jaminul Ehsan.

Pada tahun 1926 orang pertama di antara dua tokoh Melayu yang terkemuka di Kuala Lumpur telah menerima anugerah khas bagi perkhidmatan cemerlang. Pada 5 Julai 1926 di Kelab Sultan Sulaiman Kampung Bahru, Bintang Imperial Service Medal (ISM) telah dianugerahkan kepada Dato' Khatib Koyan yang telah menjadi Penghulu Mukim Setapak daerah Kuala Lumpur. Beliau berkhidmat sebagai Penghulu lebih dari 46 tahun. Namanya sangat terkenal di kalangan masyarakat Melayu di Kuala Lumpur. Penyampaian bintang itu dilakukan oleh Residen British dan satu perbarisan kehormat dan juga pancaragam telah disampaikan oleh Rejimen Sukarela Melayu di bawah pimpinan Leftenan Muda Raja Uda Bin Raja Muhammad

dari Infantri Sukarela Melayu (100 Tahun Kuala Lumpur, 1990: 102).

Dato' Khatib Koyan mengakhiri masa pentadbirannya di kawasan ini pada umur 80 tahun dan meninggal di Gombak. Terdapat sebatang jalan di Kampung Bahru yang menggunakan nama beliau kerana menurut anak angkatnya bernama Sarinam *ia* Syarifah bahawa beliau menggunakan jalan itu untuk pergi memikat burung ke Gonggang (Setapak).

Di antara penghulu-penghulu Kuala Lumpur pada 1928 adalah Abdul Razak Bin Abdul Ghani diikuti dengan Ahmad Bin Panglima Garang Ishak sebagai Ketua Penghulu Kuala Lumpur.

Penentangan Terhadap Malayan Union

Selepas Perang Dunia II usaha-usaha untuk menggubal satu perlembagaan baru bagi tanah Melayu telah dilaksanakan oleh Pejabat Tanah Jajahan (colonial office) di London. Dalam rancangan yang dikenali sebagai Malayan Union, Kerajaan British bercadang untuk mengubah taraf Negeri-negeri Melayu daripada negeri-negeri yang bernaung (protectorate) kepada tanah jajahan British (colony).

Semasa Kerajaan British menggubal rancangan tersebut tiga memorandum telah diterima di London. Satu daripadanya dikemukakan oleh Persatuan British Malaya, satu lagi oleh Tan Cheng Lock, seorang pemimpin Cina yang terkenal di tanah Melayu. Kedua-dua memorandum ini bersetuju supaya semua negeri Melayu disatukan di bawah satu kesatuan dengan kuasa dan hak politik yang sama rata bagi semua penduduk.

Sekumpulan pelajar Melayu di United Kingdom mengemukakan satu cadangan baru mengenai memorandum tersebut untuk menentang rancangan Malayan Union. Memorandum mereka sebaliknya telah mencadangkan supaya kedaulatan Sultan-sultan diiktiraf dan hak kerakyatan mengikut prinsip *Jus Soli* (hak mendapat kerakyatan berdasarkan kelahiran di negara tertentu) tidak diamatkan. Golongan pelajar Melayu di United Kingdom bimbang sekiranya Malayan Union ditubuhkan, kedaulatan Raja-raja Melayu dan masa depan politik Melayu akan terjejas.

Pada bulan Oktober 1945 Sir Harold MacMichael telah datang ke tanah Melayu untuk mendapat tanda tangan supaya menyerahkan kuasa politik kepada pihak British. Walaupun pada mulanya terdapat Sultan yang tidak setuju dengan cadangan tersebut tetapi kerana ugutan yang telah dilakukan sehingga akhirnya MacMichael berjaya dalam misinya. Perlembagaan tersebut menyatakan bahawa semua negeri Melayu termasuk Pulau Pinang dan Melaka akan disatukan di bawah satu pemerintahan Pusat (kecuali Singapura). Kuasa yang mutlak pemerintahan adalah di tangan Gabenor British yang dilantik. Sultan-sultan hanya menjadi Raja terhormat dan menjadi anggota Majlis Penasihat sementara Gabenor menjadi Pengerusinya.

Hak kerakyatan semua pendatang bukan Melayu telah diberi secara *Jus Soli*. Hal tersebut bermaksud rakyat dan kaum pendatang yang dilahirkan selepas Malayan Union ditubuhkan secara automatik akan menjadi warganegara Persekutuan Tanah Melayu. Dalam perlembagaan tersebut dinyatakan bahawa orang Melayu akan hilang hak dan keistimewaan mereka sebagai bumiputera. Mereka dianggap sama taraf dengan orang bukan Melayu. Pertubuhan Malayan Union ini juga telah menjejaskan kedaulatan dan keistimewaan Raja-raja Melayu kerana sebelum ini mereka dianggap sebagai pelindung dan penaung kepada orang Melayu.

Dasar rancangan Malayan Union ini terkandung dalam kertas putih dan disiarkan dalam Warta Kerajaan bertarikh 22 Januari 1946. Kandungan perlembagaan tersebut telah difahami oleh orang Melayu dan tahu muslihat Sir Harold McMichael yang mewakili pihak Kerajaan British. Hal ini dengan jelas menunjukkan bahawa Kerajaan British telah mengenyepikan pandangan Persatuan Pelajar-Pelajar Melayu di London sebaliknya telah menerima pandangan orang Cina yang diketuai oleh Tan Cheng Lock.

Kebangkitan politik Kampung Bahru berlaku apabila satu perjumpaan besar-besaran diadakan di Kelab Sultan Suleiman pada 1 Mac 1946 untuk menentang Malayan Union. Antara tokoh-tokoh yang hadir dari Kampung Bahru ialah Datuk Kamaruddin Haji Idris, Tuan Haji Maranom (a) Haji Abdul Karim Muhammad, Haji Ahmad Ghazali Hashim, Haji Raden Supatan dan lain-lain.

Pada saat yang kritikal ini orang Melayu telah bangkit menentang rancangan Malayan Union. Pada 29 dan 30 Mac 1946 satu persidangan khas anjuran Kongres Melayu se Malaya telah diadakan

di Kuala Lumpur dan mereka telah bersetuju seperti perkara berikut:

1. Menggesa orang Melayu memulaukan Malayan Union dan segala istiadat pelantikan Gabernor.
2. Menggesa Raja-raja Melayu memulaukan Malayan Union dan segala istiadat pelantikan Gabernor.
3. Menggesa orang Melayu bergabung dan melilitkan kain putih di songkok selama tujuh hari, mula 1 April 1946 iaitu tarikh penubuhan Malayan Union.

Satu hal yang nyata dan buat yang pertama kalinya dalam sejarah nasionalisme Melayu, bangsa Melayu telah dengan lantang mengenyahkan kepentingan kenegerian dan bersatupadu menentang rancangan Malayan Union. Dalam kongres tersebut satu keputusan telah diambil untuk menubuhkan sebuah parti politik Melayu bagi memperjuangkan hak dan kepentingan politik sebagai satu bangsa yang bermarwah.

Akhirnya kongres tersebut telah menggesa kerajaan British membatalkan Malayan Union dan mengekalkan keadaan sebelum tahun 1941. Kongres tersebut telah berjaya menggabungkan 41 pertubuhan Melayu pada masa itu, termasuk Persatuan Orang Asli. Semasa persidangan tersebut bermula beberapa orang tokoh intelektual Melayu termasuk Zainal Abidin bin Ahmad (Pendeta Za'ba). Beliau telah mendedahkan masalah ekonomi dan kemiskinan orang Melayu dan menggesa mereka supaya sedar dan insaf tentang nasib bangsa. Tantangan yang tidak diduga sungguh memeranjatkan Parlimen Inggeris. Ekoran daripada itu dua orang ahli Parlimen Inggeris telah didatangkan khas untuk melihat sendiri kedudukan yang sebenar mengenai penentangan ini. Akhirnya pihak Inggeris terpaksa tunduk dan mengalah serta Malayan Union dibubarkan pada 1 Februari 1948 dan sebagai ganti bersetuju menubuhkan Persekutuan Tanah Melayu.

Pada 11 Mei 1946 Kongres Melayu se-Malaya telah diadakan di Johor Bahru dan hasil daripada resolusi awal yang dipersetujui di Kuala Lumpur bahawa sebuah pertubuhan politik yang dikenali sebagai Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PERKEMBAR) telah ditubuhkan. Terjemahan parti tersebut dalam bahasa Inggeris ialah: United Malays National Organization atau pendeknya UMNO).

Sebagai sebuah pertubuhan politik Melayu yang lantang UMNO terus menerus mengadakan rapat-rapat umum di seluruh

negara bagi menentang rancangan Malayan Union. Orang Melayu terus memberi sokongan kepada UMNO sehingga perkara ini mendapat perhatian Parlimen British.

Selain UMNO terdapat juga parti-parti politik lain pada tahun 1950-an yang disifatkan sebagai radikal dan ekstrimis oleh British. Pada Oktober 1945 sebelum tertubuhnya UMNO terdapat sebuah Parti Politik Melayu yang bernama Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dengan para pemimpinnya yang terdiri daripada Mukhtar Ruddin Laso, Dahari Ali, dan Dr. Burhanuddin Al Helmy. Salah seorang pengasas parti tersebut ialah Ahmad Boestamam dan kemudian dilantik sebagai Ketua Pemuda PKMM.

Selepas Kongres Melayu se Malaya yang ketiga di Johor Bahru pada 11-12 Mei 1946, Dr. Boerhanuddin Al Helmy bersetuju dengan keputusan penubuhan UMNO. Walau bagaimana pun dua bulan kemudian PKMM keluar daripada UMNO kerana mempertikaikan tentang warna bendera UMNO. PKMM mahu warna bendera sama dengan bendera negara Republik Indonesia. Parti ini cenderung supaya tanah Melayu bergabung dengan Indonesia untuk mencapai kemerdekaan.

Pada umumnya terdapat dua kumpulan nasionalis Melayu yang bergiat cergas dalam tahun 1950-an. Golongan pertama ialah golongan berpendidikan Inggeris serta sanggup berkompromi dengan pihak penjajah, antara tokoh tersebut ialah Yang Dipertua UMNO yang pertama Dato' Onn bin Jaafar. Kumpulan yang kedua terdiri daripada kumpulan *Grassroot* yang terdiri daripada tokoh-tokoh nasionalis seperti Dahari Ali, Dr. Burhanuddin Al Helmy, Ahmad Boestamam, Ishak Haji Muhammad, dan A. Samad Ismail.

Kampung Bahru dan Masa Depan

Kampung Bahru hari ini banyak ditentukan oleh masa lalu sesuai dengan perjalanan sejarahnya sebagai tempat bermukimnya orang Melayu. Kampung ini sangat erat kaitannya dengan perkembangan bandar Kuala Lumpur sebagai ibu negara Malaysia.

Kampung Bahru telah menempuh tiga tahap perkembangan. Tahap pertama, bermula dengan penubuhannya sebagai satu perkampungan Melayu pada awal abad ke-20. Ketika itu Kuala Lumpur sedang berkembang sebagai sebuah kota dan ibu negara. Lembaga Pengurusan Kampung Bahru yang dikuasai oleh pentadbir-pentadbir Inggriz telah cuba membangunkan Kampung Bahru sebagai kawasan kediaman orang-orang Melayu dan mempertahankan tarafnya dengan menghalang orang bukan Melayu daripada menduduki kawasan ini. Pada tahap ini pembinaan infrastruktur seperti jalan, dan bangunan tidak dilakukan dengan bersungguh-sungguh kerana ketika itu Kampung Bahru hanyalah sebuah pertempatan golongan berpendidikan rendah dan berpendapatan kecil.

Pada tahap kedua proses perkembangannya ialah pada pertengahan abad ke-20 iaitu apabila berakhirnya zaman penjajahan dan negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957. Pada tahap ini Kampung Bahru sudah menjadi satu kawasan kediaman orang-orang Melayu yang sudah agak kukuh. Ketika itulah usaha-usaha giat

dijalankan untuk memajukan penempatan Melayu ini dengan pembinaan rumah kediaman dan rumah kedai yang lebih teratur. Jalan-jalan baru telah dibina dan yang lama diperbaiki. Nama-nama jalan telah diubah untuk mencerminkan identiti komuniti Melayu. Pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor telah diberi tanggungjawab untuk menguruskan pembangunannya.

Tahap ketiga dalam perkembangannya ialah kemasukan Kampung Bahru ke dalam Wilayah Persekutuan dengan akta parlimen pada bulan Februari 1972 dan dengan ini Kampung Bahru telah ditadbir secara langsung oleh Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL).

Sehubungan dengan itu jawatan Yang Dipertua Lembaga Pentadbir Kuala Lumpur dipegang oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur dan segala urusan pembangunan Kampung Bahru dikendalikan terus oleh DBKL. Sebagai reaksi kepada perkembangan terbaru ini Lembaga Pengurusan Kampung Bahru telah menghantar satu memorandum kepada DBKL. Lembaga ini telah mendesak DBKL supaya mengekalkan taraf wawasan ini termasuk kawasan-kawasan setinggan seperti Kampung Cendana dan Kampung Limau yang rata-rata diduduki oleh keluarga Melayu. Memorandum ini telah dibuat kerana orang Melayu di Kampung Bahru merasa khuwatir dengan kemasukan wilayah ini ke Wilayah Persekutuan maka tidak akan dapat mempertahankan kedudukan mereka kerana Kampung Bahru sahajalah merupakan satu-satunya kawasan di Kuala Lumpur yang boleh dianggap kawasan Melayu.

Pada tahun 1975 telah disediakan pelan pembangunan Kampung Bahru dengan mensyorkan pencantuman lot-lot tanah yang lebih kecil untuk pembinaan pembangunan yang memuaskan. Sehubungan itu DBKL telah meningkatkan pembinaan sistem infrastruktur dan kemudahan awam di Kampung Bahru. Bangunan-bangunan baru dan moden telah muncul terutamanya di sepanjang Jalan Raja Abdullah, Raja Alang dan Jalan Raja Muda.

Walau bagaimana pun keseluruhan pembangunan ini di kawasan tersebut adalah Ad hoc tidak seimbang dan lembab. Bangunan-bangunan usang dan tidak tersusun masih memenuhi kawasan tertentu. Ini menunjukkan bahawa pendekatan secara pencantuman berbagai lot tanah adalah tidak praktikal dan sukar dilaksanakan. Pada tahun 1985 DBKL telah mengubah perancangannya dengan

menyediakan satu konsep pelan pembangunan yang menggalakkan setiap pemiliknya membangunkan lot mereka secara persendirian. Untuk tujuan itu insentif yang diberikan ialah meminimumkan pengambilan tanah untuk tujuan infrastruktur dan melonggarkan piawaian terhadap pembinaan tambahan dan pembesaran pembangunan.

Meskipun pendekatan ini telah menarik minat pemilik-pemilik tanah untuk memajukan hartanah serta menghasilkan pertumbuhan bangunan-bangunan terutamanya untuk kediaman dan bangunan komersial. Usaha persendirian penduduk ini menimbulkan pembangunan yang tidak terkawal. Pembangunan hanya bertumpu di kawasan tertentu seperti Kampung Atas A, kampung Atas B, dan kampung Mesjid. Manakala kawasan lain masih terbiar kerana halangan tertentu yang melibatkan kemampuan ekonomi pemilik tanah (Kogela, 1998: 31-32).

Hari ini Kampung Bahru mempunyai keluasan 302,48 ekar. Kedudukannya agak ke Utara dari pusat Kuala Lumpur, tetapi masih boleh dianggap di tengah-tengah Wilayah Persekutuan. Kampung Bahru disempadani oleh Jalan Raja Muda disebelah Utara, Jalan Tungku Abdul Rahman di sebelah Barat dan Jalan Dang Wangi di bagian selatan, dan Sungai Kelang di sisi Timurnya.

Suatu perkara yang perlu disebut tentang kedudukan Kampung Bahru, kerana ia berhampiran dengan kawasan Chow Kit. Kawasan ini adalah pusat perniagaan yang paling dekat dengan Kampung Bahru.

Kampung Bahru kini mempunyai penduduk kira-kira seramai 20,277 orang mengikut bancian 1991 (Khoo Soo Gim, 1995). Angka tersebut agak mengelirukan kerana ia tidak mengambil kira penduduk asing yang menetap secara haram atau tanpa izin yang kebanyakannya tinggal di kawasan setinggan yang terdapat di sekitar Kampung Bahru. Oleh itu penduduk sebenar adalah lebih besar dari angka di atas. Secara kasar sekarang Kampung Bahru dapat dibahagikan kepada sembilan kampung kecil dan tiga kampung haram (setinggan). Sembilan kampung ini dipanggil juga wilayah. Kampung tersebut adalah Kampung Sungai Baru, Kampung Mesjid, Kampung Hujung pasir, Kampung Periuk, Kampung Atas A, Kampung Atas B, Kampung Pindah, dan Kampung Manggis. Manakala kampung setinggan pula ialah Kampung Limau, Kampung

Cendana, dan Kampung Paya Baru.

Kesemua kampung-kampung itu mengambil nama sempena dengan sejarah pembukaannya. Kampung Mesjid adalah merujuk kepada mesjid Jamek Kampung Bahru, kampung ini sudah tentu meliputi persekitaran mesjid tersebut. Kedudukan kampung ini merupakan bahagian yang penting kepada Kampung Bahru. Kampung Paya adalah diambil daripada kedudukan kampung ini semasa diterokai dulu. Kawasan ini adalah kawasan rendah dan berpaya. Kampung Hujung Pasir pula mengambil nama tempat asal sebahagian penduduk yang membuka kawasan ini. Penduduk berkenan adalah berasal dari Hujung Pasir Melaka. Kampung Periuk mendapat namanya daripada perusahaan yang membuat periuk tanah pada masa awalnya. Kampung Atas A dan Kampung Atas B menunjukkan kepada kedudukannya di kawasan tinggi oleh kerana kawasan ini agak besar, maka ia dipecahkan kepada dua. Lapan buah kampung di atas menunjukkan wilayah terawal Kampung Bahru.

Penambahan penduduk yang pesat kemudiannya membuat kawasan ini menjadi sesak dan tidak lagi selesa untuk didiami apalagi untuk menampung kehadiran penduduk baru yang datang dari luar. Mereka yang terdesak dengan keadaan itu telah membuka satu kawasan baru, kawasan ini dinamakan kawasan pindah sempena pemindahan mereka ke kawasan itu.

Kampung Bahru juga seperti kebanyakan penempatan lain di Kuala Lumpur mempunyai kawasan setinggan. Kampung-kampung setinggan tersebut adalah menampung penduduk yang datang dari Kuala Lumpur dan sebahagiannya adalah rakyat Indonesia. Mereka ini tinggal di situ adalah seperti yang dinyatakan sebelum ini tidak mempunyai latar belakang pendidikan tinggi dan kurang kemahiran. Mereka adalah tenaga kerja yang mengisi jawatan rendah seperti pengawal keselamatan, pemandu dan buruh serta mereka yang bekerja di sektor informal, seperti menjadi penjaja makanan.

Kampung-kampung setinggan ini adalah suatu fenomena baru. Justeru itu kampung-kampung ini disebut sebagai kampung baru. Sebagai kampung-kampung setinggan ianya terkeluar daripada lembaga atau Jawatankuasa Pentadbiran Kampung Bahru. Meskipun ia adalah bahagian tambahan kepadanya. Kampung Limau umpamanya adalah tambahan kepada Kampung Periuk. Kampung Cendana adalah bersebelahan dengan Kampung Hujung Pasir.

Kampung Paya Baru dan Kampung Sungai Baru adalah bersempadan dengan Kampung Paya. Kesemua penduduk di kampung-kampung setinggan ini mengaku bahawa mereka tinggal di Kampung Bahru. Justeru itu mereka juga adalah penduduk Kampung Bahru sebagaimana juga penduduk di petempatan lama ketika dulu.

Menyelusuri Kampung Bahru hari ini seseorang masih boleh mengesan wajah lamanya iaitu wajah Kampung Bahru dengan rumah-rumah tradisional (kayu) dan jalan-jalan (lorong) yang sempit yang terdapat di situ merupakan tanda-tanda yang jelas tentang wajah lamanya itu. Namun demikian kehadiran rumah-rumah batu sama ada rumah jenis banglow ataupun rumah pangsa dan deretan rumah kedai di sepanjang jalan utama, seperti Jalan Raja Abdullah memperlihatkan bahawa ia juga turut berubah meskipun tidak pantas kawasan-kawasan sedemikian yang dikira berada dalam lingkungan segi tiga emas. Wajah baru (moden) tersebut hanya ketara apabila usaha pembangunan Kampung Bahru dimulakan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada tahun 1970-an.

Dasar-dasar pembangunan telah dijadikan sebagai panduan utama dalam pelaksanaan Projek Pembangunan Semula Kampung Bahru. Dasar-dasar ini memberikan perhatian yang lebih terhadap kepentingan orang Melayu serta meneliti cara yang terbaik untuk membangunkan Kampung Bahru. Dalam membangunkan kampung Bahru, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah menyusun sebanyak enam dasar iaitu:

Dasar 1

Kepentingan orang Melayu dari segi pemilikan tanah dan pendudukan Kampung Bahru hendaklah dikekalkan.

Oleh demikian tindakan-tindakan yang akan diambil ialah:

- a. Langkah-langkah supaya kepentingan orang Melayu dari segi kepemilikan harta dan penduduk Kampung Bahru tidak terjejas.
- b. Mengenal pasti pendekatan-pendekatan untuk membangun Kampung Bahru supaya matlamat Pelan Tempatan ini tercapai tanpa mengorbankan kepentingan orang Melayu.

Dasar

Pihak berkuasa akan mengkaji bentuk badan (organisasi atau intitusi)

yang paling sesuai dan berkesan untuk melaksanakan pembangunan di Kampung Bahru.

Tindakan yang dilakukan ialah:

- a. Meneliti bentuk dan jenis badan atau organisasi dan institusi yang paling sesuai dan berkesan untuk melaksanakan tugas-tugas sebagai penyelaras, pemegang amanah dan pelaksana Kampung Bahru.
- b. Mengkaji semula undang-undang sedia ada untuk mencari jalan yang paling baik untuk membolehkan Kampung Bahru dibangunkan.
- c. Meneliti kuasa-kuasa yang perlu diberikan kepada badan atau organisasi ini.

Dasar 3

Pihak berkuasa akan menggalakkan pembangunan konfrehensif dan tidak menggalakkan lot-lot kecil dibangun secara sendiri.

Tindakan:

- a. Langkah yang perlu diambil bagi memgalakkan pemilik-pemilik lot kecil membangun tanah, mereka secara bergabung dengan pemilik-pemilik lain.
- b. Sebagai langkah alternatif lot-lot kecil ini perlu dikenal pasti dan jika usaha untuk membangunkan lot-lot mereka tidak berjaya, maka badan yang bertanggung jawab membangunkan Kampung Bahru boleh mengambil balik (acquire) lot-lot ini.

Dasar 4

Pihak berkuasa akan mempercepatkan pembangunan dengan mengenal pasti dan melaksanakan projek pembangunan utama.

Tindakan:

- a. Menyediakan Pelan Tindakan bagi kawasan-kawasan tindakan insentif seperti berikut:
 - Jalan Raja Abdullah
 - Jalan Raja Alang
 - Jalan Raja Muda Abdul Aziz
 - Tapak Pasar Minggu
- b. Mengenal pasti tapak-tapak yang boleh dibangunkan secara konfrehensif.
- c. Mengenal pasti projek penggerak awal dan berusaha untuk

melaksanakan projek-projek ini peringkat demi peringkat.

Dasar 5

Pihak berkuasa akan memberi insentif tertentu untuk mempercepatkan proses pembangunan.

Tindakan:

- a. Pihak berkuasa akan memberi keutamaan yang paling tinggi (top priority) dalam semua urusan berkaitan dengan projek-projek pembanguna Kampung Bahru. Peraturan dan halangan-halangan pentadbiran (bureaucratic red tape) setakad mana yang boleh akan dihapuskan.
- b. Peraturan pentadbiran berkaitan dengan sumber kewangan dan lain-lain akan dilonggarkan bagi projek-projek di Kampung Bahru.

Dasar 6

Pihak berkuasa akan menyegerakan lagi perancangan dan pelaksanaan projek-projek bagi meningkatkan infrastruktur untuk memberi pendedahan yang maksimum kepada semua kawasan.

Tindakan:

- a. Menyediakan Pelan Tindakan 5 tahun bagi meningkatkan keseluruhan infrastruktur di Kampung Bahru.
- b. Mengakaji semula kewangan serta mendapat bantuan daripada Kerajaan Pusat.
- c. Memperbaiki dan mempertingkatkan dalam kadar segera rangkaian jalan tempatan.
- d. Memperbaiki dan mempertingkatkan sistem perparitan dan saluran.

(Sumber: Draf Pelan Tempatan Kampung Bahru DBKL, 1996).

Beberapa pembangunan telah menjadi katalis bagi pembangunan Kampung Bahru. Kuala Lumpur di antaranya:

1. Vision City yang terletak di pintu masuk sebelah Utara ke Kampung Bahru iaitu antara Jalan Raja Abdullah dan Jalan Sultan Ismail. Projek usaha sama ini dibangun oleh Daewoo, syarikat dari Korea dengan yarikat kepunyaan Rashid Hussin Berhad. Lot ini terletak di luar kawasan Malay Agricultural Settlement (MAS).

2. Projek raksasa usaha sama Selbon dan Yayasan Selangor iaitu

bekas tapak rumah Menteri Besar Selangor. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor di sepanjang Jalan Raja Muda Abdul Aziz iaitu pintu masuk Ke Kampung Bahru dari arah Selatan. Lot-lot tanah ini juga di luar kawasan MAS.

3. Di dalam kawasan MAS terdapat juga cadangan pembangunan di Jalan Raja Muda Abdul Aziz. Projek ini merupakan pembangunan campuran di antara tanah yang dimiliki oleh Naza Motor melibatkan 5 lot tanah seluas 40,000 kaki persegi untuk pembangunan hotel dan kompleks membeli belah moden.

4. Koperasi Unit Bersatu (KUB) dalam kawasan pentadbiran MAS akan membina Pusat Pentadbiran (Headquarters) barunya di persimpangan Jalan Raja Uda dan Jalan Tun Razak.

5. Sebuah bangunan yang bernama Marinara yang hampir siap, akan meletakkan ibu pejabat Telekom Malaysia di luar kawasan pentadbiran MAS di antara Jalan Tun Razak dan Jalan Semarak merupakan pintu masuk sebelah Timur ke kawasan Kampung Bahru.

Masyarakat Melayu Kampung Bahru menjadi bertambah kompleks dengan kandungan berbagai kelompok etnik dari Indonesia, seperti Jawa, Minangkabau, Boyan, Banjar, Bugis, dan

Pola Kependudukan Masyarakat Kampung Bahru

Orang Melayu dari perkampungan yang terletak di tebing antara Sungai Kelang dan Sungai Gombak merupakan antara kelompok penduduk awal yang menerokai Kampung Bahru. Pada mulanya pertempatan mereka terpisah dari kelompok etnik yang berbagai keturunan di Kampung Bahru. Orang Melayu Melaka menduduki kawasan yang paling strategik di sekitar Kampung Hujung Pasir. Manakala orang Melayu dari negeri-negeri lain mendiami kawasan sebelah Timur.

Mandailing. Kampung Paya (sesuai sebagai tapak kediaman atau pertanian) menjadi tumpuan tempat orang Jawa, sementara orang Minangkabau yang datang sebagai peniaga menempati kawasan yang mempunyai nilai komersial, seperti di sekitar Jalan Raja Alang dan berhampiran Pasar Minggu untuk menjadikan tapak rumah sekaligus tempat perniagaan. Proses ini akhirnya menjadikan komposisi Kampung Bahru heterogen. Sehingga kini perbezaan etnik sebagai pengenalan identiti masih kekal. Hal ini jelas apabila masih dikaitkan Kampung Hujung Pasir sebagai penempatan orang Melaka. Walau bagaimana pun penggunaan identiti etnik sebagai pengenalan kepada individu atau kelompok tertentu sudah semakin dilupakan oleh generasi muda anak tempatan Kampung Bahru dan tidak digunakan oleh golongan bukan anak tempatan yang menyewa di situ. Sejak dari awal lagi Kampung Bahru menjadi tumpuan golongan

penghijrah dari luar bandar yang bekerja di Kuala Lumpur untuk menyewa tempat tinggal. Ini kerana lokasi Kampung Bahru yang strategik iaitu berhampiran dengan tempat kerja berdekatan dengan pusat bandar, memiliki kemudahan pengangkutan awam, dan lengkap dengan sarana kota.)

Pada umumnya terdapat tiga kategori penyewa di Kampung Bahru. Pertama, golongan yang sudah berkeluarga yang menyewa satu unit kediaman. Kedua, golongan muda (bujang) yang berkongsi menyewa sebuah unit kediaman. Ketiga, individu yang hanya menyewa bilik dan tinggal bersama tuan rumah.

Permintaan yang melebihi penawaran terhadap rumah sewa menyebabkan kadar sewaan yang dikenakan adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan kawasan lain di sekitar Kuala Lumpur seperti Gombak, Selayang, Datuk Keramat dan Kampung Pandan.

Pertambahan penduduk Kampung Bahru juga adalah disebabkan oleh kadar pertumbuhan semula jadi selain dari faktor penghijrahan dari luar. Walau bagaimana pun kebanyakan generasi muda anak tempatan biasanya memilih untuk tinggal di luar Kampung Bahru, iaitu dengan menyewa atau membeli rumah di kawasan lain setelah berkeluarga. Hal ini dapat dicontohkan seperti anak watan Kampung Bahru yang tinggal di luar Kampung Bahru, seperti Tan Sri Azman Hashim, Tan Sri Datuk Samsuddin, Tan Sri Aishah Ghani.

Pertumbuhan atau pertambahan penduduk Kampung Bahru dapat dilihat pada Jadual 1.

Jadual 1. Bilangan Penduduk Kampung Bahru

Tahun	1928	1933	1970	1974	1976	1980	1984	1985	1991
Bilangan	2600	3562	14919	19143	22000	33000	32733	36650	20277

Sumber: DBKL, 1996 dalam Kogela, 1998: 42.

Pada mulanya, Kampung Bahru merupakan kawasan kediaman orang Melayu yang berpendidikan rendah dan berpendapatan kecil. Tetapi pada sekitar 1970-an terdapat sebilangan kecil penduduk Kampung Bahru yang berpendapatan melebihi 1000 ringgit sebulan dan menyandang jawatan tinggi di sektor awam atau swasta (Mohd. Aris Othman, 1985:11). Menurut Razali Agus (1981) telah berlaku peningkatan status sosio-ekonomi yang semakin ketara di kalangan

penduduk Kampung Bahru. Kehadiran kelas menengah Melayu seperti golongan usahawan, profesional, eksekutif membawa perubahan dan membawa pembangunan Kampung Bahru seiring dengan mobiliti sosial dan perubahan sosio-ekonomi penduduk. Oleh itu dapat dikatakan bahawa Kampung Bahru merupakan lokasi yang memaparkan pertembungan antara tradisi dengan pemodenan. Hal ini jelas ternyata melalui pembinaan kediaman berbentuk mewah seperti banglow dan apartmen moden yang terletak bersebelahan dengan rumah kayu yang usang. Jika ditinjau dari segi sosio-ekonomi penduduknya selain didiami oleh golongan kelas pekerja yang berpendapatan rendah, turut juga didiami oleh golongan kelas menengah.

Di sebelah pangsapuri juga terdapat rumah kayu tua dengan rekabentuknya yang amat sederhana sekali. Hakikat ini dapat dilihat pada Jadual 2 tentang jenis kediaman di Kampung Bahru.

Jadual 2: Jenis Bangunan Kediaman di Kampung Bahru 1993

Jenis Bangunan	Peratus Lot	Peratus Unit
Rumah Tradisi	24.1	20.7
Rumah banglow	42.4	25.2
Rumah Berkembar	9.0	8.6
Rumah Pangsa (flat)	2.6	14.6
Rumah Teres	14.1	8.9
Lain-lain	7.8	21.1

Sumber: (Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur, 1993 dalam Sulaiman, 1999: 86).

Jadual di atas memperlihatkan bahawa rumah tradisional ialah rumah kayu melebihi 20 % dari keseluruhan rumah-rumah lain. Jumlah ini agak besar kerana Kampung Bahru bukan sahaja kawasan terkawal di bandar tetapi terletak pula di tengah bandar raya. Dengan wajah yang sedemikian menjadikan Kampung Bahru secara keseluruhan masih merupakan kawasan yang agak mundur lebih-lebih lagi apabila dibandingkan dengan kawasan lain di bandar raya Kuala Lumpur.

Memandangkan hakikat tersebut sekarang kerajaan sedang

merancang membangun semula Kampung Bahru agar seimbang dengan kawasan sekelilingnya. Matlamat pembangunan semula adalah untuk meningkatkan nilai hartanah di sini agar tidak terlalu rendah berbanding dengan kawasan sekitarnya.

Di sini hingga sekarang masih tidak terdapat bangunan pencakar langit dan belum ada pusat perdagangan, atau institusi kewangan yang besar. Nilai sebuah lot tanah bandar adalah ditentukan oleh kegunaannya seperti kediaman, perdagangan, perindustrian ataupun perhotelan.

Rancangan pembangunan semula dan pelannya telah pun disediakan oleh DBKL sejak tahun 1975. Namun tidak dapat dilaksanakan kerana penduduk Kampung Bahru khususnya pemilik tanah bersikap dingin terhadapnya. Sepuluh tahun kemudian sekali lagi DBKL mengajukan kepada penduduk Kampung Bahru tetapi masih gagal mendapat sambutan daripada pemilik tanah. Meskipun DBKL membayangkan bahawa pembangunan semula memungkinkan Kampung Bahru menjadi kawasan perdagangan dan kediaman moden. Tetapi pemilik tanah masih kabur dan penuh masalah untuk dilaksanakan. Masalah paling besar yang dihadapi ialah pemilik tanah bimbang akan terlepas dari pemilikan mereka. Ini menunjukkan bahawa mereka lebih berminat mengekalkan hak milik itu walaupun tanah berkenan tinggal begitu saja.

Perkembangan selanjutnya terhadap rancangan pembangunan semula itu ialah arahan Perdana Menteri Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed setelah beliau melawat Kampung Bahru pada tahun 1991. Ekoran dari arahan ini yang paling penting ialah pentadbiran kawasan ini sepenuhnya oleh DBKL. DBKL pula telah diserahkan kuasa memajukan hartanah di Kampung Bahru serta mendapatkan dana swasta seperti daripada bank untuk membiayai projek pembangunan.

Dalam rancangan pembangunan semua ini telah dilibatkan agensi-agensi kerajaan yang bersangkutan, seperti Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Peguam Negara, Bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan dan Pejabat Tanah Wilayah Persekutuan serta syarikat-syarikat swasta. Dalam usaha melaksanakan rancangan semula itu pelbagai jawatankuasa dan badan induk telah dibentuk. Jawatankuasa dan badan induk tersebut ialah Jawatankuasa Pembangunan Semula Kampung Bahru, Urusetia Pembangunan Kampung Bahru, Klinik Urusetia Pembangunan Semula Kampung

Bahru, Persatuan Pembangunan Kampung Bahru, Majlis Pembangunan Kampung Bahru, Jawatankuasa Pemandu Pembangunan (Kampung Bahru), Jawatankuasa Pelaksanaan Kampung Bahru dan Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Kampung Bahru.

Kewujudan jawatankuasa dan badan yang banyak tersebut adalah bertujuan untuk menyelesaikan berbagai masalah dalam pelaksanaan perancangan ini. Masalah-masalah itu selain daripada sikap para pemilik tanah, saiz tanah yang kecil, sebidang tanah dimiliki beberapa orang (*multiple ownership*) dan kekurangan modal.

Pembangunan semula Kampung Bahru dari segi urbanisasi adalah amat penting kerana ia merupakan suatu proses perubahan yang dilakukan secara sengaja bagi memajukan orang Melayu agar jurang kemajuan itu tidak begitu luas dengan etnik yang lain. Pembangunan semula Kampung Bahru bukan saja mendapat mempertingkatkan pembangunan fizikal bahagian bandar yang didiami oleh orang Melayu tetapi juga menjadikan orang Melayu sebagai orang bandar iaitu bukan hanya orang Melayu yang tinggal di bandar dengan pemikiran yang agak kolot. Tegasnya pada tahap yang lebih pesat ianya sesuai dengan hasrat kerajaan menjadikan negara ini sebagai sebuah negara moden pada abad yang mendatang sebagaimana yang dibayangkan oleh Wawasan 2020 (Sulaiman, 1999: 90).

Sejarah Kuala Lumpur dan Kampung Bahru memperlihatkan bahawa urbanisasi orang Melayu telah melalui dua tahap. Tahap awal iaitu masa zaman kolonial dan tahun-tahun awal kemerdekaan. Orang Melayu mengalami proses peminggiran meskipun pada permulaan pembukaan Kuala Lumpur orang Melayu turut terlibat dengan kegiatan perlombongan dan perniagaan, tetapi setelah kolonialisasi berlaku, mereka telah diketepikan untuk terus serta dalam kehidupan bandar. Pihak berkuasa kolonial telah mengeneppikan masyarakat Melayu sama ada secara langsung seperti mengadakan kawasan rizab Melayu atau secara tidak langsung dengan mengadakan peraturan bandar yang berat ataupun melalui cengkaman ekonomi kapitalis. Kewujudan Kampung Bahru adalah berkait dengan hakikat ini. Kampung Bahru diwujudkan untuk menjadi kampung bagi orang Melayu agar mereka terus dapat bertani. Akibat dasar kolonial itu Kampung Bahru juga tidak berkembang pesat, tidak selaras dengan perkembangan Kuala Lumpur itu sendiri.

Perubahan terhadap Kampung Bahru khususnya bagi orang Melayu hanya berlaku pada tahap kedua iaitu setelah dilancarkan DEB pada awal tahun 1970-an. Dasar ini yang bermatlamat meningkatkan penyertaan orang Melayu dalam ekonomi negara dalam semua sektor telah menggalakkan orang Melayu untuk turut terlibat dalam kehidupan bandar akibatnya Kuala Lumpur dan Kampung Bahru mula dibanjiri oleh orang Melayu.

Dasar Ekonomi Baru yang diperkenalkan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bukan semata-mata pemberian saham atau kontrak kepada kaum bumiputera. DEB meliputi kegiatan ekonomi dan sosial. Sebelum adanya DEB ini anak Melayu baik di Kampung Bahru maupun di desa yang berpelajaran tinggi amatlah berkekurangan. Sejak diperkenalkan terdapat ramai anak-anak orang kampung, anak pekerja mahir dan tidak mahir serta anak orang miskin sudah dapat menikmati pelajaran dan sekarang menjadi orang-orang profesional. Malangnya kadang-kadang mereka ini sendiri tidak sedar bahawa mereka adalah hasil program-program DEB. Ada juga menuduh bahawa DEB cuma menambah jurang perbezaan antara bumiputera dengan bumiputera sendiri.

Masyarakat Melayu perlu melihat bahawa begitu ramai bumiputera dan orang Melayu menuntut di universiti-universiti di dalam dan luar negeri adalah dari hasil Dasar Ekonomi Baru ini. DEB juga berjaya mewujudkan ramai orang kaya bumiputera bukan saja segelintir jutawan Melayu tetapi diketahui adalah anak-anak orang miskin dahulunya. Ini bermakna bahawa DEB memberi munafaat kepada bumiputera yang miskin.

Bagi mewujudkan seorang jutawan bumiputera berkemungkinan terdapat sekurang-kurangnya sepuluh orang jutawan bukan bumiputera, jadi DEB bukan saja mewujudkan jutawan bumiputera malah mewujudkan juga jutawan-jutawan yang bukan bumiputera. Ini adalah amalan sistem free enterprise (sistem bebas), sesiapa yang mempunyai kepintaran dan inisiatif boleh jadi kaya.

Rancangan DEB diasaskan kepada pertumbuhan ekonomi sebanyak 7% hingga 8%. Sekarang diketahui tidak ada pertumbuhan dan dengan itu, target bagi bumiputera tidak mungkin tercapai. Pengkritik kerajaan tahu bahawa matlamat DEB tidak akan tercapai apabila genap masa yang ditentukan untuk dasar ini. Mereka tahu bahawa sebenarnya pencapaian mereka telah melebihi 40 %

walaupun sebelum tamatnya DEB. Mengikut projection yang dibuat pada tahun 1990, sebahagian dari kuota bumiputera dan kuota orang luar akan terdapat kepada bukan bumiputera, tetapi awal-awal lagi mereka menggugat bahawa ketegangan akan berlaku jika ada usaha untuk mencapai matlamat DEB setelah genap tempohnya pada tahun 1990.

DEB dibentuk ialah kerana terdapat perbezaan yang ketara dalam pembahagian kekayaan antara kaum di negara ini. Pada masa DEB dibentuk pertumbuhan ekonomi agak baik dan mengikut perhitungan pada tahun 1970 kerajaan memerlukan 20 tahun saja untuk mencapai objektif 30 % bagi bumiputera yang berjumlah 52 % daripada penduduk negara.

Melalui Dasar Ekonomi baru (1970-1990) berbagai jabatan kerajaan telah ditubuhkan untuk memperbaiki keadaan pembanguna yang tidak seimbang termasuk di Kuala Lumpur. Agensi kerajaan seperti Badan Kemajuan Ekonomi Negeri Selangor, Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Permodalan Nasional (PERNAS) dan Syarikat Pemodal Kemajuan Malaysia Berhad (MIDF) ditubuhkan untuk memudahkan mencapai matlamat DEB, mewujudkan masyarakat peniaga dan pengusaha di bandar. Agensi-agensi tersebut dengan kerjasama kerajaan dan swasta terlibat dalam membangunkan bandar raya Kuala Lumpur sebagai pusat perdagangan dan perniagaan yang moden yang memberi peluang lebih luas bagi penyertaan pengusaha dan peniaga bumiputera.

Berbagai Pusat Pengajian Tinggi ditubuhkan di Kuala Lumpur dan sekitarnya. Peranan Bahasa Melayu juga diperluaskan untuk dijadikan teras perpaduan masyarakat berbilang kaum. Pelaksanaan dasar-dasar pembaikan mewujudkan zon pentadbiran institusi pendidikan dan perkhidmatan seperti yang dapat diperhatikan di Jalan Kelang Lama, Jalan Cheras, Jalan Duta, dan Jalan Tun Razak (Katimin Rostam dalam Titian Warna, 1995:77).

Struktur Kuala Lumpur selepas berakhirnya DEB terus berubah sesuai dengan dasar dan strategi pembangunan bandar yang baru. Kawasan yang paling pesat mengalami perubahan dalam bandar raya Kuala Lumpur yang dulunya bertumpu di beberapa jalan utama kini terus mengalami perkembangan pesat. Pembinaan bangunan-bangunan tinggi seperti di Jalan Melaka, Lebu Ampang, Jalan

Gereja, Jalan Silang, Jalan Pudu, Jalan Sultan Muhammad, Jalan Cheng Lock, dan Jalan Tun Perak membolehkan Kuala Lumpur berperanan sebagai pusat perdagangan wilayah dan korporat berbilang negara. Pembangunan berasaskan pelan struktur mewujudkan guna tanah bandar raya Kuala Lumpur lebih cekap dan tersusun.

Perkembangan guna tanah perumahan telah banyak mengubah corak dan status kediaman. Walaupun beberapa kawasan perumahan status tinggi seperti di Jalan Ampang, Bukit Kenny, Damansara Heigh, dan Jalan Tun Abdul Razak serta kawasan penempatan orang Melayu di Kampung Bahru dan Datok Keramat tidak mengalami perubahan mendadak seperti yang pernah dilaporkan McGee (1971) dan Abdul Samad Hadi (1975).

Pembangunan Kampung Bahru terjejas daripada pembangunan bandar raya dan tertinggal serta terkeluar dari arus perdana usaha pemerintah untuk membantu orang Melayu. Menurut Shamsul biarpun DEB mempunyai berbagai program untuk usahawan orang Melayu namun untuk Kampung Bahru tidak ada. Lanjutnya lagi, fokus perbandaran orang Melayu seperti yang diinginkan oleh DEB tidak melibatkan orang Melayu di Kampung Bahru kerana mereka sememangnya sudah berada di dalam bandar. Dari sudut sejarah dan struktur Kampung Bahru dan juga kawasan rizab Melayu di Kuala Lumpur terus terperangkap dalam keadaan yang cukup malang ini sama ada pada era kolonial mahupun era pasca kolonial malah berlanjutan sehingga DEB tamat (Shamsul A.B., 1997).

Kenyataan ini bukan pula berarti bahawa di Kampung Bahru hingga setakad sekarang tidak ada usaha sungguh-sungguh untuk membangun kawasan ini. Tidak dapat dinafikan bahawa dorongan yang kuat untuk melaksanakan pembangunan ini telahpun datang langsung daripada Perdana Menteri Malaysia Dr. Mahathir Mohamad. Namun demikian usaha gigih untuk melaksanakan pembangunan Kampung Bahru sebagaimana yang dicanangkan oleh Perdana Menteri dan wakil rakyat setempat belum lagi menunjukkan hasil yang memuaskan. Ini berarti pihak pemerintah pun sehingga kini masih mencari upaya dan daya yang tepat untuk dapat menggerakkan pembangunan semula Kampung Bahru yang dapat membawa transformasi sehingga memberi keuntungan kepada semua pihak terutamanya warga masyarakat Kampung Bahru sendiri.

Keadaan orang Kampung Bahru dari segi pendidikan sebahagian besar penduduk kampung ini hanya berpendidikan rendah yakni 50,8 % dan hanya 2,8 % berpendidikan universiti dan 41,2 % berpendidikan SPM dan 5,2 % dari Kolej. Demikian pula halnya sebahagian besar penduduk di sini 57,8 % bekerja dengan kerajaan, sektor swasta 39,2, perniagaan 11,6 %, pemandu dan lain-lain 24 % (Suleiman, 1999: 218).

Sektor pekerjaan tersebut berkait pula dengan kadar pendapatan. Dari hasil penyelidikan didapati bahawa sebahagian besar warga Kampung Bahru mempunyai pendapatan di bawah 500 ringgit yakni 43,6 %, hanya sekitar 1,6 % yang memperolehi pendapatan di atas 3,501 ringgit dan seramai 24 % pendapatan mereka di antara 500 hingga 1,000 ringgit sebulan. Kadar pendapatan dan taraf pendidikan yang rendah agak bertepatan dengan suasana fizikal Kampung Bahru sekarang. Ia kelihatan usang, tertinggal dan agak sesak meskipun terletak di tengah-tengah bandar raya Kuala Lumpur. Melalui politik of numbers dan tindakan kolektif yang disebut oleh Shamsul A.B. (1990) mereka mencuba menghindari untuk tekanan politik dan ekonomi.

Secara keseluruhan gambaran yang dikemukakan terhadap masyarakat Kampung Bahru bahawa telah terjadi urbanisasi. Gambaran ini sudah tentu tidak boleh mewakili keseluruhan orang Melayu di Malaysia. Walau bagaimana pun ia merupakan suatu proses perubahan yang telah dialami oleh sebuah komuniti Melayu bandaran yang paling tua. Kampung Bahru adalah komuniti Melayu terawal yang mengalami urbanisasi (penempatan). Dalam usaha Kampung Bahru yang menjangkau 100 tahun sudah tentu ia dapat melihat pola perubahan yang dialami dalam menghadapi alaf baru.

Meskipun Kampung Bahru pada mulanya sebuah kampung di pinggir bandar Kuala Lumpur, tetapi akhirnya ia terletak di tengah-tengah bandar raya itu. Namun proses urbanisasi yang dialami bersifat evolusi. Sedangkan kawasan sekelilingnya membangun dengan pesat, hal ini memperlihatkan kontrasnya pembangunan di antara Kampung Bahru dengan kawasan sekitarnya yang dikenali dengan nama The Golden Triangle yang merupakan kawasan membangun dalam semua sektor seperti pusat perdagangan, kewangan, perhotelan dan tempat kediaman yang berprestij. Penjelasan yang biasa disampaikan tentang hakikat ini ialah tidak mampunya orang Melayu

untuk bertanding dengan etnik lain khususnya Cina yang memiliki dan mendiami kawasan sekeliling.

Masyarakat Kampung Bahru dianggap masih memiliki ciri-ciri sosio-budaya hidup kampung yang tidak sesuai dengan gaya hidup bandar. Pergeseran nilai dan konflik di antara kaum tercetus dengan rusuhan 13 Mei 1969. Slogan yang dilaungkan oleh masyarakat Cina yang berarak meminta orang Melayu pulang ke kampung, menimbulkan rasa terhina dan kurang senang dari masyarakat Melayu bandar.

Apabila tercetus rusuhan antara etnik penduduk Melayu Kampung Bahru telah melepaskan geram mereka terhadap kekasaran dan perlakuan kurang sopan segelintir golongan ahli politik Cina daripada parti pembakang yang secara simbolik telah mencemuh orang Melayu dengan kata-kata sombong berbau angkuh. Secara lahiriah dan dari segi semangatnya nyata benar orang Cina yang cuba memalukan orang Melayu pada ketika itu ingin membuktikan bahawa Kuala Lumpur adalah kota Cina dan bukan milik orang Melayu. Orang Melayu pada pandangan pihak bukan bumiputera, pada waktu itu hanya orang kampung dan bukan sebagai warga kota. Penggunaan ungkapan tersebut membawa konotasi memandang rendah dan mencemuh martabat orang Melayu yang dianggap sebagai bangsa yang serba mundur apatah lagi di dalam sebuah kota yang dianggap sebagai wilayah yang dikuasai oleh bukan bumiputera.

Selepas ejekan dan ancaman oleh masyarakat Cina, masyarakat Melayu mula mengadakan perarakan bermula di kediaman Menteri Besar Selangor waktu itu Dato' Harun bin Haji Idris. Pada pagi 13 Mei 1969 pihak polis telah memberi permit untuk mengadakan perarakan kerana permit yang sama telah diberikan kepada Parti Gerakan.

Tujuan perarakan yang dianjurkan oleh UMNO Selangor mengundang masyarakat Melayu ke rumah Menteri Besar pada pukul 7 petang dan dijangka perarakan akan bermula pada pukul 7.30. Beberapa pelajar dari ITM juga bergabung dalam perarakan ini kerana mereka telah dimalukan oleh penyokong-penyokong DAP dan Gerakan sehari sebelum itu. Orang-orang yang berarak ke rumah Menteri Besar Selangor dalam keadaan emosi dan sebahagiannya membawa keris dan parang untuk mempertahankan diri jika diserang sewaktu perarakan.

Sewaktu rombongan beratur beberapa pemuda Melayu sebahagian berjalan kaki dan menaiki kenderaan (scooter) mengatakan bahawa kumpulan Cina dan India telah menyerang orang Melayu di Setapak. Berita ini membuat rombongan yang sedang berkumpul di rumah Menteri Besar Selangor dan sekitar Kampung Bahru mula mengamuk.

Kejadian di Setapak itu terjadi pada pukul 6 petang sebelum perarakan dimulakan di Jalan Raja Muda. Pergaduhan mula berlaku di Jalan Campbell, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kampung Datuk Keramat, Kampung Kerinci, Kampung Pandan, dan Cheras.

Peristiwa yang bermula dari Kampung Bahru mula merebak ke seluruh negara. Pertempuran di antara masyarakat Melayu dengan masyarakat Cina di Jalan Tuanku Abdul Rahman dan Jalan Chow Kit ini merupakan keadaan yang terburuk sekali.

Selepas kejadian ini lebih 300 keluarga Cina dari daerah-daerah yang sensitif seperti Jalan Raja Muda dan Datuk Keramat dipindahkan ke Stadium Negara dan penempatan di Jalan Tiong Nam di bawah pengawasan Angkatan Tentera dan Polis DiRaja Malaysia. Perintah berkurung dilaksanakan agar keamanan dapat dikendalikan pada semua daerah, kecuali Kampung Bahru kerana tempat ini dipenuhi oleh orang luar yang datang untuk tujuan mengikuti perarakan dan menjadikan kawasan ini menjadi tempat perlindungan sementara. Sebahagian mereka tinggal di rumah-rumah dan di Mesjid Jamek dan apabila kenderaan mula bergerak Polis dan Angkatan Tentera menghantar pulang orang-orang ini ke kampung masing-masing menaiki kenderaan tentera (A Report The National Operations Council, 1969).

Tarikh 13 Mei 1969 adalah titik tolak sangat penting dalam sejarah hubungan etnik dan isu pembentukan bangsa di negara ini. Ia juga secara ironisnya sangat penting bagi orang Melayu. Akibat daripada peristiwa ini, persoalan hidup mati orang Melayu sebagai bumiputera negara Malaysia dan kepentingan politik serta ekonomi mereka yang akan menentukan keunggulan corak Melayu sebagai asas kepada proses pembentukan bangsa Malaysia.

Secara serius kepimpinan Melayu tertinggi baik di kalangan elit politik mahupun di kalangan cendekiawan Melayu telah sama-sama mencari jalan keluar berasaskan sejarah negara. Hasilnya Rukun Negara telah digubal yang menggariskan beberapa prinsip asas dalam

usaha memberi keyakinan dan jaminan kepada tiap kelompok etnik yang menjadi warganegara Malaysia.


Jika diamati latar belakang sejarah Kampung Bahru begitu ketara sekali bahawa Kampung Bahru diwujudkan oleh pihak kolonial untuk menghindari kontradiksi yang berlaku di bandar Kuala Lumpur. Kolonial menempatkan orang Melayu di pinggir bandar yang mereka bina antara lain agar mereka memiliki tempat tinggal yang termampu oleh mereka dapat berulang-alik ke tempat kerja atau pejabat kerajaan disamping mereka boleh bergiat dalam bidang pertanian dan tidak mencampuri kegiatan ekonomi kapitalis yang lain. Tegasnya dari awal lagi Kampung Bahru terbentuk dari hasil campur tangan kerajaan. Hakikat ini terus menerus mengikat Kampung Bahru dalam pertumbuhan selanjutnya. Keadaan dan transformasi yang berlaku tidak sangat ketara dari ekologi manusia. Kampung Bahru dari awal hingga sekarang terus menjadi pemukiman penghuni asal dengan ruang yang telah ditetapkan sebagai rizab Melayu.


Pada sisi lain hakikat ini berkait dengan persoalan penindasan yang terdapat dalam sistem kapitalis. Kerasukan sistem kapitalis untuk mencari keuntungan dan keengganan membela dan membantu kelas bawahan menyebabkan kelas tersebut terpaksa mencari tempat tinggal yang termampu. Oleh itu tidak hairanlah kalau disebut bahawa Kampung Bahru lebih merupakan kawasan separuh sesak.

Sejarah Kampung Bahru dari mula pembentukannya agak ketara peranan yang dimainkan oleh kerajaan. Oleh itu terdapat justifikasi yang kukuh kerajaan sekarang untuk turut terlibat secara langsung membangun Kampung Bahru. Apa yang penting dan patut dikekalkan sekarang ialah suatu perancangan yang terperinci agar Kampung Bahru dibangun dalam konteks pembangunan orang Melayu bandar.

Peranan Kampung Bahru sebagai pusat kegiatan Melayu bandar telah memperlihatkan kemampuannya dari awal tertubuhnya UMNO pada 11 Mei 1946 di Kelab Sultan Sulaiman dan wujudnya kemerdekaan. Kesedaran masyarakat Melayu terhadap kegagalan mereka dalam pertandingan merebut ruang dan marwah bangsa Melayu hingga tercetusnya peristiwa berdarah 13 Mei 1969. Ekoran dari ini wujudnya DEB untuk menaikkan taraf dan harkat bangsa Melayu di mata dunia. Walaupun Kampung Bahru tidak terlibat dalam agenda khusus DEB, namun segalanya bermula di sini.

SALASILAH SULTAN-SULTAN SELANGOR





Nota: x kahwin

Sumber: Mohd. Yusof Md. Nor, 1984 dan
Mohd. Yusoff Hashim, 1985.

Huraian Salasilah

Dalam Salasilah kekerabatan Kerajaan Negeri Selangor adalah keturunan langsung dari kerabat DiRaja Bugis yang berasal dari Sulawesi yang bersusur galur dari La Maddusila kepada Opu Tanreburung Daeng Relaka raja dari tanah Bugis dan dua lagi saudaranya Pajung dan Daeng Biyasa.

Keluarga DiRaja Bugis Makassar yang masyhur dengan gagah beraninya itu terdapat di dalam sejarah Melayu di Nusantara. Putera Daeng Relaka yang lima bersaudara iaitu Daeng Parani, Daeng Menambun, Daeng Marewa, Daeng Cellak, dan Daeng Kemasa.

Daeng Cellak atau Daeng Pali (Yamtuan Muda Riau Johor II) berkahwin dengan Tun Mandak puteri Sultan Abdul Jalil dari Johor. Daeng Kemasa mengawini puteri Sultan Sambas dan berkembang di sana.

Di Selangor dimana tempat ramainya orang Bugis, putera Daeng Cellak bernama Raja Lumu telah didaulatkan sebagai Sultan Selangor yang pertama dengan gelar Sultan Salahuddin pada tahun 1760-an. Sultan Salahuddin kemudiannya diganti oleh beberapa sultan lain secara turun temurun. Mereka ialah:

- Sultan Ibrahim Ibni Almarhum Sultan Salahuddin (1770-1826).
- Sultan Muhammad Ibni Sultan Ibrahim (1826-1857)
- Sultan Sir Abdul Samad Ibni Raja Abdullah (1857-1898).
- Sultan Sir Alaeddin Sulaiman Shah Ibni Raja Muda Musa (1898-1938)
- Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Sir Alaeddin Sulaiman Shah (1938-1942)*.

Sultan Musa Ghiatuddin (Tengku Musaeddin) Ibni Almarhum Sultan Sir Alaeddin Sulaiman Shah bergelar Tengku Kelana Jaya Putera (1942-1945).

Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Sir Alaeddin Sulaiman Shah (1946-1960)**

Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah Alhaj (1960-sedang bertakhta).

Maka dari segi susunan pemerintahan DYMM Baginda Sultani Salahuddin Abdul Aziz Shah adalah merupakan tokoh pemerintah yang kelapan menaiki dan menduduki takhta Kerajaan Selangor.

Nota

- * = Baginda diturunkan dari takhta kerajaan oleh pemerintahan Jepun lalu diganti oleh kakandanya DYMM Tengku Musaeddin
- ** = Baginda menaiki semula takhta kerajaan setelah pemerintahan Jepun menyerah kepada pemerintahan Inggeris.

Undang-Undang & Undang-Undang Kecil
(Rules & By-Laws)
Malay Agricultural Settlement
Kampong Bharu, Kuala Lumpur
Yang terisytihar di Berita Kerajaan Selangor
No. 50 & 66
Bertarikh pada 18 Januari 1951

Asal Tertubuh 1900

WARTA KERAJAAN SELANGOR
NO. 50, BERTARIKH PADA 18hb. JANUARI 1951

UNDANG TANAH (LAND CODE)

Berita Kerajaan Nombor 50 bagi menjalankan kuasa-kuasa yang telah terserah ke atasnya menurut seksyen (iv) 246 Undang Tanah (Land Code) (F.M.S. Cap. 138).

Maka dengan inilah Raja Pemerintah di dalam Majlis Mesyuarat telah mengadakan peraturan-peraturan seperti yang tersebut di bawah ini bagi mengaturkan fasal orang-orang mendudukinya tanah dan mengelolaknya iaitu tanah simpanan yang ketahu dengan nama Malay Agricultural Settlement seperti yang telah diisytiharkan sebagai pemasyhuran Nombor 30 dan dipinda dengan pemasyhuran Nombor 530 di dalam Warta Kerajaan Bertarikh 12hb Januari 1900 dan 20hb September 1904 menurut satu-satunya:

1. Peraturan-peraturan yang tersebut di bawah ini bolehlah disebutkan "Peraturan Malay Agricultural Settlement Tahun 1950".

ERTI PERKATAAN

2. Di dalam peraturan-peraturan di bawah ini keualikan maksudnya berlawanan dengan perkara atau ertinya:

(a) "Pindah Meninggalkan Tempat" ertinya ialah seorang penduduk atau pun anak isterinya meninggalkan tempat diamnya selama lebih daripada tiga bulan dengan tiada mendapat persetujuan yang tertentu daripada Jemaah itu.

(b) "Jemaah" ertinya ialah Jemaah Jawatankuasa yang mengelolakan hal-ehwal Settlement itu (ahli-ahlinya telah) dilantik oleh Menteri Besar menurut peraturan 3.

(c) "Membuang" ertinya membuang seseorang penduduk daripada Settlement itu oleh Jemaah itu dan namanya dibuang daripada Buku Register Settlement.

(d) "Orang Melayu" ertinya orang Melayu daripada sebarang Bangsa Melayu yang berbahasa Melayu, beragama Islam dan beradat resam Melayu dan seorang yang dikirakan oleh Jemaah itu ialah orang Melayu.

(e) "Mendiami" ertinya seseorang itu dan anak isterinya mendiami kekal pada tiap-tiap bahagian tanah dengan mengambil kira akan hal-ehwal kerjanya dan ia mendiami tempat itu dengan disahkan oleh Jemaah itu.

(f) "Settlement" ertinya Malay Agricultural Settlement, Kampung Bharu, Kuala Lumpur.

(g) "Tukar Nama" ertinya tukar nama dengan jalan jual beli atau pun pemberian yang terbit daripada perasaan kasih sayang iaitu dengan syarat disahkan oleh jemaah.

KELOLAAN

3. Settlement itu hendaklah dikelola dan dikawal oleh suatu Jemaah yang mengandungi seorang Yang Dipertua, seorang Naib

Yang Dipertua, seorang Setiausaha Yang Kehormat dan delapan orang ahli-ahli lain yang dilantik oleh Menteri Besar dari suatu masa kesuatu masa.

4. Jemaah itu hendaklah ada mempunyai kuasa boleh merangka yakni mengarang undang-undang kecil yang sesuai dengan peraturan-peraturan ini bagi mengawal dan mengelola dengan jayanya Settlement ini. Maka memanglah sudah termaklum bagi sekalian penduduk-penduduk barang mana bahagian Settlement ini wajib menurut akan segala undang-undang kecil yang tersebut itu.

5. Jemaah itu haruslah boleh membenarkan siapa-siapa peminta daripada orang Melayu yang sah Melayunya walau apa sekalipun pekerjaannya menduduki barang mana bahagian tanah Settlement ini menurut syarat-syarat yang ditimbangkannya layak dan patut diturut oleh orang itu dikecualikan -

(a) Barang apa bahagian itu tidaklah boleh lebih daripada setengah ekar luasnya;

(b) Tidaklah boleh seseorang peminta diberi ataupun dibenarkan mendapat lebih daripada satu bahagian, kecuali bahagian yang diperolehinya itu ialah pesaka atau pun ia telah mendapat persetujuan yang tertentu daripada Menteri Besar yang telah diterimanya melalui Jemaah itu.

6. Maka menjadi kewajipanlah bagi seorang atau pun beberapa orang waris memberitahu kepada Jemaah itu fasal kematian seseorang penduduk yang telah didaftarkan namanya dalam tempoh enam bulan setelah matinya itu. Jemaah itu haruslah boleh menjatuhkan denda di atas seseorang atau beberapa orang waris-warisan yang tersebut itu oleh kerana kecuaiannya atau pun lalai tiada memberitahu fasal kematian yang tersebut dalam tempoh enam bulan itu.

7. Jemaah itu hendaklah menyimpan sebuah Register di dalamnya hendaklah dituliskan nama-nama penduduk yang telah disahkan, butir-butir fasal memadamkan nama-nama dan fasal mengganti nama penduduk yang lain serta segala butir-butir perkara yang wajib dengan perkara yang tersebut itu dan keterangan fasal bahagian-bahagian yang mereka itu dibenarkan mendudukinya. Tiap-tiap sekali

memasukkan butir-butir yang tersebut itu hendaklah ditandatangani oleh Yang Dipertua serta Setiausaha dan hal yang tersebut ini hendaklah disifatkan sebagai suatu tanda mengesahkan pendudukan sesuatu bahagian itu dan menolak apa tuntutan-tuntutan yang lain di atas bahagian itu.

8. Walau apa pun syarat-syarat khas yang harus dikenakan oleh Jemaah itu di dalam barang apa syarat yang termaklum di dalam peraturan-peraturan ini atau pun yang dikenakan undang-undang kecil yang diadakan menurutnya, maka hendaklah juga menjadi syarat yang termaklum bahawa seseorang penduduk itu hendaklah:

(a) Di dalam tempoh enam bulan atau pun mengikut masa yang harus dibenarkan oleh Jemaah itu, membangunkan sebuah rumah untuk kediaman dengan bentukkan menurut pelan yang telah disahkan oleh Jemaah itu dan ditandatangani oleh Yang Dipertua.

(b) Menghubungkan longkang-longkang rumah tempat kediaman itu dengan mana-mana longkang yang kekal pada daerah itu.

(c) Membersihkan tanah itu supaya jadi baik dan sihat keadaannya serta hendaklah dipagar dengan keadaan memuaskan kepada jemaah itu.

(d) Jangan memelihara binatang-binatang seperti kerbau, kambing di dalam Settlement itu.

9. Tidaklah sekali-sekali boleh seseorang penduduk meluaskan, mengubah atau pun membangunkan semula rumah tempat kediaman dengan tidak terlebih dahulu memaklumkan kepada Jemaah itu suatu pelan bagi kebenarannya.

10. Jemaah itu dengan mengikut timbangannya haruslah boleh mengenakan suatu bayaran bagi tiap-tiap suatu pelan rumah yang dibenarkannya yang telah dimaklumkan kepadanya oleh seorang penduduk menurut peraturan-peraturan 8 (a) dan 9.

11. Jika dengan tiada kebenaran yang tertentu daripada Jemaah itu tidak sekali-kali boleh seseorang penduduk itu -

(a) Membenarkan barang siapa orang lain daripada orang Melayu diam di rumahnya atau pun di barang mana bahagian kawasannya itu;

(b) Menyewa atau pun memberi sewa atas sebuah rumahnya itu.

11. Maka berkuasalah Jemaah itu mengangkat Jawatankuasa kecil dan menambahkan ahli-ahlinya bagi maksud menjalankan syarat-syarat peraturan-peraturan ini.

13. Barang siapa penduduk di dalam sesuatu bahagian (lot tanah) haruslah boleh pada barang bila-bila masa pun dikehendaki oleh Jemaah itu meninggalkan tempatnya atau dibuang setelah diberi kepadanya Notis yang bersurat kerana itu selama tiga bulan terlebih dahulu, jika Jemaah itu menimbangkan kelakuannya dan/atau cara kehidupannya adalah berlawanan dengan tujuan baik Settlement atau pun tidak bersetuju atau pun mendatangkan bencana kepada penduduk yang lain di dalam Settlement itu; melainkan disyaratkan tidaklah boleh dibuat perintah yang tersebut itu dikecuali, setelah dijalankan siasatan yang penuh, demikian pula tidaklah boleh dijalankan perintah itu melainkan keputusan itu telah disahkan dengan cara bersurat oleh Menteri Besar.

14. Jemaah itu ada berkuasa boleh memerintahkan barang siapa penduduk meruntuhkan barang apa bangunan yang didirikannya dengan tiada menurut pelan yang telah diluluskan atau pun bangunan yang telah dibangunkan tetapi diluluskan atau pun bangunan yang telah dibangunkan tetapi tiada dapat kebenaran terlebih dahulu daripada Jemaah itu, jika tiada diturut akan perintah yang tersebut itu maka Jemaah itu bolehlah menjalankan kuasanya menurut peraturan 13.

15. Barang apa kesalahan melawan atau melanggar peraturan-peraturan ini atau pun undang-undang kecil yang telah diadakan

menurut peraturan ini maka haruslah boleh penduduk itu dihukum oleh Jemaah dengan hukuman pindah atau dibuang daripada Settlement itu menurut peraturan 13.

Kenyataan Bilangan 480 dan 950 yang telah distarkan di dalam Warta Kerajaan Negeri-Negeri Melayu Yang Bersekutu bertarikh 19hb Mac 1910 dan 22hb Februari 1935 tiap-tiap satunya itu adalah dengan ini dimansuhkan.

Telah diperbuat pada 23hb Disember 1950.
(Sel.Sec.2047-49).

RUJUKAN

- _____ 1969. *The May 13 Tragedy: A Report. The National Operations Council*. Kuala Lumpur.
- _____ 1990. *Album 100 Tahun Kuala Lumpur Menjadi Penguasa Tempatan*. Kuala Lumpur: Puteries.
- _____ 1991. *Malaysia Kita*. Kuala Lumpur: Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Abdul Ghapa Harun. 1995. *Pembangunan Ekonomi Sebelum DEB*. Dlm. Hairn Abdullah (pnyt). *Titian Warna sejarah pembangunan dan perubahan citra*. Kuala Lumpur: Penerbitan sejarah.
- Abd. Rashid Saad. 1990. *Pembangunan Tanah kampung Bahru, Masalah dan Potensi*. Kuala Lumpur: Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan bahagian Kemajuan Wilayah Persekutuan, Jabatan Perdana Menteri.
- Abdul Samad Ahmad, A.M.N. 1966. *Pesaka Selangor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Adnan Haji Nawang. 1997. *Kuala Lumpur dari Perspektif Haji Abdullah Hukum*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Andaya, B. W. dan Andaya, L. Y. 1982. *A history of Malaya*. London: Macmillan Press. Ltd.
- Anderson, J. 1965. *Political and commercial consideration relative to the Malayan Peninsula and British settlement in the Straits of Malacca*. Singapura: MBRAS.
- A. Talib B. Hj. Ahmad. 1986. *Perang Saudara di Selangor, 1868-1873*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

- Azizah Kasim. 1984. Urbanisasi dan kekeluargaan : kajian kes komuniti setingan Melayu. *Manusia dan masyarakat*. 5. 12-25.
- Gullick, J. M. 1975. Selangor 1876-1882. The Bloomfield Douglas Diary. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*. Volume XLVIII Part 2.No. 228. p.1-51.
- Gullick, J. M. 1983. *The Story of Kuala Lumpur (1857-1939)*. Kuala Lumpur: Eastern Universities Press (M) Sdn. Bhd.
- Gullick, J. M. 1988. *Kuala Lumpur, 1880-1895*. Kuala Lumpur: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd.
- Gullick, J. M. 1993. *Glimpses of Selangor 1860-1898*. Monograph No. 25. Kuala Lumpur: The Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.
- Hairi Abdullah. (Ed). 1995. *Titian Sejarah Pembangunan dan Perubahan Citra Kuala Lumpur*. Kuala Lumpur: Penerbitan Sejarah.
- Haji Buyong Adil. 1981. *Sejarah Selangor*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Hands, J. M. C. H. 1955. Malay agricultural settlement Kuala Lumpur. *The Malayan Historical Journal*. 2. (Disember). 146-162.
- Katiman Rostam. 1995. Pembangunan dan perubahan struktur. Dlm. Hairi Abdullah (pnyt). *Titian warna sejarah pembangunan dan perubahan citra Kuala Lumpur*: 63-84. Kuala Lumpur: Penerbit Sejarah.
- Khazin Mohd. Tamrin. 1984. *Orang Jawa di Selangor. Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940*. Siri Kajian Sejarah Setempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Khoo Kay Kim. 1984. *Kuala Lumpur: satu renungan sejarah*. Seminar Pembangunan Wilayah Persekutuan. Kuala Lumpur, 24-25 Ogos 1984.
- Khoo Kay Kim. 1996. *Kuala Lumpur. The Formative Years*. Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn. Bhd.
- Kogela Vani Mathuraiveeran. 1998. *Modenisasi Dalam Masyarakat Melayu dan Perubahan Dalam Struktur Kekehuargaan: Satu Kajian Kes di Kampung Baru, Kuala Lumpur*. Latihan Ilmiah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lokman Mohd. Zen. 1994-1995. *Sejarah pertumbuhan dan perkembangan Kampung Bahru*. Kuala Lumpur: Laporan Teknik. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- McGee, T. G. 1986. *Proletarianization, industrialization and urbanization in Asia: A case study of Malaysia*. Flinders University Asian Studies Lecture 13.
- Middlebrook, S. M. dan Gullick, J. M. 1983. *Yap Ah Loy, 1837-1885*. Volume XXIV Part 2. Kuala Lumpur: JMBRAS.
- Mogan S. Thacaselan. 1997. *Fenomena modenisasi di kalangan masyarakat Melayu, satu tinjauan di kawasan Lembah Pantai*. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Dengan Kepujian. Jabatan Persuratan Melayu. FSKK, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd. Aris Haji Othman. 1985. *Identiti etnik Melayu*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd. Razali Agus. 1991. *Pola-pola petempatan masyarakat Melayu di Kuala Lumpur*. Siri Monografi Akademi Pengajian Melayu. Universiti Malaya, No.1.
- Mohd. Yusuf Md. Nor. 1984. *Salasilah Melayu dan Bugis*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.

- Mohd. Yusuff Hashim. 1985. *25 tahun pemerintahan DYMM di atas takhta Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan (1960-1985)*. Kuala Lumpur: Penerbit Sarjana.
- Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji . 1982. *Tuhfat Al-Nafis*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Oong Hak Cing. 1995. Pertumbuhan masyarakat majmuk. Dlm. Hairi Abdullah (pnyt). *Titian warna sejarah pembangunan dan perubahan citra Kuala Lumpur*: 17-24. Kuala Lumpur: Penerbit Sejarah.
- Provencher, R. 1971. *Two Malays world: interaction in urban and rural settings*. Berkeley: University of California Press.
- Sadka, E. 1970. *The protected Malay states 1874-1895*. Kuala Lumpur: University Malaya Press.
- Shamsul Amri Baharuddin. 1990. *Masyarakat Malaysia yang membangun*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Selangor Government Gazette, 1990, Vol. 10, No. 20, Januari 26.
- Suleiman Mohamed. 1999. *Transformasi sosial Melayu bandar: Suatu Kajian kes di Kampung Bahru*. Tesis Doktor Falsafah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.